

Cagamas Holdings Berhad

No. Pendaftaran 200701004048 (762047-P)

Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City,
Lingkar Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.

TEL : +603-2262 1800

FAKS : +603-2282 9125

E-MEL : info@cagamas.com.my

LAMAN WEB : www.cagamas.com.my

20
23

LAPORAN
TAHUNAN

ISI KANDUNGAN

- 01 Visi dan Misi
- 02 Kemuncak Kewangan Kumpulan
- 06 Maklumat Korporat
- 07 Struktur Korporat Kumpulan
- 08 Cagamas Berhad dan Anak-Anak Syarikat Lain
- 10 Pemegang Syer

- 12 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 14 Anugerah dan Pengiktirafan
- 15 Perutusan Pengerusi
- 16 Imperatif Perniagaan Kami
- 18 Ulasan Ekonomi dan Prospek
- 20 Tinjauan Perniagaan
- 30 Struktur Organisasi
- 32 Profil Lembaga Pengarah
(Cagamas Holdings Berhad)
- 40 Lembaga Pengarah dan
Jawatankuasa Lembaga Pengarah

VISI

Untuk menggalakkan **PEMILIKAN
RUMAH** dan menyumbang kepada
PEMBANGUNAN NEGARA

49

Laporan Kemampuan

86

Penyata Kewangan



Laporan Tahunan ini boleh dilayari di
<https://ar.cagamas.com.my>



- 41 Profil Lembaga Pengarah (Cagamas Berhad)
- 48 Kumpulan Pengurusan
- 49 Laporan Kemampanan
- 58 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 64 Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan
- 68 Penyata Kawalan Dalaman



- 70 Pengurusan Risiko
- 76 Maklumat Perangkaan
- 82 Cagamas dalam Akhbar
- 84 Kemuncak Korporat 2023
- 86 Penyata Kewangan
- 232 Pendedahan Tunggak 3
- *Borang Proksi

MISI

- Menyokong inisiatif kerajaan bagi pemilikan rumah
- Menyediakan kecairan kepada sektor kewangan sebagai perbadanan gadai janji sekunder
- Menyumbang kepada pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan lain-lain sektor keutamaan melalui penerbitan instrumen inovatif
- Menawarkan penyelesaian pengurusan risiko dan modal yang disesuaikan sejajar dengan objektif syarikat
- Menerapkan budaya yang menggerakkan inisiatif yang mampan
- Menggalakkan profesionalisme, integriti dan tadbir urus korporat yang baik

KEMUNCAK KEWANGAN KUMPULAN


	KUMPULAN				
	2014	2015	2016	2017	2018
Hasil (RM juta)					
Hasil Kendalian Kasar	1,996.9	1,983.2	2,144.7	2,174.4	2,351.9
Untung Sebelum Cukai dan Zakat	546.5	558.3	574.2	548.2	544.0
Untung Selepas Cukai dan Zakat	391.2	436.5	439.4	414.3	416.5
Dividen Selepas Cukai	30.0	30.0	30.0	30.0	30.0
Penyata Kedudukan Kewangan (RM juta)					
Jumlah Terhutang Daripada Rakan Niaga	6,540.2	10,971.0	14,296.2	19,870.4	20,404.9
Aset Pembiayaan Islam	6,541.2	5,581.4	5,307.7	5,544.4	10,030.0
Aset Gadai Janji Konvensional	10,189.8	9,354.3	8,494.0	7,678.1	6,939.3
Aset Gadai Janji Islam	10,176.2	9,618.6	9,058.7	8,465.4	7,857.9
Jumlah Aset	37,407.7	40,346.8	42,972.4	46,812.2	50,701.5
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	13,291.6	17,994.7	20,946.6	25,764.9	26,082.4
Sukuk	13,261.7	11,944.0	11,214.9	11,597.9	14,808.5
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman	2,464.5	2,143.5	2,143.5	1,270.3	1,270.3
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam	2,594.2	2,075.5	2,075.8	1,261.4	1,261.4
Modal Berbayar	150.0	150.0	150.0	150.0	150.0
Rizab	4,983.3	5,414.6	5,799.6	5,914.7	6,222.7
Dana Pemegang Syer	5,133.3	5,564.6	5,949.6	6,064.7	6,372.7
Sesyer					
Perolehan (sen)*	260.8	291.0	292.9	276.2	277.7
Aset Ketara Bersih (RM)*	34.2	37.1	39.6	40.3	42.3
Dividen (sen)	20.0	20.0	20.0	20.0	20.0
Nisbah Kewangan					
Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%)	11.0	10.4	10.0	9.1	8.7
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%)	7.9	8.2	7.6	6.9	6.7
Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Jumlah Aset (%)	1.5	1.4	1.4	1.2	1.1
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset (%)	1.1	1.1	1.1	0.9	0.9
Lindungan Dividen (kali)	13.0	14.6	14.6	13.8	13.9
Nisbah Jumlah Modal (%)	39.9	37.1	38.0	35.1	45.0

* Berdasarkan 150 juta syer biasa RM1.00 setiap satu.



KEMUNCAK KEWANGAN KUMPULAN (sambungan)

	KUMPULAN				
	2019	2020	2021	2022	2023
Hasil (RM juta)					
Hasil Kendalian Kasar	2,313.7	2,034.9	1,707.7	1,829.7	2,335.9
Untung Sebelum Cukai dan Zakat	534.2	512.2	427.9	446.3	447.8
Untung Selepas Cukai dan Zakat	410.9	383.8	317.6	335.4	330.1
Dividen Selepas Cukai	30.0	30.0	30.0	30.0	30.0
Penyata Kedudukan Kewangan (RM juta)					
Jumlah Terhutang Daripada Rakan Niaga	16,657.2	14,069.2	17,141.2	17,097.7	19,987.8
Aset Pembiayaan Islam	10,842.2	9,662.7	10,273.7	15,482.3	21,426.9
Aset Gadai Janji Konvensional	6,212.1	5,509.2	4,819.1	4,167.7	3,585.5
Aset Gadai Janji Islam	7,209.4	5,947.2	5,411.9	4,884.4	4,387.0
Jumlah Aset	46,346.9	40,244.3	44,124.6	49,950.8	57,842.1
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	20,661.0	17,483.0	19,957.0	20,414.7	24,954.9
Sukuk	15,849.9	14,063.4	15,082.0	20,135.1	23,278.1
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman	1,009.0	622.7	622.7	371.4	371.4
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam	1,015.5	612.3	612.3	291.1	291.1
Modal Berbayar	150.0	150.0	150.0	150.0	150.0
Rizab	6,698.5	6,218.9	6,394.9	6,637.5	6,998.7
Dana Pemegang Syer	6,848.5	6,368.9	6,544.9	6,787.5	7,148.7
Sesyer					
Perolehan (sen)*	274.0	255.9	211.7	223.6	220.1
Aset Ketara Bersih (RM)*	45.5	42.3	43.5	45.1	47.6
Dividen (sen)	20.0	20.0	20.0	20.0	20.0
Nisbah Kewangan					
Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%)	8.1	7.8	6.6	6.7	6.4
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%)	6.2	5.8	4.9	5.0	4.7
Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Jumlah Aset (%)	1.1	1.2	1.0	0.9	0.8
Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset (%)	0.8	0.9	0.8	0.7	0.6
Lindungan Dividen (kali)	13.7	12.8	10.6	11.2	11.0
Nisbah Jumlah Modal (%)	44.00	59.1	56.1	51.0	47.4

KEMUNCAK KEWANGAN KUMPULAN (sambungan)



KEMUNCAK KEWANGAN KUMPULAN (sambungan)



MAKLUMAT KORPORAT

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 32, The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkar Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2262 1800
Faks : +603-2282 9125

SETIAUSAHA SYARIKAT

Chong Ing Ling Keristi
(MAICSA 7059746)

No. Perakuan Amalan SSM
202408000138

JURUAUDIT

Messrs. Ernst & Young PLT
Level 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur

JURUBANK



Malayan Banking Berhad



 /Cagamas.Official


 /CagamasOfficial

 /cagamas_official

 /Cagamas Berhad

 /company/cagamas-berhad

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN



CAGAMAS BERHAD DAN ANAK-ANAK SYARIKAT LAIN

CAGAMAS BERHAD

Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada tahun 1986 untuk menggalakkan pemilikan rumah dan menyumbang kepada pembangunan negara. Ia membantu pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan sektor keutamaan lain melalui penerbitan instrumen inovatif. Penyediaan mudah tunai pada kos yang munasabah kepada pemberi pinjaman utama pinjaman perumahan menggalakkan pengembangan pembiayaan untuk rumah pada kos yang berpatutan.

Model Cagamas memperoleh pujian daripada Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas merupakan penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit bon korporat dan sukuk AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Cagamas telah mengumpulkan dana secara kumulatif kira-kira RM413 bilion (setakat 31 Disember 2023) bagi bon korporat dan sukuk serta saluran pembiayaan lain, termasuk terbitan oleh anak syarikat milik sepenuhnya, Cagamas Global P.L.C. (CGP) dan Cagamas Global Sukuk Berhad (CGS), yang dijamin oleh Cagamas. CGP diperbadankan pada 4 April 2014 di Labuan sebagai sebuah syarikat yang bertujuan untuk mengumpul dana secara konvensional dengan menerbitkan nota dalam mata wang asing manakala CGS diperbadankan pada 5 Mei 2014 sebagai syarikat yang bertujuan untuk mengumpul dana secara Islam dengan menerbitkan sukuk dalam mata wang asing.

Bon korporat dan sukuk Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAA_{IS}/MARC-1_{IS} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipuji di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

CAGAMAS MBS BERHAD

Cagamas MBS Berhad telah diperbadankan pada 8 Jun 2004 bagi tujuan melaksanakan pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Kerajaan dan menerbitkan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman dan sekuriti Islam bersandarkan gadai janji kediaman untuk membiayai pembelian tersebut.

CAGAMAS SRP BERHAD

Cagamas SRP Berhad (Cagamas SRP) telah diperbadankan pada 7 Januari 2011 untuk melaksanakan jaminan gadai janji kediaman di bawah Skim Rumah Pertamaku – *My First Home Scheme* yang diumumkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan Malaysia 2011 dan Skim Perumahan Belia – *Youth Housing Scheme* yang diumumkan oleh Kerajaan pada 1 Oktober 2015. Berkuatkuasa 1 Januari 2014, perniagaan program jaminan gadai janji telah dipindahkan daripada Cagamas MGP Berhad dan terus dibangunkan oleh Cagamas SRP.

CAGAMAS BERHAD DAN ANAK-ANAK SYARIKAT LAIN *(sambungan)*

BNM SUKUK BERHAD

BNM Sukuk Berhad (BNM Sukuk) telah diperbadankan pada 18 Januari 2006 bagi tujuan melaksanakan penerbitan sekuriti pelaburan Islam seperti Sukuk BNM Ijarah (SBI) dan Sukuk BNM Murabahah (SBM) berdasarkan prinsip-prinsip Shariah. Penerbitan SBI adalah untuk membiayai pembelian aset daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan kemudian memajakkannya kepada BNM untuk suatu tempoh yang tertentu. Penerbitan SBM adalah untuk membolehkan BNM menguruskan mudah tunai melalui dagangan komoditi berdasarkan prinsip Murabahah.

BNM Sukuk kekal dormant semenjak 1 September 2015.

CAGAMAS SME BERHAD

Cagamas SME Berhad (CSME) telah diperbadankan pada 17 Februari 2006 untuk melaksanakan pembelian pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana dan menjalankan urus niaga produk berstruktur secara pensukuritan tunai atau sintetik atau gabungan kedua-duanya, melalui penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut.

CSME kekal dormant semenjak 10 Oktober 2012.

CAGAMAS MGP BERHAD

Cagamas MGP Berhad (CMGP) telah diperbadankan pada 14 April 2008 untuk membangunkan perniagaan jaminan gadai janji. Berkuatkuasa dari 20 Disember 2012, CMGP menjadi anak syarikat milik penuh Cagamas Holdings Berhad ("Syarikat") dan bertujuan untuk melengkapkan aktiviti lain dan inisiatif pembangunan Syarikat.

CMGP kekal dormant semenjak 1 Januari 2014.


PEMEGANG SYER

STRUKTUR MODAL SYER CAGAMAS HOLDINGS BERHAD PADA 20 MAC 2024



Modal diterbitkan dan berbayar:

RM150 JUTA
syer biasa RM1 setiap satu



STRUKTUR PEMEGANGAN SYER PADA 20 MAC 2024

Jenis Pemegang Syer	% Pemegang Syer	Bilangan Pemegang Syer	Julat % Pemegangan Syer
Bank Negara Malaysia	20.0	1	20.0
Bank Perdagangan	78.3	17	0.2 – 16.5
Bank Pelaburan	1.7	3	0.4 – 0.8
Jumlah	100.0	21	

ANALISIS PEMEGANGAN SYER PADA 20 MAC 2024

Saiz Pemegangan Syer	Bilangan Pemegang Syer	% Pemegang Syer	Bilangan Syer Dipegang	% Modal Diterbitkan
300,001 ke kurang dari 7,500,000 (kurang daripada 5%)	14	66.7	31,395,000	20.9
7,500,000 (5%) dan lebih	7	33.3	118,605,000	79.1

PEMEGANG SYER (sambungan)

PEMEGANG SYER CAGAMAS HOLDINGS BERHAD

PADA 20 MAC 2024

Pemegang Syer	Bilangan Syer	% Pemegangan Syer
Bank Negara Malaysia	30,000,000	20.0
CIMB Bank Berhad	24,684,000	16.5
Malayan Banking Berhad	21,279,000	14.2
RHB Bank Group	12,932,400	8.6
RHB Bank Berhad	11,732,400	7.8
RHB Investment Bank Berhad	1,200,000	0.8
AmBank (M) Berhad	12,066,000	8.0
Public Bank Group	10,485,600	7.0
Public Bank Berhad	9,885,600	6.6
Public Investment Bank Berhad	600,000	0.4
Hong Leong Bank Berhad	8,958,000	6.0
HSBC Bank Malaysia Berhad	6,201,000	4.1
Alliance Bank Malaysia Berhad	5,583,000	3.7
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	4,590,000	3.1
Affin Bank Group	4,410,000	2.9
Affin Bank Berhad	3,660,000	2.4
Affin Hwang Investment Bank Berhad	750,000	0.5
United Overseas Bank (Malaysia) Berhad	3,330,000	2.2
OCBC Bank (Malaysia) Berhad	2,997,000	2.0
MUFG Bank (Malaysia) Berhad	738,000	0.5
Bangkok Bank Berhad	696,000	0.5
SIBB Berhad	450,000	0.3
Deutsche Bank (Malaysia) Berhad	300,000	0.2
Bank of China (Malaysia) Berhad	300,000	0.2
Jumlah	150,000,000	100.0

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (*Annual General Meeting, AGM*) yang Ketujuh belas (ke-17) Cagamas Holdings Berhad (“Syarikat”) akan diadakan di Majestic 1, Aras 3, The Majestic Hotel Kuala Lumpur, 5 Jalan Sultan Hishamuddin, 50000 Kuala Lumpur, pada hari Selasa, 30 April 2024 pada jam 11.30 pagi untuk melaksanakan urusan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Untuk menerima penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit yang terkandung.

2. Untuk meluluskan pembayaran Yuran Pengarah dari AGM yang ke-17 hingga AGM yang ke-18 seperti yang dinyatakan di bawah, dibayar sebagaimana yang Pengarah akan tentukan:
 - (i) RM100,000 setiap tahun kepada Pengerusi Lembaga Pengarah;
 - (ii) RM70,000 setiap tahun kepada Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
 - (iii) RM70,000 setiap tahun kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

(Resolusi Biasa 1)

3. Untuk meluluskan manfaat Pengarah terdiri daripada elaun mesyuarat perlu bayar kepada Pengarah dari AGM yang ke-17 hingga AGM yang ke-18 seperti berikut:
 - (i) RM5,000 setiap mesyuarat kepada Pengerusi Lembaga Pengarah/Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
 - (ii) RM3,500 setiap mesyuarat kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

(Resolusi Biasa 2)

4. Untuk melantik semula Tan Sri Dato’ Sri Dr. Tay Ah Lek yang akan bersara mengikut giliran menurut Artikel-artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat dan, oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.

(Resolusi Biasa 3)

5. Untuk melantik semula Dato’ Lee Kok Kwan yang akan bersara mengikut giliran menurut Artikel-artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat dan, oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.

(Resolusi Biasa 4)

6. Untuk melantik semula Wan Hanisah Wan Ibrahim yang akan bersara mengikut giliran menurut Artikel-artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat dan, oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.

(Resolusi Biasa 5)

7. Melantik Tetuan Ernst & Young PLT sebagai Juruaudit bagi Syarikat dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.

(Resolusi Biasa 6)

8. Melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat, 2016 dan Perlembagaan Syarikat.



Mesyuarat
Agung
Tahunan
ke-17

TARIKH:
30 April 2024 (Selasa)

MASA:
11.30 pagi

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (sambungan)

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Keristi Chong Ing Ling (MAICSA 7059746)

No. Perakuan Amalan SSM 202408000138

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

1 April 2024

NOTA

1. Seorang ahli yang berhak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat adalah berhak untuk melantik sehingga dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak beliau. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
2. Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada satu (1) orang proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah kecuali beliau menyatakan nisbah pemegangan syer beliau yang dipegang yang akan diwakili oleh setiap proksi.
3. Suratcara pelantikan proksi tersebut hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil beliau yang telah diberi kuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah badan korporat, sama ada di bawah meterai atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang telah diberi kuasa.
4. Kesemua Borang Proksi mestilah sempurna diisi dan diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur atau diemelkan ke cosec@cagamas.com.my tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat berkenaan atau mesyuarat yang ditangguhkan mengikut keadaan yang berkenaan.

NOTA PENJELASAN MENGENAI URUSAN-URUSAN BIASA:

(1) Resolusi Biasa 3, 4 dan 5 – Pelantikan Semula Pengarah

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kelayakan dan kesesuaian serta sumbangan Para Pengarah yang bersara dan menawarkan diri untuk pelantikan semula pada AGM ini, berdasarkan Borang-borang Deklarasi Kelayakan dan Kesesuaian Pengarah masing-masing dan penilaian tahunan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan.

Profil-profil para Pengarah yang ingin dilantik semula dinyatakan di bahagian Profil Lembaga Pengarah di dalam Laporan Tahunan syarikat 2023.

(2) Resolusi Biasa 6 – Pelantikan Semula Juruaudit

Setelah berpuas hati dengan prestasi, kecekapan, pendekatan audit dan kebebasan Tetuan Ernst & Young PLT, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (*Group Board Audit Committee*, GBAC) telah mencadangkan pelantikan Tetuan Ernst & Young PLT sebagai juruaudit luar bagi Syarikat dan anak-anak Syarikatnya untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Lembaga Pengarah menyokong cadangan GBAC untuk mendapatkan kelulusan pemegang syer untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young PLT sebagai juruaudit luar Syarikat dan anak-anak Syarikatnya sehingga tamatnya AGM Syarikat yang seterusnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



ANUGERAH KEWANGAN ISLAM THE ASSET TRIPLE A 2023

*(THE ASSET TRIPLE A ISLAMIC
FINANCE AWARDS 2023)*

- **Penerbit Islam Tahun 2023**
Kuasi - Berdaulat
- **Sukuk SRI Sosial ASEAN Terbaik**
(Kewangan Mampan Terbaik)
Sukuk Komoditi Murabahah
300 juta Ringgit
- **Sukuk SRI Sosial ASEAN Terbaik**
(Tawaran Negara Terbaik)
Sukuk Komoditi Murabahah
300 juta Ringgit

ANUGERAH KEWANGAN ISLAM GLOBAL 2023

*(GLOBAL ISLAMIC FINANCE
AWARDS 2023)*

- **Anugerah Kepimpinan Pasaran**
GIFA (Pensekuritian Islamik)

ANUGERAH PASARAN BON BPAM 2023

*(BPAM BOND MARKET
AWARDS 2023)*

- **Penerbitan Teratas**
– Konvensional
- **Jumlah Dagangan Teratas**
– Konvensional
- **Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir**
Urus (Environmental, Social
and Governance, ESG)
– Jumlah Dagangan Teratas

PERUTUSAN PENERUSI

PARA PEMEGANG SAHAM,

Pada tahun 2023, Kumpulan Syarikat Cagamas ("Kumpulan") tidak terlepas daripada kesan landskap ekonomi yang tidak menentu yang menyelubungi kemaruhan pasaran kewangan global. Ketidakpastian ini, ditambah pula dengan kerumitan geopolitik, merupakan pengaruh persekitaran kadar faedah yang meningkat dalam ekonomi utama untuk mengekang tekanan inflasi. Meskipun berhadapan keadaan yang mencabar, Kumpulan telah menunjukkan kebolehseuaiannya dengan menjalankan strategi pelaburan dan pengumpulan dana secara proaktif. Langkah-langkah ini telah membolehkan kumpulan merebut peluang bagi menyokong trajektori prestasi yang positif sepanjang tahun.

Kumpulan telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM447.8 juta pada tahun 2023, menunjukkan keupayaannya untuk mengekalkan dan memelihara pendapatan Kumpulan. Cagamas Berhad ("Cagamas") merupakan penyumbang utama sebanyak RM303.6 juta, Cagamas MBS Berhad sebanyak RM119.2 juta, dan Cagamas SRP Berhad ("Cagamas SRP") sebanyak RM25.0 juta.

Pada tahun ini, Kumpulan juga telah memajukan perniagaan terasnya, dengan memberi tumpuan kepada pengembangan pasaran. Portfolio aset Pembelian Dengan Rekursu ("PWR") Cagamas telah meningkat sebanyak 6.1%, dengan pemerolehan berjumlah RM20.5 bilion daripada institusi-institusi kewangan ("FIs"). Pembelian Tanpa Rekursu ("PWOR") yang pertama terserlah sebanyak RM51.8 juta daripada FIs. Sebagai tambahan kepada urus niaga PWR tradisional, ini menunjukkan perubahan dinamik FIs dalam menggunakan PWOR untuk menguruskan profil risiko mereka dalam portfolio pembiayaan rumah. Cagamas menjangkakan bahawa transaksi pertama ini akan membuka jalan kepada FIs dalam urusan masa depan mereka berkaitan pembiayaan rumah. Pada masa yang sama, ia membina asas bagi Cagamas untuk menentukan harga penanda aras yang cekap bagi urus niaga PWOR dan membangunkan keluk hasil yang sesuai untuk FIs pada masa hadapan. Kumpulan telah memperolehi RM29.3 bilion jumlah dana daripada aktiviti penjanaan dananya, yang mencatat rekod pertumbuhan sebanyak 17.7% pada tahun 2023.

Kumpulan juga telah meneruskan kemajuannya daripada segi kemampunan. Kerjasama dengan FIs Cagamas telah menambah RM1.2 bilion kepada aset hijau/mampun yang sedia ada pada tahun 2023. Ini sejajar dengan matlamat Kumpulan untuk meningkatkan aset berkaitan hijau/kemampunan kepada 10% daripada jumlah asetnya menjelang 2030, yang kini berada pada 6.1%. Bon dan sukuk berkaitan kemampunan berjumlah RM1.2 bilion telah diterbitkan untuk membiayai aset ini. Ini termasuk terbitan sulung Cagamas sebanyak RM210.0 juta dalam bon hijau dan RM90.0 juta dalam Sukuk Pelaburan Mampun dan Bertanggungjawab ("SRI") Hijau ASEAN.

Pada 2023, Cagamas telah mempergiatkan program khidmat masyarakat untuk Skim Saraan Bercagar ("SSB/SSB-i"), di mana ia telah meluluskan sebanyak 15 pinjaman/pembiayaan gadai janji berbalik bernilai RM16.0 juta, manakala Skim Rumah Pertamaku ("SRP") telah meluluskan sebanyak 10,922 pinjaman/pembiayaan rumah bernilai RM2.9 bilion setakat bulan Mei.

Berikutan pemansuhan SRP, Kumpulan melalui Cagamas SRP telah merintis program jaminan pembiayaan baharu ("MGP") untuk ditawarkan pada masa hadapan. Produk tersebut dinamakan MGP Rumah Pertamaku atau First Home MGP ("FHMGP"). Ciri-ciri terbaharunya akan membolehkan ketersediaan pembiayaan rumah kepada lebih ramai rakyat Malaysia bagi membeli rumah pertama mereka melalui ciri produk dan kriteria kelayakan yang dipertingkatkan. Cagamas SRP kini sedang dalam proses suai tugas FIs untuk menerima pakai FHMGP ke dalam penawaran produk pembiayaan mereka. Cagamas SRP menjangkakan penerimaan pasaran yang positif untuk produk ini. FHMGP diunjurkan menyumbang kepada pendapatan Kumpulan pada tahun-tahun akan datang.

Mendukung Agenda Hijau

Kumpulan sedang menampilkan dirinya secara strategik dalam sektor perumahan hijau dan mampu milik yang semakin berkembang. Berdasarkan penanda aras Kumpulan, komponen alam sekitar, sosial dan tadbir urus ("ESG") dapat diperhatikan di seluruh rantaian kewangan pembiayaan, daripada permulaan produk hingga penerbitan bon di negara-negara maju. Walaupun perumahan hijau di negara-negara membangun masih di peringkat penumbuhan, Kumpulan memerhatikan keupayaan bagi menggalakkan pembiayaan perumahan hijau sebagai pemboleh utama kepada penyahkarbonan sektor hartanah.

Dengan kerjasama Bank Pembangunan Asia, Kumpulan sedang mengenal pasti cabaran untuk meningkatkan pembiayaan kediaman terangkum dan hijau di Malaysia. Usaha ini termasuk pembangunan produk dan penyelesaian kewangan berasaskan hijau/ESG sebagai insentif kepada FIs untuk menawarkan produk-produk tersebut ke pasaran, sekali gus menggalakkan peralihan kepada pembiayaan hijau dan cekap tenaga.

Pembangunan Piawai Rumah Hijau Cagamas ("CGHS") mewakili langkah kritikal ke arah memudahkan pertumbuhan pembiayaan hijau dan cekap tenaga. Ia menggalakkan penilaian penarafan cekap tenaga yang konsisten dan telus untuk hartanah yang berbeza. Kecekapan dan ketelusan akan menggalakkan stok rumah cekap tenaga pada harga kompetitif. CGHS juga dijangka akan merangsang permintaan pasaran untuk pengubahsuaian cekap tenaga bagi rumah sedia ada. Komitmen Kumpulan terhadap prinsip ESG merangkumi program terbitan berkaitan ESG. CGHS akan membolehkan Kumpulan meluaskan pangkalan pelabur dan penawaran produknya dengan keupayaan tambahan untuk menawarkan terbitan penting. Ini akan

membuka jalan kepada Kumpulan untuk menjadi penerbit bon/sukuk ESG yang terkemuka menjelang 2030.

Cagamas juga akan memulakan kerjasama serantau melalui keahliannya dalam Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia. Kerjasama tersebut akan meneroka potensi membangunkan piawai serantau untuk pembiayaan perumahan hijau dan keperluan penerbitan bon/sukuk. Negara anggota juga boleh manfaat daripada negara-negara ahli yang mempunyai piawai yang lebih mantap dan mengguna pakai rangka kerja tersedia bagi penyesuaian negara sendiri untuk pelaksanaan penyesuaian setempat. Inisiatif ini akan meningkatkan kecekapan dalam kemungkinan menerbitkan bon/sukuk rentas sempadan dalam ruang pembiayaan perumahan, sekali gus menarik pelabur yang lebih luas dan lebih pelbagai dalam pasaran kewangan masing-masing.

Pelaburan dalam pembinaan kapasiti dan infrastruktur IT akan meningkatkan keupayaan ESG dan kecemerlangan operasi Kumpulan. Ini akan dilaksanakan secara berstruktur dan berperingkat. Pendekatan ini, di samping pengukuran pelepasan gas rumah hijau Kumpulan, menekankan peranan penting struktur tadbir urus dan rangka kerja kemampunan, yang telah disepadukan ke dalam strategi perniagaan Kumpulan dan matlamat menyeluruhnya.

Kesimpulannya, Lembaga Pengarah kekal yakin dengan keupayaan Kumpulan untuk terus menyampaikan nilai pada masa hadapan. Lembaga Pengarah telah menyemak pelan strategik lima tahun Kumpulan, termasuk cita-cita ESGnya, yang menggariskan aspirasinya untuk menjadi penyedia mudah tunai dan syarikat pelaburan pilihan, menarik bakat terbaik, serta menjadi pemimpin pemikiran dalam pembiayaan perumahan mampan dan pembangunan pasaran modal.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkepentingan kami atas sokongan padu yang diberi. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan dan kakitangan kami atas dedikasi, ketangkasan dan kecemerlangan mereka, yang telah memainkan peranan penting dalam mengharungi cabaran tahun lalu dan merebut peluang yang akan datang.



Dato' Bakarudin Ishak
Pengerusi

IMPERATIF PERNIAGAAN KAMI

MODAL KAMI

MODAL KEWANGAN

Untuk menggalakkan pemilikan rumah dengan menyediakan kecairan kepada institusi kewangan, perniagaan dan operasi kami disokong oleh:

- Dana pemegang saham sebanyak RM7.1 bilion dan modal yang kukuh dengan Nisbah Jumlah Modal Keseluruhan Kumpulan sebanyak 53.8%.
- Kekuatan kredit kami dengan penarafan global A3 oleh Moody's dan penarafan tempatan AAA oleh RAM Ratings dan MARC Ratings, membolehkan akses kepada sumber pembiayaan borong dengan harga yang kompetitif.

MODAL INSAN

101 kakitangan kami adalah nadi organisasi kami. Kami memberi keutamaan terhadap perkembangan kakitangan melalui pembelajaran dan pembangunan demi meningkatkan keupayaan mereka, serta membina persekitaran positif untuk mendorong mereka ke arah kecemerlangan, seperti yang terkandung dalam Nilai Teras kami iaitu Kerjasama, Kebertanggungjawaban, Daya Tahan dan Kecemerlangan (*Collaboration, Accountability, Resilience and Excellence, C.A.R.E.*)

MODAL SOSIAL & HUBUNGAN

Kami ingin memberi nilai yang berkekalan bagi semua pihak berkepentingan kami dalam mencapai objektif bersama dan mencipta impak positif jangka panjang ke atas masyarakat melalui:

- Sumbangan sebanyak RM1.7 juta untuk inisiatif yang melibatkan komuniti.
- Kerjasama strategik di antara ahli Persatuan Pasaran Pinjaman Perumahan Antarabangsa (International Secondary Mortgage Market Association, ISMMA) dan Persatuan Pasaran Pinjaman Perumahan Asia (Asian Secondary Mortgage Market Association, ASMMA).
- Perjumpaan secara berkala dengan pembuat dasar dan badan berkanun.

MODAL ALAM SEKITAR

Menyokong peralihan ke arah karbon sifar bersih dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan menggalakkan pertumbuhan pinjaman dan pembiayaan rumah hijau melalui terbitan bon dan sukuk hijau, serta penubuhan rangka kerja rumah hijau Cagamas.

MODAL INTELEK

Modal intelek kami adalah nilai, prinsip, dan standard yang mendorong tingkah laku kami serta dikaitkan dengan jenama dan kredibiliti kami. Ini dibina atas:

- Amalan terbaik dalam pengurusan risiko untuk mencapai pulangan optimum sambil beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang kukuh.
- Strategi digital untuk merakam perjalanan produk, meningkatkan keselamatan siber, dan kecekapan kos.

AKTIVITI PERNIAGAAN KAMI

APA YANG KAMI LAKUKAN



PRINSIP KEMAMPANAN KAMI

Mempromosikan Pemilikan Perumahan yang Mampun



Majikan Pilihan



Impak Kemasyarakatan yang Positif



Impak Persekitaran yang Positif



DISOKONG OLEH NILAI TERAS KAMI



KELUARAN KEWANGAN

JUMLAH ASET PEMBIAYAAN
RM51.7 bilion
(+18.9% YoY*)

JUMLAH PEMBIAYAAN TERTUNGGAK
RM48.9 bilion
(+18.7% YoY*)

JUMLAH ASET
RM57.8 bilion
(+15.8% YoY*)

JUMLAH LIABILITI
RM50.7 bilion
(+17.4% YoY*)

PENDAPATAN OPERASI BERSIH
RM523.2 juta
(+3.0% YoY*)

KEUNTUNGAN BERSIH
RM330.1 juta
(-1.6% YoY*)

*YoY merujuk kepada tahun ke tahun

IMPERATIF PERNIAGAAN KAMI (sambungan)

NILAI UNTUK PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

PELANGGAN

- Membeli pinjaman perumahan di pasaran sekunder sebanyak RM20.5 bilion pada tahun 2023, bersamaan sejumlah 59,230 buah rumah.
- Menyokong perkembangan pembiayaan perumahan dengan Cagamas menguasai bahagian pasaran dalam pinjaman perumahan sebanyak 5.4%.
- Mendorong pemilikan rumah pertama melalui Skim Rumah Pertamaku (SRP) dengan jumlah jaminan diberikan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM289 juta yang memberi manfaat kepada 10,922 individu/isi rumah.
- Secara berterusan mempromosikan skim gadaai janji berbalik (Skim Saraan Bercagar dan Skim Saraan Bercagar Islamik) melalui 21 jerayawara dan program kesedaran.

KAKITANGAN

- 2,081 jumlah jam latihan dengan kos sebanyak RM0.2 juta telah dibelanjakan untuk pembelajaran dan pembangunan kakitangan, bersamaan purata 24 jam latihan bagi setiap kakitangan.

PARA PELABUR

- Secara berterusan mempromosikan Cagamas sebagai pilihan pelaburan utama melalui jerayawara tanpa perjanjian serantau Asia di Singapura, Hong Kong, Jepun, dan Korea.

MASYARAKAT

- Mengumpulkan lebih daripada RM1.2 bilion pembiayaan mampan termasuk RM825 juta untuk perumahan mampu milik, RM300 juta untuk rumah hijau, dan RM100 juta untuk belum terima sewa beli industri bukan pemancar karbon.
- Memberi impak kepada 18,523 penerima program Tanggungjawab Sosial Korporat dan pengagihan Zakat.
- Seramai 41 orang pelajar mendapat manfaat daripada Program Basiswa Cagamas sejak tahun 2016.
- Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Hong Kong Mortgage Corporation dan Mortgage Refinancing Company of Uzbekistan untuk kerjasama dan pertukaran pengetahuan dalam industri pinjaman perumahan di pasaran sekunder.

BADAN BERKANUN DAN KERAJAAN

- Mematuhi amalan terbaik dalam melindungi aset kami.
- Mematuhi peraturan untuk mengurangkan risiko sistematik.

PELAN MASA HADAPAN: STRATEGI LIMA TAHUN KAMI (2024-2028)

RUMAH MASA DEPAN CAGAMAS


ASPIRASI KAMI

Pembekal pilihan utama dalam pasaran kecairan dan pusat kecemerlangan dalam ekosistem pembiayaan perumahan



Kawalan yang Teguh dan Kecemerlangan Operasi disokong oleh Infrastruktur Teknologi Maklumat (*Information Technology, IT*) Kelas Pertama

STRATEGI KAMI



**Fasa 1
(2024-2025):
Pertahanan dan
Pengukuhan**

- Mempertahankan metrik kewangan utama dan memperkukuh kecekapan modal insan dalam Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) dan keselamatan siber
- Mengukuhkan infrastruktur teknologi maklumat dan memulakan transformasi dalam risiko dan pematuhan

**Fasa 2
(2025-2027):
Perkembangan
dan Penerokaan**

- Mengembangkan produk dan penyelesaian kecairan serta dalam pembiayaan perumahan mampan
- Memperluaskan kemasukan ke pasaran global dan pangkalan pelabur

**Fasa 3
(2027-2028):
Posisi untuk
Mempengaruhi**

- Menjadi pemimpin dalam pasaran kecairan dan ekosistem pembiayaan perumahan.

ULASAN EKONOMI DAN PROSPEK

ULASAN 2023



Persekitaran Ekonomi Global dan Domestik

Pada permulaan tahun 2023, ekonomi global kekal berdaya tahan disebabkan tindakan bank pusat di seluruh dunia untuk mengawal inflasi dan keputusan China untuk melonggarkan sekatan pandemik. Walaupun berlakunya peningkatan, dasar monetari yang ketat, keadaan kewangan yang terhad, perdagangan global yang lemah dan ketidaktentuan yang berlarutan disebabkan oleh ketidakstabilan geopolitik masih menjejaskan pertumbuhan global. Hasilnya, Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*, IMF) menganggarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global pada tahun 2023 adalah sederhana, iaitu 3.1% (2022: 3.5%).

Pertumbuhan KDNK Malaysia melembut kepada 3.7% pada tahun 2023, berbanding 8.7% pada tahun 2022, disokong oleh pemulihan aktiviti ekonomi dengan keadaan pasaran buruh yang baik. Aktiviti pelaburan berkembang pesat disebabkan pelaksanaan projek berbilang tahun yang berjaya dan pelaksanaan inisiatif bermangkai di bawah pelbagai rancangan induk negara. Walaupun kurang permintaan dari luar, pemulihan dalam industri pelancongan membantu untuk menangani cabaran ini, sementara sektor utama seperti perkhidmatan, pembinaan, dan pertanian terus mendorong pertumbuhan. Selain itu, inflasi utama menurun kepada 2.5% (2022: 3.3%) dan inflasi teras tetap pada 3% (2022: 3%), terutamanya disebabkan oleh penurunan tekanan kos sementara mata wang dolar AS yang kukuh disebabkan oleh dasar ketat Rizab Persekutuan AS (*US Federal Reserve*, the Fed), pertumbuhan China yang lebih perlahan dari yang dijangkakan, dan peningkatan ketegangan geopolitik yang memberi kesan terhadap mata wang ringgit sepanjang tahun.



Persekitaran Kadar Faedah dan Kecairan

Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*, OPR) kekal stabil sepanjang tahun 2023 dengan kenaikan satu kadar pada bulan Mei iaitu sebanyak 25 mata asas untuk mencapai tahap pra-pandemik sebanyak 3.00%. Ini menandakan pemulihan ekonomi dan penarikan balik rangsangan kewangan yang dilaksanakan semasa krisis COVID-19. Kedudukan dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) tetap kondusif demi pertumbuhan ekonomi yang mampan ketika penstabilan harga.

Sistem perbankan Malaysia tetap teguh dan bersedia untuk menghadapi kejutan ekonomi yang mungkin berlaku, dan juga masih dapat memberi sokongan kredit yang kukuh untuk aktiviti ekonomi. Bank secara konsisten telah mengekalkan Nisbah Liputan Kecairan yang harus dipuji, menekankan kekuatan kewangan mereka, dan mematuhi keperluan minimum sebanyak 100% untuk Nisbah Pendanaan Stabil Bersih, seperti yang diamanahkan oleh BNM. Ini mencerminkan kestabilan dan tindakan proaktif dari industri perbankan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan.



Pasaran Hartanah

Pada tahun 2023, pasaran hartanah menunjukkan peningkatan yang konsisten, terutamanya pada separuh tahun kedua, yang menandakan pemulihan daripada krisis COVID-19 dan ketahanan pasaran hartanah walaupun berdepan dengan kadar faedah yang tinggi, pilihan pengguna yang lebih mahu untuk menyewa, peningkatan kos bahan, dan kos hidup yang lebih tinggi. Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*, NAPIC) melaporkan jumlah transaksi perumahan kediaman pada S4 2023 meningkat sebanyak 3.0% dari segi jumlah dan 7.1% dari segi nilai dari tahun ke tahun, manakala Indeks Harga Rumah Malaysia (IHMR) mengalami pertumbuhan sederhana, pada 216.5 mata dengan sedikit pertumbuhan tahunan sebanyak 3.2%. Bagi unit yang tidak terjual, NAPIC mencatatkan penurunan sebanyak 7.0% dari segi jumlah dan penurunan sebanyak 4.0% dari segi nilai berbanding tahun sebelumnya, atas langkah-langkah diambil oleh Kerajaan dan pemaju untuk menangani isu hartanah yang berlebihan.



Pasaran Bon


The Fed meneruskan kenaikan kadar faedah secara agresif dalam mesyuaratnya pada bulan Februari, Mac, Mei dan Julai 2023 sebagai usahanya untuk mengatasi tekanan inflasi dan mengelakkan kemelesetan ekonomi yang diramalkan. The Fed meningkatkan kadar dasarnya sebanyak 4 kali pada tahun 2023 sehingga 5.25-5.50% yang merupakan paras tertinggi selama lebih dari 20 tahun dan secara keseluruhan, 11 kali sejak Mac 2022 yang juga merupakan kadar pertumbuhan terpanjang dalam lebih dari 50 tahun. Hasil 10-tahun Perbendaharaan AS (*US Treasury*, UST) mencapai tahap tertinggi sebanyak 5.02% pada Oktober 2023, paras tertinggi sejak krisis kewangan global, setelah merosot kepada 3.25% pada April 2023 disebabkan krisis perbankan serantau di AS, sebelum akhirnya tutup pada paras 3.87% semasa akhir tahun; manakala hasil 2-tahun UST tutup pada 4.25%, menandakan lengkungan UST yang masih terbalik.

Dalam pasaran tempatan, hasil bon tempatan secara umumnya menurun, seiring dengan pergerakan hasil bon global, di mana hasil bon 10-tahun Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities*, MGS) telah menurun sebanyak 36 mata asas daripada 4.09% pada awal tahun menjadi 3.73% pada akhir tahun.

Pada tahun 2023, jumlah terbitan bon dan sukuk termasuk terbitan Kerajaan adalah sebanyak RM547.5 bilion yang terdiri daripada RM233.4 bilion untuk terbitan Kerajaan dan RM314.1 bilion untuk bon korporat dan sukuk masing-masing. Walaupun ketidakstabilan pasaran bon global berlaku sepanjang tahun, pertumbuhan yang sihat dalam bon korporat dan sukuk tempatan sentiasa disokong oleh jangkaan penstabilan kadar faedah dan didorong oleh sektor perkhidmatan kewangan serta tenaga dan utiliti.

ULASAN EKONOMI DAN PROSPEK (sambungan)

Carta 1: Hasil MGS pada tahun 31 Disember 2022 berbanding 31 Disember 2023



PROSPEK UNTUK TAHUN 2024

- IMF meramalkan pertumbuhan global akan mencapai 3.1% pada tahun 2024, didorong oleh pemulihan dalam perdagangan antarabangsa, pasaran pekerjaan yang berdaya tahan dan pengurangan inflasi. Inflasi global dijangkakan akan menurun kepada 5.8% pada tahun 2024 dan dasar fiskal yang lebih longgar serta momentum pembaharuan struktur yang lebih kukuh dijangkakan dapat mengurangkan risiko kemelesetan ekonomi yang teruk. Manakala pada sisi negatifnya, lonjakan harga komoditi baru akibat kejutan geopolitik dan gangguan bekalan boleh memanjangkan keadaan monetari yang ketat sementara masalah sektor hartanah China juga boleh menyebabkan kekecewaan pertumbuhan.
- Kementerian Kewangan menjangkakan ekonomi Malaysia akan berkembang sekitar 4% hingga 5% pada tahun 2024, didorong oleh permintaan domestik yang teguh disokong oleh pertumbuhan pekerjaan dan gaji yang stabil serta pemulihan dalam eksport. Selain itu, kemajuan berterusan projek infrastruktur bermulti-tahun dan inisiatif Kerajaan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (*National Energy Transition Roadmap*, NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan 2030*, NIMP 2030), dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (*Mid-Term Review of the Twelfth Malaysia Plan*, MTR of the Twelfth Plan) dijangkakan memberikan sokongan lanjut kepada pertumbuhan. Dari segi bekalan, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan mendorong pertumbuhan, disebabkan oleh pelancongan dan perbelanjaan pengguna, manakala sektor pembinaan juga dijangka akan berprestasi baik. Pandangan pertumbuhan ini tertakluk kepada risiko negatif daripada permintaan luar yang lebih lemah, dan penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar dan berpanjangan.
- Dasar monetari di Malaysia bertujuan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, dengan mempertimbangkan kedua-dua inflasi dan prospek pertumbuhan. Inflasi utama dan inflasi teras pada tahun 2024 dijangkakan akan kekal sederhana, walaupun sangat tertakluk kepada perubahan dalam dasar domestik mengenai subsidi dan kawalan harga, serta harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan. Sektor kewangan negara dijangkakan akan kekal kuat, berkat kepada sistem perbankan yang berdaya tahan, pertumbuhan yang diramalkan positif, dan peningkatan pasaran pekerjaan. OPR kemungkinan akan kekal pada sebahagian besar tahun 2024, memberikan pandangan positif kepada pasaran bon tempatan. Walau bagaimanapun, pergerakan MGS boleh menjadi tidak stabil dalam jangka pendek disebabkan oleh pengaruh pergerakan UST dan perubahan sentimen risiko global dan serantau.
- Pasaran hartanah Malaysia dijangka akan berkembang pada tahun 2024, didorong oleh pemulihan perbelanjaan pengguna dan inisiatif Kerajaan yang berjaya menarik pelaburan asing langsung melalui pelbagai projek nasional di seluruh negara serta dasar fiskal lain untuk menggalakkan pemilikan rumah. Selain itu, kesedaran yang lebih tinggi tentang rumah yang cekap tenaga sedang memacu bekalan dan permintaan, dengan pemaju memperkenalkan elemen mampan seperti gaya hidup hijau dan tenaga boleh diperbaharui dalam pembangunan baru mereka demi mendapatkan kelebihan daya saing.

TINJAUAN PERNIAGAAN

PERUNTUKAN KECAIRAN

Cagamas menyokong pemilikan rumah bagi semua rakyat Malaysia dengan menyediakan pembiayaan yang kompetitif kepada institusi kewangan melalui skim Pembelian dengan Rekursa (*Purchase with Recourse, PWR*) dan Pembelian tanpa Rekursa (*Purchase without Recourse, PWOR*) dengan memperluaskan kapasiti institusi kewangan dalam pertumbuhan portfolio pinjaman perumahan yang membolehkan peminjam dapat menerima pinjaman perumahan dengan mudah dan berpatutan. Cagamas memperoleh dana di pasaran modal dengan menerbitkan bon dan sukuk untuk menyokong pembelian pinjaman dan pembiayaan.

SOROTAN UTAMA TAHUN 2023

Pembelian dengan Rekursa



RM20.5 bilion

Rekod baru tertinggi untuk pembelian tahunan PWR

Pembelian tanpa Rekursa



RM51.8 juta

Transaksi PWOR pertama sejak tahun 2017 dan yang pertama dengan institusi kewangan

Penyelesaian Pengurusan Modal



RM465 juta

Langganan hutang subordinat yang dikeluarkan oleh institusi kewangan

PEMBELIAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN


Di bawah skema PWR, Cagamas Berhad (Cagamas) membeli portfolio yang layak, seperti pinjaman perumahan dan pembiayaan, pinjaman dan pembiayaan komersial serta industri, hutang sewa beli dan pembiayaan, serta pinjaman peribadi dan pembiayaan secara rekursa daripada institusi kewangan dan syarikat terpilih. Pada tahun 2023, Cagamas sekali lagi telah mencatatkan rekod baru dalam pembelian pinjaman dan pembiayaan apabila mencatatkan pembelian sebanyak RM20.5 bilion, peningkatan daripada RM19.3 bilion pada tahun 2022, meskipun berada dalam persekitaran ekonomi yang lemah.

Cagamas juga membeli pinjaman dan pembiayaan tanpa rekursa di bawah skema PWOR, di mana tidak ada rekursa diberikan kepada institusi yang menjual portfolio yang layak dan Cagamas akan mengambil alih penuh risiko kredit untuk portfolio yang layak. Menariknya pada tahun ini, Cagamas telah membuat transaksi PWOR pertama sejak tahun 2017 yang juga merupakan transaksi pertama dengan institusi kewangan sebanyak RM51.8 juta.

Hasilnya, pinjaman dan pembiayaan bersih yang masih belum dibayar oleh Cagamas meningkat sebanyak 19.9% kepada RM48.3 bilion (2022: RM40.3 bilion), terutamanya disokong oleh pinjaman perumahan yang mendominasi portfolio Cagamas sebanyak 93.6% (2022: 93.0%), diikuti oleh pembiayaan pinjaman peribadi sebanyak 4.6% (2022: 5.9%) dan pembiayaan sewa beli sebanyak 1.8% (2022: 1.1%). Portfolio aset Islam Cagamas berbanding dengan aset konvensional meningkat kepada nisbah 52:48 (2022: 49:51), manakala portfolio pinjaman dan pembiayaan PWR dan PWOR masing-masing adalah sebanyak 84.7% dan 15.3% (2022: 79.5% dan 20.5%). Pinjaman dan pembiayaan yang terjejas kasar dan bersih di bawah skema PWOR berada pada kadar masing-masing 0.33% (2022: 0.45%) dan 0.02% (2022: 0.06%). Melangkah ke hadapan, Cagamas bertujuan untuk terus meningkatkan produk dan penyelesaian kecairannya untuk memenuhi keperluan semasa rakan niaga, sambil mengukuhkan peranannya sebagai penyedia kecairan pilihan kepada institusi kewangan.

TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

Carta 2: Pembelian Aset Tahunan, 1987-2023



PENYELESAIAN PENGURUSAN MODAL

Pada tahun 2020, Cagamas memperkenalkan Penyelesaian Pengurusan Modal (CMS) untuk memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan dengan menyediakan pembiayaan tanpa cagaran untuk jangka panjang. Sehingga akhir tahun 2023, jumlah hutang subordinat yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di bawah CMS mencatatkan RM2.3 bilion, berbanding dengan RM1.8 bilion pada Disember 2022. Walaupun CMS dianggap lebih berisiko kerana ciri-ciri tanpa cagaran dan subordinat, Cagamas telah menjalankan kawalan risiko ke atas jumlah langganan, penarafan kredit, dan had penumpuan untuk mengurangkan risiko yang berkaitan.

PENSEKURITIAN

Cagamas melaksanakan pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam melalui penerbitan sekuriti gadai janji perumahan konvensional dan Islam untuk membiayai pembelian tersebut. Pensekuritian gadai janji dan kelas aset lain membolehkan rakan niaga melepaskan modal mereka dan melakukan penyeimbangan semula risiko portfolio.

Sehingga akhir tahun 2023, jumlah keseluruhan sekuriti gadai janji Cagamas MBS Berhad (CMBS) yang belum tebus berada pada RM0.7 bilion daripada jumlah terbitan keseluruhan sebanyak RM10.2 bilion, terdiri daripada RM0.4 bilion bon konvensional dan RM0.3 bilion sukuk. Bon dan sukuk CMBS yang belum dilunaskan dijangka akan matang secara berperingkat dan bakal ditebus sepenuhnya pada Ogos 2027. Sepanjang tahun ini, tiada transaksi pensekuritian baharu telah dilaksanakan.

TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

PROGRAM JAMINAN GADAI JANJI

Bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah, Cagamas menyediakan jaminan gadai janji, melalui Skim Rumah Pertamaku (SRP), kepada pembeli rumah pertama dalam memperoleh pembiayaan sehingga 110%, untuk memiliki rumah pertama mereka daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian. Jaminan gadai janji ini menawarkan perlindungan “kerugian pertama” terhadap portfolio gadai janji perumahan institusi kewangan dan mengurangkan risiko kredit pinjaman perumahan dan portfolio pembiayaan mereka, dengan akhirnya mengurangkan caj modal.

SOROTAN UTAMA TAHUN 2023

**Jumlah
gadai janji terkumpul
di bawah SRP**

 **RM2,568**
juta

**Jumlah pinjaman dan
pembiayaan terkumpul
diluluskan di bawah SRP**

 **101,736**

**Peratusan
peminjam SRP
dari segmen B40**

 **88.3%**

SKIM RUMAH PERTAMAKU (SRP)

Skim ini dilancarkan pada Mac 2011 di bawah Cagamas SRP Berhad (Cagamas SRP) dan bertujuan membolehkan golongan muda yang bekerja untuk memperoleh pembiayaan sehingga 110% daripada institusi kewangan untuk membeli rumah pertama mereka bernilai maksimum RM500,000, di mana Cagamas SRP akan memberikan jaminan untuk 10% hingga 20% pertama pinjaman.

Pada 31 Disember 2023, jumlah pendedahan jaminan terkumpul Cagamas SRP ke atas skim SRP adalah RM2,568 juta berbanding dengan RM2,279 juta pada tahun 2022. Jumlah nilai pinjaman baharu yang diluluskan untuk SRP pada tahun 2023 adalah RM2.9 bilion, di mana ia telah memberi manfaat kepada 10,922 individu/isi rumah. Sejajar dengan pengumuman Kerajaan, skim SRP telah dihentikan berkuatkuasa pada 1 April 2023. Sejak pelancaran SRP pada tahun 2011 dan Skim Perumahan Belia (SPB) pada tahun 2015 yang selepas itu telah dihentikan pada tahun 2020, Cagamas SRP telah memberikan jaminan untuk pinjaman perumahan dan pembiayaan sebanyak RM25.7 bilion, membolehkan 110,339 individu/isi rumah memiliki rumah pertama mereka, di mana 87.0% dari mereka adalah dari segmen B40.

Jadual 1


Skim Rumah Pertamaku (SRP)

	2011 - 2022	2011 - 2023	Pertumbuhan
Pendedahan Jaminan (RM juta)	2,279	2,568	12.7%
Nilai Pinjaman dan Pembiayaan (RM juta)	20,948	23,819	13.7%
Bilangan Pinjaman dan Pembiayaan yang Diluluskan	90,814	101,736	12.0%

Nota: Angka terkini mungkin berbeza dengan laporan sebelumnya disebabkan oleh semakan yang diminta oleh institusi kewangan.


TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

Carta 3: SRP – Bilangan Pinjaman Berdasarkan Lingkungan Pendapatan




Nota: Peratusan bagi kategori pendapatan ≤RM1,000 tidak ditunjukkan dalam carta kerana jumlahnya yang kecil.

Carta 4: SRP – Bilangan Pinjaman Berdasarkan Lingkungan Umur



Nota: Peratusan bagi kategori umur ≤20 tahun tidak ditunjukkan dalam carta kerana jumlahnya yang kecil.

Carta 5: SRP – Jumlah Pinjaman Berdasarkan Lingkungan Saiz Pinjaman pada 31 Disember 2023



PENGENALAN PROGRAM JAMINAN GADAI JANJI RUMAH PERTAMA YANG BAHARU

Selaras dengan visi dan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah, Cagamas SRP berhasrat melancarkan Program Jaminan Gadai Janji Rumah Pertama yang baharu pada tahun 2024. Program ini bertujuan membantu institusi kewangan dalam menguruskan risiko dan modal secara efektif apabila memberikan pinjaman perumahan kepada pembeli rumah pertama.

TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

PROGRAM GADAI JANJI BERBALIK

Program gadai janji berbalik Cagamas yang dikenali sebagai Skim Saraan Bercagar (SSB) dan Skim Saraan Bercagar Islamik (SSB-i), yang merupakan gadai janji berbalik Islam pertama di dunia, membolehkan warga emas yang memiliki rumah menukarkan ekuiti rumah mereka kepada aliran pendapatan bulanan secara tetap bagi menyediakan jaminan sosial kepada pemilik rumah warga emas setelah bersara. Cagamas telah memperuntukkan RM100 juta daripada dana dalamannya bagi menyokong inisiatif ini, dan pada masa ini liputan produk adalah di kawasan Lembah Klang, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh, Bandaraya Melaka dan Seremban dan permohonan atas talian boleh dilakukan melalui laman sesawang Cagamas SSB.

SOROTAN UTAMA TAHUN 2023



Lebih 21 program kesedaran dan jerayawara yang disasarkan kepada golongan warga emas



34 Pinjaman terkumpul telah diluluskan untuk pemilik rumah warga emas



50% Kadar kelulusan dari jumlah permohonan

Fokus utama Cagamas untuk SSB dan SSB-i pada tahun 2023 adalah untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap produk ini melalui pelbagai inisiatif seperti pameran, temu ramah, pemasaran digital, dan interaksi dengan pelanggan berpotensi untuk mencapai matlamat ini. Kerjasama strategik dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah diperkukuhkan dengan objektif untuk menyediakan lebih banyak penyelesaian persaraan yang menyeluruh kepada pemilik rumah yang bersara serta meningkatkan pengalaman pelanggan mereka. Sehingga Disember 2023, program SSB dan SSB-i telah meluluskan 34 permohonan pinjaman dengan jumlah nilai rumah sebanyak RM35.9 juta.

TERBITAN DAN PENGUMPULAN DANA

Cagamas menerbitkan bon dan sukuk, termasuk bon dan sukuk mampan, hijau dan sosial, untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan piutang pengguna lain untuk kedua-dua pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam.

SOROTAN UTAMA TAHUN 2023

Jumlah Dana Terkumpul



RM29.3 bilion

Rekod dana terkumpul tertinggi

Bahagian Pasaran



Menduduki tempat pertama

dalam kategori bon dan sukuk korporat tempatan yang paling banyak diterbitkan pada tahun 2023

Terbitan Hijau



RM300 juta

Terbitan sulung Bon Hijau ASEAN dan Sukuk SRI Hijau ASEAN


TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

TERBITAN DAN PENGUMPULAN DANA

Sejak tahun 1987 hingga akhir tahun 2023, Cagamas dan anak-anak syarikatnya, iaitu Cagamas Global P.L.C. dan Cagamas Global Sukuk Berhad, secara kumulatif telah menerbitkan dan mengumpulkan dana sejumlah bersamaan RM413 bilion bon korporat dan sukuk serta saluran pembiayaan lain, di mana RM91.7 bilion atau 22.2% terdiri daripada sukuk dan bersamaan RM19.9 bilion¹ atau 4.8% adalah daripada terbitan Mata Wang Asing (*Foreign Currency, FCY*).

Pada tahun 2023, Cagamas telah meraih dana sejumlah RM29.3 bilion (2022: RM24.9 bilion), di mana RM27.7 bilion atau 94.5% adalah berasal dari sekuriti hutang dan RM1.6 bilion atau 5.5% adalah daripada sumber pembiayaan lain. Pinjaman Cagamas didominasi oleh terbitan domestik yang membentuk 83.0% daripada jumlah pinjamannya, dengan lebih baki adalah terbitan mata wang asing dari sebelas (11) penerbitan Dolar Singapura (*Singapore Dollar, SGD*) dan satu (1) penerbitan Dolar Hong Kong (*Hong Kong Dollar, HKD*). Walaupun terdapat ketidakstabilan di pasaran antarabangsa pada tahun 2023, Cagamas telah menerbitkan sejumlah SGD1,323 juta² dan HKD800 juta³ pada tahun 2023 yang dilindungi nilai sepenuhnya, menunjukkan minat pelabur terhadap dokumen mata wang asing Syarikat masih kuat. Walaupun setakat ini terbitan didominasi oleh mata wang tempatan, Cagamas kekal fokus untuk memilih pilihan pembiayaan yang paling kompetitif dan optimum daripada kedua-dua mata wang tempatan dan asing.

Carta 6: Pengumpulan Dana Tahunan Cagamas, 1987-2023



¹ Terbitan mata wang asing sebanyak RM19.9 bilion yang dinilai pada tarikh terbitan

² Bersamaan RM4.5 bilion pada tarikh terbitan


³ Bersamaan RM448 juta pada tarikh terbitan

TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

TREND HASIL TERBITAN

Hasil Cagamas masih berdasarkan keluk kadar hasil MGS yang menurun tahun demi tahun susulan pasaran bon global yang aktif. Hasil Cagamas 1-tahun, 2-tahun, 3-tahun, 5-tahun, dan 10-tahun masing-masing menurun sebanyak 11 mata asas, 25 mata asas, 33 mata asas, 47 mata asas, dan 57 mata asas pada 31 Disember 2023 berbanding paras pada awal tahun.


Carta 7: Perbandingan Hasil Bon Kertas Kerajaan dan Korporat pada 31 Disember 2023



TERBITAN DAN PENGUMPULAN DANA BERDASARKAN TEMPOH DAN MATA WANG

Dari segi tempoh terbitan bon dan sukuk, serta dana yang dikumpulkan, 23.8% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2023 berjumlah RM7.0 bilion adalah untuk tempoh satu tahun dan ke bawah (2022: 37.7% atau RM9.4 bilion), manakala 56.7% atau RM16.6 bilion adalah untuk tempoh antara satu hingga tiga tahun (2022: 32.6% atau RM8.1 bilion). Baki sebanyak 19.5% atau RM5.7 bilion adalah untuk tempoh melebihi tiga tahun pada tahun 2023 (2022: 29.7% atau RM7.4 bilion).


Carta 8: Terbitan dan Pengumpulan Dana Berdasarkan Tempoh, 2022 & 2023



TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

Pada akhir Disember 2023, bon dan sukuk belum tebus Cagamas berjumlah RM47.7 bilion, di mana RM42.4 bilion atau 89.0% adalah dalam mata wang tempatan dan bersamaan RM5.3 bilion atau 11.0% didominasi dalam mata wang asing. Bon konvensional menyumbang RM24.6 bilion atau 51.5% daripada jumlah keseluruhan yang belum tebus, manakala baki RM23.1 bilion atau 48.5% adalah sukuk.

Carta 9: Bon/Sukuk Belum Tebus Berdasarkan Mata Wang, 2022 & 2023



BAHAGIAN PASARAN

Cagamas kekal sebagai salah satu pengeluar bon dan sukuk korporat terbesar di pasaran Malaysia, menyumbang sebanyak 4.7% daripada jumlah bon dan sukuk korporat yang belum tebus dan 19.0% daripada jumlah bon dan sukuk bertaraf AAA yang belum tebus. Dari segi dagangan bon korporat dan sukuk tempatan yang paling banyak diniagakan pada tahun 2023, Cagamas menduduki tempat ketiga dengan jumlah dagangan sebanyak RM9.0 bilion, menguasai bahagian pasaran sebanyak 6.1% (2022: menduduki tempat ketiga, jumlah dagangan sebanyak RM4.3 bilion atau 4.7%). Cagamas mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM2.9 bilion untuk bon korporat konvensional tempatan, membentuk bahagian pasaran sebanyak 23.2% (2022: RM1.7 bilion atau 16.4%), manakala untuk sukuk korporat tempatan, Cagamas mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM6.1 bilion, dengan bahagian pasaran sebanyak 4.5% (2022: RM2.6 bilion atau 3.2%).

TERBITAN BON DAN SUKUK HIJAU, SOSIAL, DAN MAMPAN

Sepanjang tahun, Cagamas telah menerbitkan Bon Hijau ASEAN dan Sukuk SRI Hijau ASEAN pertamanya dengan jumlah keseluruhan adalah RM300 juta bagi membiayai pembelian pinjaman perumahan dan pembiayaan hijau yang layak. Aset perumahan hijau terdiri daripada perumahan dan bangunan hijau yang menggunakan pensijilan GreenRE dan Indeks Bangunan Hijau (*Green Building Index*, GBI) sebagai kriteria kelayakan mereka. Transaksi ini juga menandakan penerbitan korporat pertama di Malaysia berkaitan dengan pinjaman perumahan dan pembiayaan hijau. Pembelian ini tidak hanya bertujuan untuk menyokong pertumbuhan perumahan hijau tetapi juga mengukuhkan peranan kami sebagai pembekal kecairan dalam pasaran modal hijau yang sedang berkembang serta menyokong objektif lebih besar dalam peralihan kepada ekonomi rendah karbon. Secara keseluruhannya pada tahun 2023, sejumlah RM1.2 bilion (2022: RM1.6 bilion) bon dan sukuk hijau, sosial dan mampan telah diterbitkan untuk membeli pinjaman dan pembiayaan yang diluluskan untuk perumahan mampu milik, pinjaman sewa-beli perindustrian tanpa pelepasan karbon untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan aset hijau yang layak seperti tenaga boleh diperbaharui, pengurusan air sisa serta aset perumahan hijau.

TINJAUAN PERNIAGAAN *(sambungan)*


Sejak tahun 2020, Cagamas telah menerbitkan sejumlah RM3.7 bilion dalam bentuk bon dan sukuk hijau, sosial, dan mampan untuk membeli pinjaman/pembiayaan yang diluluskan untuk perumahan mampu milik, aset hijau yang layak, dan pinjaman sewa-beli perindustrian tanpa pelepasan karbon untuk PKS.

Jadual 2


Terbitan Bon dan Sukuk Hijau, Sosial, dan Mampan

	RM juta
Bon Hijau ASEAN	210
Sukuk SRI Hijau ASEAN	90
Bon Sosial ASEAN	455
Sukuk SRI Sosial ASEAN	1,760
Bon Mampan ASEAN	800
Sukuk SRI Mampan ASEAN	400

Carta 10: Terbitan Bon dan Sukuk Hijau, Sosial dan Mampan Berdasarkan Jenis, 2022 & 2023



- 1 Sukuk SRI Mampan ASEAN
- 3 Sukuk SRI Sosial ASEAN
- 2 Bon Sosial ASEAN



- 1 Bon Mampan ASEAN
- 3 Bon Hijau ASEAN
- 2 Sukuk SRI Sosial ASEAN
- 4 Sukuk SRI Hijau ASEAN

TINJAUAN PERNIAGAAN (sambungan)

KEUTAMAAN CAGAMAS UNTUK TAHUN 2024


Sebagai usaha dalam mencapai aspirasi Rumah Masa Depan Cagamas dalam menjadi pembekal terpilih dalam pasaran kecairan dan pusat kecemerlangan dalam ekosistem pembiayaan perumahan, kami akan berusaha untuk membangunkan pelbagai penyelesaian yang berinovasi untuk pihak berkepentingan, sambil meneroka peluang baharu yang selari dengan mandat teras dan objektif sosial kami. Secara menyeluruh, ini adalah komitmen kami untuk menghasilkan kewangan yang kukuh dan mampan kepada pemegang saham kami.

Cagamas juga akan terus berusaha untuk meningkatkan perkembangan bersama dalam pasaran pembiayaan perumahan sekunder melalui kerjasama dan perkongsian pengetahuan serta kepakaran sesama perbadanan kewangan perumahan/gadai janji di rantau ini. Ini merupakan sebahagian usaha kami untuk menjadi pendukung utama dan pemimpin pemikiran dalam pembiayaan perumahan mampan dan pembangunan pasaran modal.

Kami kekal teguh dalam memajukan agenda Kemampanan kami di mana kami berhasrat untuk mempercepatkan peralihan industri kewangan dan hartanah kepada ekonomi rendah karbon melalui pembentukan metodologi yang diiktiraf industri untuk perumahan hijau dan pembiayaan pembaikan rumah hijau. Semua ini akan dicapai melalui penekanan yang lebih besar dalam meningkatkan keupayaan kakitangan kami terutamanya dalam bidang Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) sambil sentiasa meningkatkan kemahiran mereka tentang pembangunan pembiayaan perumahan terkini.



STRUKTUR ORGANISASI




PETUNJUK:

Laporan Langsung: _____

Laporan Tidak Langsung: _____ → _____ →

STRUKTUR ORGANISASI (sambungan)



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

(CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)



Umur	63 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Januari 2019
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	4/4

DATO' BAKARUDIN ISHAK

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengerusi, Cagamas Berhad
- Pengerusi, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah, Hong Leong MSIG Takaful Berhad

Dahulu

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
 - Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari BNM
 - Pengarah, Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing
 - Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
- Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear)
- Ahli Majlis Tadbir, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Pengarah, ACE Money Exchange Sdn. Bhd.
- Pengarah, Affin Islamic Bank Berhad

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)

TAN SRI DATO' SRI DR. TAY AH LEK

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Felo Emeritus, Institut Pengurusan Malaysia
- Ahli Felo, Perbankan Bertauliah bagi Asian Institute of Chartered Bankers
- Ahli Felo, CPA Australia
- Ahli Felo, Financial Services Institute of Australasia
- Alumni, Harvard Business School
- Ijazah Sarjana, Pentadbiran Perniagaan dari Henley, United Kingdom

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Public Bank Berhad
- Pengarah beberapa syarikat dalam Kumpulan Public Bank
- Timbalan Pengerusi, Ombudsman for Financial Services
- Pengerusi, Persatuan Syarikat Sewa Beli Malaysia
- Ahli Majlis, Persatuan Bank-Bank di Malaysia
- Ahli Majlis, Asian Institute of Chartered Bankers

Dahulu

- Pengarah, Cagamas Berhad
- Naib Presiden Eksekutif, Public Finance
- Naib Presiden Eksekutif, Public Bank
- Ahli, Majlis Tindakan Ekonomi
- Ahli, Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Perunding Pembekal Perkhidmatan bagi Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.



Umur **81 tahun**

Warganegara **Malaysia**

Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **12 Ogos 2011**

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **3/4**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)



Umur	58 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Jun 2015
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	4/4

DATO' LEE KOK KWAN

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Simon Fraser University di Kanada
- Ijazah Kepujian Bersama BBA (Kelas Pertama), Simon Fraser University di Kanada

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, CIMB Group Holdings
- Pengarah, CIMB Bank
- Pengarah, CIMB Investment Bank Berhad
- Pengarah, RAM Rating Services Berhad
- Pengarah, IGB Berhad
- Pengerusi, BIX Malaysia (Bond & Sukuk Information Platform Sdn. Bhd.)
- Lembaga Pemegang Amanah, Dana Pembangunan Pasaran Modal

Dahulu

- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, CIMB
- Presiden, Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia
- Pengurus Portfolio Perbendaharaan dengan sebuah bank terkemuka di Kanada dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan Aset-Liabiliti bank tersebut
- Penasihat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *(sambungan)* (CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)

WAN HANISAH WAN IBRAHIM

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, Cagamas MBS Berhad
- Pengarah, Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn. Bhd.
- Pengarah, Boost Bank Berhad

Dahulu

- Pengarah, Jabatan LINK & Pejabat Serantau, Bank Negara Malaysia (BNM)
- Pengarah, Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing, BNM
- Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, BNM
- Pengarah, Jabatan Antarabangsa, BNM
- Ketua Perwakilan, Pejabat Perwakilan BNM di London

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.



Umur	67 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	26 Mei 2016
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	4/4

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)



Umur	63 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Januari 2019
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	4/4

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Undang-undang, Sekolah Pengajian Oriental dan Afrika (SOAS), Universiti London
- Diploma Pascasiswazah dalam Undang-undang dan Amalan Syariah (dengan kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- LL.M, Queen Mary College, Universiti London
- Barrister at Law, Lincoln's Inn
- LL.B (Kepujian), Universiti Buckingham

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengerusi, Universiti Sains Islam Malaysia
- Pengerusi, Malaysian Rating Corporation Berhad
- Perunding, Zaid Ibrahim & Co. (ZICO)/Peguambela & Peguamcara
- Pengerusi, T7 Global Berhad

TAN SRI DR. NIK NORZRUL THANI N. HASSAN THANI Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- Pengarah, Amanah Saham Nasional Berhad
- Pengerusi, Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura
- Ahli Pengamal, Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF)
- Ahli, Chartered Institute of Marketing (United Kingdom)
- Ahli Felo, Financial Services Institute of Australasia (FINSIA)
- Notari Awam Berdaftar
- Pengerusi, Sime Darby Plantation Berhad
- Pengerusi & Pengarah, Sime Darby Oils International Limited
- Pengarah, Pertama Digital Berhad
- Pengarah & Pengerusi, MARC Ratings Berhad
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah (Pakar Kewangan atau Pelaburan) dan Ahli Jawatankuasa, Yayasan Guru Tun Hussein Onn

Dahulu

- Pengerusi, Pengurusan Aset Air Berhad
- Ahli Scholar Pelawat Sarjana Fulbright, Harvard Law School (1996-1997)
- Felo Pelawat Chevening, Pusat Pengajian Islam Oxford, Universiti Oxford (2004-2005)
- Timbalan Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Perunding Undang-undang, Dana Rizab Am Negara (SGRF), dana kekayaan berdaulat bagi Kesultanan Oman
- Pengarah, Lembaga Tabung Haji
- Ahli, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Malaysia (MAIWP) (Dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Malaysia)
- Pengerusi dan Pengarah, Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
- Pengerusi dan Pengarah, Perodua Sales Sdn. Bhd. dan Perodua Otomobil Kedua Sdn. Bhd.
- Pengerusi, UMW Manufacturing & Engineering
- Pengarah, Manulife Holdings Berhad
- Pengarah, Manulife Insurance Berhad
- Pengarah, UMW Holdings Berhad
- Pengarah, Fraser & Neave Holdings Berhad
- Pengarah, MSIG Insurance (Malaysia) Berhad
- Pengarah, Ranhill Holdings Berhad
- Pengerusi, Chin Hin Group Berhad
- Pengerusi, IIUM Holdings Sdn. Bhd.
- Felo Pelawat Kanan, Melbourne Law School, University of Melbourne, Australia
- Pengarah, MUFG Bank Malaysia Berhad
- Pengerusi, Perbadanan Tabung Pampasan Pasaran Modal (ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *(sambungan)* (CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)

DATUK SITI ZAUYAH MD DESA Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Tiada

Kelayakan

- Program Kepimpinan Berprestasi Tinggi Oxford, Said Business School, Universiti Oxford, United Kingdom (UK)
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) (Perbankan Antarabangsa) (Senarai Lembaga Pengarah), Universiti Manchester, UK
- Diploma Pentadbiran Awam (Cemerlang), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sains (BSc) (Kepujian) dalam Ukur Bahan (Kelas Kedua Atas), Universiti Reading, UK

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, Telekom Malaysia Berhad
 - Pengerusi GITN Sdn. Berhad, anak syarikat Telekom Malaysia
- Pengarah, Cagamas SRP Berhad
- Lembaga Pemegang Amanah, Dana Pembangunan Pasaran Modal
- Pengarah, Westports Holdings Berhad
 - Pengerusi, Jawatankuasa Kemampanan

Dahulu

- Pengarah, Westports Malaysia Sdn. Bhd.
- Pengarah Perbadanan Perdagangan Kewangan, Bank Pembangunan Islam
- Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia
- Pengarah, Bank Eksport-Import Malaysia
- Pengarah, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Pengarah, UDA Holdings Berhad
- Pengarah, Syarikat Prasarana Malaysia Berhad
- Pengarah, Bank Simpanan Nasional
- Pengarah, DanaInfra Nasional Berhad
- Pengarah, Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.
- Pengarah, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi, Tabung Infrastruktur ASEAN
- Pengarah/Timbalan Pengerusi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Pengerusi Bersama bagi Jawatankuasa Pelaburan Nasional II
- Kementerian Kewangan Malaysia
 - Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
 - Pengarah Belanjawan Negara, Pejabat Belanjawan Negara
 - Setiausaha Bahagian, Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan
 - Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan & Aktuari



Umur	64 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Disember 2019
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	3/4

- Timbalan Setiausaha (Infrastruktur), Bahagian Pelaburan, MOF (Inc) & Penswastaaan
- Penasihat Pengarah Bank Pembangunan Asia ke kawasan pilihan raya milik Malaysia, Myanmar, Nepal, Singapura dan Thailand
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *(sambungan)* (CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)



Umur	65 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Mei 2020
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	4/4

CHONG KIN LEONG

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

Kelayakan

- Ijazah Kepujian Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya
- Ahli, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, AIA General Berhad
- Pemegang Amanah Kehormat, The Community Chest
- Pengarah, AIA Public Takaful Bhd.
- Pengarah, Press Metal Aluminium Holdings Berhad
- Pengarah, Deutsche Bank (Malaysia) Berhad

Dahulu

- Ketua Pegawai Kewangan, Genting Berhad
- Pengarah Kewangan, Kumpulan Rashid Hussain Berhad
- Pengawal Kewangan, anak-anak syarikat Kumpulan Sime Darby
- Penyelia Audit, Peat Marwick Mitchell (sekarang dikenali sebagai KPMG)

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH *(sambungan)* (CAGAMAS HOLDINGS BERHAD)

DATO' KHAIRUSSALEH RAMLI

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Tiada

Kelayakan

- Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Washington, Amerika Syarikat
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Universiti Harvard, Amerika Syarikat
- Ahli Felo Perbankan Bertauliah dari Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Pengarah Eksekutif, Malayan Banking Berhad
- Presiden Pesuruhjaya, PT Bank Maybank Indonesia Tbk
- Pengarah, Maybank Singapore Limited
- Pengarah, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.
- Pengerusi, Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM)
- Naib Pengerusi/Ahli Majlis, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)
- Ahli, Visa Asia Pacific Senior Client Council
- Pengerusi Bersama, Majlis Penasihat bagi The Institute of International Finance Emerging Markets
- Pengarah, Financial Industry Collective Outreach (FINCO)

Dahulu

- Kumpulan Perbankan RHB
 - Pengarah Urusan Kumpulan
 - Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan/Pengarah Urusan, RHB Bank
- Kumpulan Maybank
 - Presiden Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Indonesia
 - Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Maybank
- Telekom Malaysia Berhad
 - Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
 - Ketua Pegawai Eksekutif, TM Ventures
- Bursa Malaysia Berhad
 - Ketua Pegawai Kewangan
 - Naib Presiden Kanan, Kewangan & Strategi
 - Naib Presiden, Perancangan dan Pembangunan
 - Pengurus Kanan, Hal Ehwal Antarabangsa



Umur **56 tahun**

Warganegara **Malaysia**

Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **1 Mei 2022**

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **3/4**

- Kumpulan Public Bank
 - Pengarah Eksekutif, PB Futures Sdn Bhd
 - Penganalisa Penyelidikan, PB Securities Sdn Bhd
 - Pegawai Operasi Kanan, Perbankan Korporat, Public Bank
- Pigas Engineering Sdn Bhd
 - Pengarah, Perkhidmatan Korporat

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (“Lembaga Pengarah”), yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan/wakil-wakil dan ketua-ketua eksekutif bagi pemegang-pemegang syer utama terpilih serta ahli-ahli profesional berpengalaman yang dilantik oleh Lembaga Pengarah, adalah bertanggungjawab untuk merumus dasar am bagi Syarikat.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan menilai perancangan dan skop audit yang dibuat oleh juruaudit luar ke atas Kumpulan Syarikat Cagamas (“Kumpulan”) di samping keberkesanan tatacara-tatacara kewangan dan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan menilai praktis urus tadbir korporat bagi Kumpulan agar selari dengan amalan terbaik, menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu dan mencadangkan pelantikan ke lembaga-lembaga pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga pengarah dalam Kumpulan.

LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Dato’ Bakarudin Ishak

PENGARAH

Tan Sri Dato’ Sri Dr. Tay Ah Lek

Dato’ Lee Kok Kwan

Wan Hanisah Wan Ibrahim

Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani

Datuk Siti Zauyah Md Desa

Chong Kin Leong

Dato’ Khairussaleh Ramli

AHLI JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

Chong Kin Leong
(Pengerusi)

Dato’ Lee Kok Kwan

Wan Hanisah Wan Ibrahim

AHLI JAWATANKUASA URUS TADBIR LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani
(Pengerusi)

Tan Sri Dato’ Sri Dr. Tay Ah Lek

Dato’ Bakarudin Ishak

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (CAGAMAS BERHAD)

DATO' BAKARUDIN ISHAK

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengerusi, Cagamas Holdings Berhad
- Pengerusi, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah, Hong Leong MSIG Takaful Berhad

Dahulu

- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
 - Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari BNM
 - Pengarah, Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing
 - Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful
- Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear)
- Ahli Majlis Tadbir, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Pengarah, ACE Money Exchange Sdn. Bhd.
- Pengarah, Affin Islamic Bank Berhad

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.



Umur **63 tahun**

Warganegara **Malaysia**

Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah **26 Mac 2019**

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah **8/8**

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS BERHAD)



Umur	65 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Julai 2016
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	8/8

DATO' WEE YIAW HIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Jurutera Awam, Universiti Wales
- Ijazah Sarjana Sains, Imperial College, United Kingdom

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, ENRA Group Berhad
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Anton Oilfield Services Group Ltd. HK
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Hextar Kimia Australia Pty Ltd
- Ahli Felo, Persatuan Jurutera Petroleum

Dahulu

- Pengarah, PETRONAS
 - Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Perniagaan Hulan
 - Ahli, Jawatankuasa Eksekutif
 - Pengerusi dan Pengarah beberapa syarikat
- Pengarah Urusan, Syarikat-syarikat Carigali dan Pengeluaran bagi Shell Malaysia
- Naib Presiden, Talisman Energy, Malaysia

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS BERHAD)

HO CHAI HUEY

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah
- Ahli, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Sarjana Muda Ekonomi, Kepujian Kelas 1 Statistik, Universiti Malaya

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Perunding Kanan IT untuk STF Resources Sdn Bhd (STFR), sebuah Syarikat Perkhidmatan Bersama yang menyokong entiti kumpulannya iaitu Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Asian Banking School (ABS) dalam sektor pendidikan kewangan
 - Khidmat perundingan IT dan digital mengenai rancangan-rancangan strategik dan transformasi digital termasuk pengurusan projek
 - Memberi nasihat mengenai penubuhan pengurusan risiko perniagaan dan pengoperasiannya

Dahulu

- Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Teknologi Maklumat (IT), Bank Negara Malaysia, yang bertanggungjawab menyediakan penyelesaian teknologi dan hala tuju IT serta pengurusan risiko teknologi dan urus tadbir IT
- Pengarah, HSBC Amanah Malaysia Berhad

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.



Umur	63 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Februari 2019
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	8/8

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS BERHAD)



Umur	64 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 Mei 2020
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	8/8

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Pengerusi, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Sarjana Muda Sains (Agribusiness), Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Ohio
- Ahli Felo, Perbankan Bertauliah, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)
- Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kewangan, Universiti Putra Malaysia
- Wakil Berdaftar Niaga Hadapan & Opsyen Malaysia (MFORR)

TAN SRI TAJUDDIN ATAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengerusi, MMC Corporation Berhad
- Pengarah, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn. Bhd.
- Pengarah, MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn. Bhd.
- Pengarah, MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn. Bhd.
- Pengerusi, Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Pengerusi, Honda Malaysia Sdn. Bhd.
- Pengerusi, Panel Disiplin, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB)

Dahulu

- Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif, Bursa Malaysia Berhad
- Kumpulan Perbankan RHB
 - Pengarah Urusan Kumpulan, RHB Capital Berhad
 - Pengarah Urusan, RHB Bank Berhad
- Presiden/Pengarah Urusan Kumpulan, Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Simpanan Nasional
- Pengarah Urusan, Chase Perdana Berhad
- Pengurus Besar Kanan, Kewangan Korporat, Kumpulan Penang Shipbuilding
- Ketua Bahagian Perbendaharaan, Bank Bumiputra Commerce Berhad
- Pengarah Eksekutif Bukan Bebas di semua anak syarikat Kumpulan Bursa Malaysia
- Pengarah, Dana Pembangunan Pasaran Modal
- Pengarah, Securities Industry Development Corporation
- Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Yayasan Pelaporan Kewangan
- Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia
- Ahli, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS BERHAD)

ABDUL RAHMAN HUSSEIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Tanah (Kepujian), Universiti Aberdeen, Scotland

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Tiada

Dahulu

- Bank Negara Malaysia (BNM) (1988-2020)
 - Pengerusi bagi BNM Sukuk Berhad
 - Pengarah bagi Sukuk Kijang Berhad
 - Ahli Lembaga Pengarah bagi Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP), mewakili BNM dari Januari hingga September 2018
 - Pengurus Portfolio, Pejabat Perwakilan London
 - Timbalan Pengarah bagi Jabatan Pengurusan Risiko Perbendaharaan, Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan
 - Pengarah bagi Jabatan Pengurusan Risiko dan Setiausaha kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah
 - Pengarah bagi Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan
 - Ahli Jawatankuasa Pasaran Kewangan
- International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM) (2011-2020)
 - Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah, mewakili BNM
- Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Pasifik (EMEAP) (2003-2020)
 - Ahli Kumpulan Kerja Pasaran Kewangan, mewakili BNM
 - Ahli Pasukan Petugas bagi Dana Bon Asia 1 dan Dana Bon Asia 2

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.



Umur	59 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 April 2022
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	8/8

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS BERHAD)



Umur	51
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	1 April 2022
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	8/8

SOPHIA CH'NG SOK HEANG

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Ahli, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

Kelayakan

- Ahli Felo, Persatuan Aktuari Malaysia
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia
- Pengarah Jawatankuasa Audit Berkanun, Institut Juruaudit Dalaman
- Ahli Felo, Institute and Faculty of Actuaries, UK
- Ahli Felo, Chartered Institute of Management Accountants, UK
- Pengarah Risiko Berkelayakan, Institute of Enterprise Risk Practitioners
- Risiko Iklim dan Kemampunan, Global Association of Risk Professionals
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Macquarie, Australia

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Pengarah, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad
- Pengarah, Private Pension Administrator Malaysia
- Pengarah, Nicholas Actuarial Solutions
- Aktuari Perundingan, Universiti Sunway

Dahulu

- Persatuan Aktuari Malaysia – Presiden
- AmMetlife Insurance Berhad – Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
- Zurich Insurance Malaysia Berhad – Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
- Great Eastern Life Insurance (Malaysia) Berhad – Naib Presiden Kanan dan Ketua, Kewangan, Perancangan Strategik, Aktuari, Produk dan Harga

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH (sambungan) (CAGAMAS BERHAD)

KAMEEL ABDUL HALIM

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Keanggotaan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Tiada

Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Risiko (MA) dengan Merit, Universiti Nottingham, United Kingdom (2007)
- BA (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan, Universiti Coventry, United Kingdom (1997)

Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

Semasa

- Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Cagamas Berhad (sejak 11 September 2023)
- Pengerusi, Cagamas Global P.L.C.
- Pengerusi, Cagamas Global Sukuk Berhad
- Pengarah, Cagamas MBS Berhad
- Pengarah, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah, BNM Sukuk Berhad
- Pengerusi, Cagamas SME Berhad
- Pengerusi, Cagamas MGP Berhad

Dahulu

- Ketua Pegawai Operasi – Affin Hwang Investment Bank Berhad (Februari 2022 hingga September 2023)
- Ketua Pegawai Operasi – Bank Simpanan Nasional (September 2014 hingga Januari 2022)
- Timbalan Pengarah – Bank Negara Malaysia (Mei 2001 hingga Ogos 2014)
- Pengurus Residen – HSBC (M) Berhad (April 1998 hingga April 2001)

Perakuan

Pengarah tidak mempunyai:

- Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan.



Umur	50 tahun
Warganegara	Malaysia
Tarikh Pelantikan ke Lembaga Pengarah	11 September 2023
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah	3/3

KUMPULAN PENGURUSAN



KAMEEL ABDUL HALIM
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif



ABDUL HAKIM AMIR ZAINOL
Ketua Pegawai
Kewangan



LEONG SEE MENG
Ketua Pegawai
Perniagaan



DELVIN CHONG
Ketua Pegawai
Perbendaharaan & Pelaburan



KERISTI CHONG
Ketua Pegawai
Perundangan & Setiausaha
Syarikat



RIDZUAN SHAH ALLADIN
Ketua Pegawai
Modal Insan



TAN YONG NIEN
Ketua Pegawai
Teknologi



**RAJA SHAHRIMAN
RAJA HARUN AL RASHID**
Ketua Pegawai
Risiko & Pematuhan




**SHAHRUL FARELLI
ZULKIFFLI**
Ketua Audit Dalaman

LAPORAN KEMAMAPAN

EKOSISTEM TADBIR URUS KEMAMAPAN

Cagamas komited terhadap piawaian tadbir urus kemampanan yang tertinggi dan sentiasa mengkaji amalan dan pendedahan dalam tadbir urus kemampannannya.



Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad dan Cagamas Berhad mengawasi kemajuan perjalanan, pelaksanaan dan pembangunan kemampanan Kumpulan. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk merumus dan melaksanakan strategi kemampanan serta memupuk amalan tadbir urus kemampanan yang praktikal dalam memenuhi objektif korporatnya. Pada tahun 2020, Cagamas telah memperkenalkan Rangka Kerja Kemampanan Cagamas bagi menggariskan pendekatan Cagamas dalam menyematkan kemampanan dalam seluruh aktiviti dan operasi perniagaan. Rangka Kerja Bon/Sukuk Mampun Cagamas pula dibentuk dengan tujuan untuk menjadi panduan dalam penggunaan hasil dari terbitan mampun kepada aset yang layak. Selaras dengan kedua-dua rangka kerja ini, Cagamas juga telah menubuhkan Rangka Kerja Pelaburan Kemampanan pada tahun 2022, yang bertujuan untuk menyepadukan faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) dalam penilaian dan pertimbangan untuk pelaburan aset mampun.

STRATEGI KEMAMAPAN

Strategi Kemampanan Cagamas memberi tumpuan dalam menjadikan pembiayaan perumahan mampun dan hijau lebih umum untuk memudahkan pemilik rumah dan pihak-pihak berkaitan bagi mengatasi cabaran dari perubahan iklim serta mengurangkan impak dari operasi kami terhadap alam sekitar. Ini akan dijayakan melalui pengembangan jalur produk kami ke arah produk dan penyelesaian pembiayaan perumahan mampun dan hijau, menyediakan peluang pelaburan dengan nilai sosial dan alam sekitar untuk para pelabur, dan menyepadukan unsur kemampanan dalam operasi dalaman untuk memastikan sumbangan yang bermakna kepada kakitangan dan masyarakat. Selaras dengan visi 5 tahun kami untuk menjadi pemimpin pemikiran dalam perumahan mampun dan hijau, kami merancang untuk menguatkan portfolio ESG kami, selaras dengan komitmen Cagamas untuk mencapai 10% daripada jumlah aset adalah mampun dan hijau menjelang tahun 2030.













BAHAGIAN 1 LAPORAN KEMAMAPAN KORPORAT

Laporan Kemampanan ini merupakan Laporan Kemampanan keenam Cagamas Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan"). Laporan ini menunjukkan usaha berterusan dari Kumpulan dalam memacu agenda kemampanan dan laporan ini meliputi tempoh kewangan dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

LAPORAN KEMAMPAAN (sambungan)

SUMBANGAN KEPADA MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

Kumpulan menyumbang kepada pembangunan mampan melalui tindakan-tindakan yang memberi impak, bertumpukan empat (4) prinsip tematik yang dikenali sebagai pemilikan perumahan yang mampan, menjadi majikan pilihan, mempromosikan impak kemasyarakatan dan persekitaran yang positif. Setiap prinsip dan bahagian tumpuan masing-masing menyumbang secara positif kepada pelbagai matlamat pembangunan mampan di bawah Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Sustainable Development Goals, UNSDGs).

Prinsip	Objektif	Pencapaian & Kemajuan FY2023	Sumbangan kepada UNSDGs
 <p>Prinsip 1: Mempromosikan Pemilikan Perumahan yang Mampan</p>	<p>Mempromosikan pemilikan perumahan mampan kepada semua rakyat Malaysia dengan menyokong keperluan kecairan institusi-institusi kewangan dalam mengembangkan portfolio gadai janji dan melalui program jaminan gadai janji.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Membeli pinjaman perumahan di pasaran sekunder sebanyak RM20.5 billion, bersamaan sejumlah 59,230 buah rumah. Memberi jaminan gadai janji kepada 110,339 individu/isi rumah untuk memiliki rumah pertama mereka melalui Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia (SPB) sejak 2011, di mana 87.0% adalah dari golongan B40. 	
 <p>Prinsip 2: Majikan Pilihan</p>	<p>Kakitangan merupakan aset terbesar kami dan memainkan peranan penting dalam menerapkan inisiatif mampan untuk seluruh Kumpulan. Kami komited dalam mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang sesuai, pekerjaan yang bermakna, kemajuan kerjaya dan peluang pembangunan peribadi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> 2,081 jam telah diperuntukkan untuk pembelajaran dan pembangunan, iaitu dengan purata 24 jam untuk setiap kakitangan. Peratusan pengganti jawatan kritikal dan penting yang sudah "bersedia" pada masa ini adalah 56% di mana RM0.2 juta telah dilaburkan untuk latihan bagi meningkatkan tahap kesediaan. Enam (6) orang pelajar tahun akhir dari universiti di seluruh Malaysia telah terpilih untuk menjalani Program Latihan Industri di Cagamas. Menggalakkan lebih fleksibiliti dalam pekerjaan melalui susunan untuk bekerja dari rumah sekali seminggu, dan juga pelancaran Bulan Modal Insan tahunan yang julung kali diadakan. 	
 <p>Prinsip 3: Impak Kemasyarakatan yang Positif</p>	<p>Kami komited untuk membina impak kemasyarakatan yang positif dalam komuniti sekeliling melalui inisiatif penglibatan komuniti, program biasiswa, pengagihan zakat serta produk dan penyelesaian yang inklusif.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Memberi impak kepada 18,523 penerima Program Zakat Wakalah Korporat dan projek-projek Tanggungjawab Sosial Korporat. Menyumbang lebih kurang RM1 juta untuk pemberian biasiswa kepada 41 orang pelajar sejak tahun 2016. Lebih daripada 21 jerayawara yang disasarkan & program kesedaran untuk mempromosikan skim gadai janji berbalik. Membeli RM100 juta pinjaman sewa-beli perindustrian tanpa pelepasan karbon belum terima yang memanfaatkan 502 Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). 	
 <p>Prinsip 4: Impak Persekitaran yang Positif</p>	<p>Kami bermatlamat untuk mempromosikan impak persekitaran positif dalam membantu pemilik rumah dan rakan niaga untuk menguruskan cabaran dari perubahan iklim melalui produk dan penyelesaian serta mengurangkan impak dari operasi kami sendiri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menyalurkan RM300 juta ke arah pinjaman dan pembiayaan perumahan hijau menandakan pembelian aset hijau pertama kami melalui Pembelian Dengan Rekursa (<i>Purchase With Recourse, PWR</i>). Memulakan Inisiatif Sifar Bersih Cagamas dengan mengenal pasti pelepasan Skop 1, 2 dan 3 dari operasi Cagamas dan melaksanakan Bantuan Teknikal (<i>Technical Assistance, TA</i>) berkenaan rumah hijau dan rumah mampu milik, yang ditandatangani pada tahun 2022 dengan Bank Pembangunan Asia (<i>Asian Development Bank, ADB</i>). Kemasukan ke Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (<i>Joint Committee on Climate Change, JC3</i>) Jawatankuasa Kecil 3 (<i>Sub-Committee 3, SC3</i>) mengenai Produk & Inovasi. 	  

LAPORAN KEMAMPAHAN (sambungan)

PRINSIP 1: MEMPROMOSIKAN PEMILIKAN PERUMAHAN YANG MAMPAN



BAGAIMANA CAGAMAS MENCIPTA NILAI



Sebagai Perbadanan Cagaran Malaysia, Cagamas sentiasa mempromosikan pemilikan perumahan mampan kepada semua rakyat Malaysia dengan menyediakan pembiayaan kompetitif kepada institusi kewangan melalui skim PWR dan skim Pembelian Tanpa Rekursa (*Purchase Without Recourse*, PWOR) bagi menyokong pertumbuhan kapasiti portfolio pinjaman perumahan dan juga memberi akses kepada gadai janji yang berpatutan kepada peminjam. Cagamas juga membantu pembeli rumah pertama, terutamanya mereka yang berada dalam golongan isi rumah berpendapatan M40 dan B40 untuk memiliki rumah sendiri melalui skim-skim jaminan gadai janji yang memberi jaminan kewangan sehingga 10% hingga 20% pertama daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan.

Cagamas sentiasa komited untuk menyumbang dan mencipta impak positif melalui peluang yang dikenal pasti dalam pembangunan rumah yang mampan, termasuk peningkatan secara berterusan ke atas produk dan penyelesaian dan juga dalam promosi aktiviti perumahan hijau dan perumahan mampu milik.

SOROTAN UTAMA TAHUN 2023

Memudahkan Semua Rakyat Malaysia untuk Berjaya Memiliki Rumah

Kumpulan telah membeli pembiayaan perumahan di pasaran sekunder sebanyak RM20.5 bilion, bersamaan dengan sejumlah 59,230 buah rumah pada tahun 2023. Sejak penubuhannya pada tahun 1986, Cagamas secara terkumpul telah membeli pembiayaan perumahan di pasaran sekunder sebanyak RM266.9 bilion, bersamaan dengan sejumlah 2 juta buah rumah.


Memberi Akses Pembiayaan Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah hingga Sederhana

Kumpulan juga telah menyediakan jaminan gadai janji untuk pinjaman dan pembiayaan perumahan kepada pembeli rumah pertama melalui SRP dan SPB berjumlah RM25.7 bilion sejak pelaksanaan kedua-dua skim tersebut. Ini membolehkan 110,339 individu/isi rumah memiliki rumah pertama mereka, di mana 87.0% adalah daripada segmen B40.

Menyokong Pertumbuhan Rumah Mampu Milik melalui Terbitan Mampan

Cagamas adalah antara pemacu utama dalam pembangunan ESG melalui terbitan bon dan sukuk mampannya sebagai salah satu usaha berterusan bagi mewujudkan kemunculan kelas aset mampan yang baru.

Sehingga kini, Cagamas secara terkumpul telah menerbitkan sebanyak RM3.7 bilion bon dan sukuk mampan sejak tahun 2020 dengan RM3.2 bilion yang masih tertunggak setakat 31 Disember 2023. Hasil daripada terbitan ini telah diutamakan peruntukannya kepada aset yang layak selaras dengan Rangka Kerja Bon dan Sukuk Mampan Cagamas, di mana 85.8% daripada hasil tersebut telah disalurkan kepada perumahan mampu milik.



- 1. Bangunan hijau
- 2. Air mampan dan pengurusan air sisa
- 3. Penjanaaan pekerjaan
- 4. Tenaga boleh diperbaharui
- 5. Perumahan mampu milik

LAPORAN KEMAMPANAN (sambungan)

PRINSIP 2: MAJIKAN PILIHAN



BAGAIMANA CAGAMAS MENCIPTA NILAI

Di Cagamas, kami sedar bahawa tenaga kerja kami adalah nadi kejayaan kami. Komitmen kami melangkaui jauh dari kebiasaan - kami berusaha untuk membina persekitaran positif yang bukan sahaja memupuk semangat kakitangan kami tetapi juga mendorong mereka ke arah kecemerlangan. Kami berhasrat untuk menyediakan tempat kerja yang adil dan saksama, di mana setiap hari bukan sahaja membawa cabaran, tetapi juga memberi peluang untuk perkembangan peribadi dan profesional.

Menyelami Nilai Teras kami, yang dimanifestasikan dalam Kerjasama, Kebertanggungjawaban, Daya Tahan dan Kecemerlangan (*Collaboration, Accountability, Resilience and Excellence, C.A.R.E.*), ini menjadi prinsip panduan yang mengemudikan kapal kami ke arah masa depan di mana Cagamas adalah barisan hadapan dalam mempromosikan pemilikan rumah di seluruh negara.




SOROTAN UTAMA TAHUN 2023

Cagamas Sebagai Tempat Kerja yang Adil dan Saksama

Kami menggalakkan persekitaran inklusif yang menghargai kepelbagaian dan memperkasakan individu untuk menyumbang pandangan unik mereka. Ini telah menghasilkan peningkatan dalam kerjasama dan inovasi antara kakitangan. Komitmen kami terhadap kepelbagaian adalah dengan mengiktiraf dan menggunakan kekuatan kolektif tenaga kerja yang pelbagai untuk memastikan setiap orang dapat mencapai potensi penuh mereka, maka akan tercipta tempat kerja yang penuh dengan pelbagai kepakaran dan berbakat.

KEPAKARAN DI SEBALIK CAGAMAS










Terdiri daripada komposisi jantina, kumpulan umur dan tempoh bekerja di Cagamas seperti berikut:



LAPORAN KEMAMPANAN (sambungan)

Perjalanan Pembangunan Profesional untuk Modal Insan Berkemahiran Tinggi

Komitmen kami terhadap pembangunan profesional bukan sahaja untuk meningkatkan trajektori kerjaya individu tetapi juga demi menyumbang kepada kejayaan dan inovasi keseluruhan syarikat kami. Kami tetap teguh dengan komitmen kami untuk menyediakan peluang berterusan dalam pembelajaran dan perkembangan kakitangan demi memastikan kakitangan kami dapat bersedia sepenuhnya apabila mengharungi perubahan landskap dalam bidang masing-masing.

 <p>Latihan dan Pembelajaran Korporat</p>	 24 Purata jam latihan setiap kakitangan  2,081 Jumlah jam latihan  87 Jumlah kakitangan hadir
 <p>Pelan Penggantian</p>	<p>Pelbagai usaha diteruskan untuk merealisasikan jawatan kritikal dan penting yang kini mencapai 56% pada tahun 2023, dengan sebanyak RM0.2 juta telah dilaburkan untuk pembangunan dan kemajuan kerjaya setiap individu.</p>
 <p>Pertukaran Pengetahuan</p>	<p>Menandatangani Memorandum Persefahaman Program Pertukaran Sumber Manusia dengan PT. Sarana Multigriya Finansial (Persero) (SMF) pada November 2023.</p>
 <p>Program Latihan Industri Cagamas</p>	<p>Enam (6) orang pelajar tahun akhir dari pelbagai universiti di seluruh Malaysia telah dipilih untuk meneroka kerjaya dalam industri kewangan. Melalui program latihan industri di Cagamas, individu terpilih ini akan memperoleh pengalaman berharga apabila mereka dapat melibatkan diri dalam projek sebenar dan belajar daripada pakar industri yang membolehkan mereka meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memperkasakan diri mereka untuk membina kerjaya.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">  <p>4 Perempuan</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>2 Lelaki</p> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 10px; padding: 5px; width: fit-content;"> <p>Daripada bidang pengajian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perakaunan & Kewangan • Undang-undang • Teknologi Maklumat • Kewangan & Perbankan Islam </div> </div>
 <p>Bekerja dari Rumah Satu Hari Seminggu</p>	<p>Kakitangan digalakkan untuk bekerja dari rumah sekali seminggu sebagai fleksibiliti dan pemerkasaan melalui autonomi yang diberikan untuk mereka menyeimbangkan produktiviti dan kesejahteraan demi mencapai prestasi optimum.</p>
 <p>Bulan Modal Insan (Human Capital (HC) Month)</p>	<p><i>HC Month</i> merupakan acara sepanjang bulan Julai yang dianjurkan oleh Jabatan Modal Insan untuk mempromosikan budaya berpengetahuan di kalangan kakitangan mengenai kebajikan dan faedah mereka. Aktiviti yang dijalankan bagi memberi pengetahuan terkini dan kesedaran kepada kakitangan adalah program interaktif, ceramah oleh badan berkanun, syarikat insurans dan jurulatih kecergasan. Hasil daripada acara ini adalah memupuk hubungan yang lebih akrab di antara kakitangan, membina komuniti yang sihat, dan kakitangan lebih memahami undang-undang pekerjaan berkaitan hak mereka, kesihatan dan keselamatan, serta etika tempat kerja yang boleh memberikan impak positif kepada kakitangan, sekali gus memberikan dorongan kepada mereka untuk mencapai potensi tertinggi mereka.</p> 

LAPORAN KEMAMPANAN (sambungan)

PRINSIP 3: IMPAK KEMASYARAKATAN YANG POSITIF



BAGAIMANA CAGAMAS MENCIPTA NILAI

Cagamas komited untuk membina impak kemasyarakatan positif secara jangka panjang melalui pelbagai inisiatif penglibatan komuniti yang mencerminkan komitmen Kumpulan untuk memberi kembali kepada masyarakat sambil memastikan pertumbuhan komuniti yang mampan. Inisiatif sumbangan dan pembangunan sosial Cagamas adalah termasuk memberi akses kepada pendidikan yang berkualiti untuk pelajar kurang bernasib baik melalui program biasiswa, pengagihan dana melalui zakat dan pelaburan sosial, serta pembangunan produk inovatif dalam usaha kami untuk mempromosikan masyarakat yang lebih inklusif dan prihatin.

SOROTAN UTAMA TAHUN 2023

Memberi Akses kepada Pendidikan Berkualiti untuk Pelajar Kurang Bernasib Baik melalui Program Biasiswa Cagamas

Bagi membangunkan tenaga kerja demi masa depan negara, khususnya dalam industri perkhidmatan kewangan, Cagamas telah menubuhkan program biasiswa pada tahun 2016 untuk membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah agar mereka dapat memasuki pengajian tinggi dan seterusnya berpeluang mengubah kehidupan mereka dan keluarga. Cagamas telah menyumbangkan lebih kurang RM1 juta dalam bentuk biasiswa untuk 41 orang pelajar yang mempelajari pelbagai disiplin sejak tahun 2016.

Meningkatkan Kesedaran tentang Skim Saraan Bercagar, Fokus kepada Pemilik Rumah yang telah Bersara

Cagamas sentiasa meneruskan usaha untuk mempromosikan produk gadaai janji berbalik yang terdiri daripada Skim Saraan Bercagar (SSB) dan Skim Saraan Bercagar Islamik (SSB-i) dengan menawarkan penyelesaian komprehensif untuk pemilik rumah yang telah bersara yang terkesan akibat keadaan ekonomi semasa sehingga mengakibatkan kekurangan wang simpanan, dengan membantu mengekalkan gaya hidup mereka. Pada tahun 2023, kami telah berjaya mengambil bahagian dalam lebih dari 21 program kesedaran untuk kumpulan sasaran.



LAPORAN KEMAMPANAN (sambungan)

Menyokong Komuniti melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat dan Zakat

Pada tahun 2023, pendekatan program Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility*, CSR) Cagamas adalah melalui pemberian geran untuk infrastruktur komuniti dan program pendidikan. Hasilnya telah memberi manfaat kepada hampir 8,000 penerima dengan jumlah peruntukan keseluruhan adalah sebanyak lebih kurang RM150,000.

Jumlah sumbangan CSR pada tahun 2023:

RM150,000

telah membantu



7,800

penerima

Dalam program menaiktaraf infrastruktur komuniti dan pembangunan pemimpin komuniti



120

penerima

Dalam program literasi dan membaca

Selain daripada program CSR, Cagamas juga menyumbang kepada masyarakat melalui Program Zakat Wakalah (*Zakat Wakalah Programme*, ZWP) yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup Asnaf (penerima manfaat) menerusi bantuan kewangan sosial Islam. Sepanjang tahun 2023, ZWP telah mengagihkan lebih kurang RM1.6 juta, yang memberi impak kepada 10,603 individu dan 53 organisasi. Bantuan yang menyeluruh ini meliputi pelbagai keperluan seperti bantuan kewangan untuk perbelanjaan kos sara hidup, bil perubatan, pembinaan rumah dan pengubahsuaian, bantuan banjir, dan pengagihan makanan semasa perayaan melalui bank makanan dan penajaan. ZWP telah memperuntukkan agihan tertinggi untuk pendidikan kerana peranan sektor ini penting untuk masyarakat. Tambahan pula, ZWP komited untuk memperluaskan skop pengagihannya termasuk inisiatif yang mempromosikan pembangunan pemiagaan yang mampan.

Jumlah sumbangan melalui Program Zakat Wakalah pada tahun 2023:

RM1,586,188

yang telah memberi manfaat kepada




10,603

individu



53

organisasi



- 1 Pendidikan
- 2 Bank makanan dan tajaan untuk Ramadhan & Raya
- 3 Perbelanjaan sara hidup asas dan perubatan
- 4 Pembinaan & pengubahsuaian
- 5 Bantuan banjir

LAPORAN KEMAMAPANAN (sambungan)

PRINSIP 4: IMPAK PERSEKITARAN YANG POSITIF




BAGAIMANA CAGAMAS MENCIPTA NILAI

Sebagai Perbadanan Cagaran Negara, kami bermatlamat untuk mengalakkan impak alam sekitar yang positif dengan membantu pemilik rumah dan pihak berkepentingan dalam menguruskan cabaran dari perubahan iklim melalui produk dan penyelesaian kami, serta mengurangkan impak dari operasi kami sendiri.

SOROTAN UTAMA TAHUN 2023

Menyalurkan Kecairan kepada Projek Hijau

Selain menyalurkan kecairan kepada perumahan mampu milik, Cagamas juga menyalurkan hasilnya untuk projek hijau sebagai salah satu usaha untuk mendorong peralihan industri kewangan ke arah ekonomi rendah karbon.

Projek Hijau	Usaha yang Diambil
Rumah Hijau 	Sejumlah RM300 juta telah disalurkan untuk pembelian pinjaman dan pembiayaan untuk rumah hijau melalui Bon Hijau ASEAN dan Sukuk SRI Hijau ASEAN pertama Cagamas. Aset rumah hijau ini terdiri dari hartanah perumahan hijau yang berlandaskan ciri-ciri kelayakan di bawah pensijilan <i>GreenRE and Green Building Index</i> (GBI).

Melancarkan Inisiatif Sifar Bersih Cagamas

Ini merupakan sebahagian daripada perancangan kami untuk mengukuhkan dan menyelami misi utama Cagamas dalam menyediakan perumahan mampu milik yang berkaitan dengan pembangunan mampan dan tanggungjawab kami terhadap alam sekitar. Antara tindakan yang telah diambil pada tahun ini bagi membina asas untuk inisiatif ini adalah:

- Mula mengenal pasti dan mengukur pelepasan Skop 1, 2, dan 3 dari operasi Cagamas untuk mengurangkan jejak karbon kami dan mencapai sifar pelepasan gas rumah hijau sebelum atau pada tahun 2050, selaras dengan agenda kemampanan negara.
- Memulakan kajian untuk memperluaskan pasaran pinjaman hijau, bagi merangkumi golongan B40, M40, dan isi rumah yang diketuai oleh wanita, di bawah perjanjian TA yang ditandatangani pada tahun 2022 melalui kerjasama dengan ADB.
- Kemasukan ke dalam JC3 SC3 mengenai Produk & Inovasi.

KESIMPULAN

Pada tahun 2023, Cagamas telah memperkuat komitmennya terhadap kemampanan dengan meneroka peluang yang dinamik di seluruh domain berkaitan dengan perniagaan kami. Langkah-langkah kami sentiasa berani untuk memberi impak dalam pemilikan rumah yang mampan, demi komuniti tempatan, untuk daya tahan kakitangan kami, dan peningkatan usaha dalam pinjaman hijau. Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan fokus untuk memberikan hasil positif dan mencipta nilai untuk semua pihak berkepentingan kami. Kemampanan akan sentiasa menjadi inti pati agenda kami dalam mendorong kami untuk memberi impak yang berkekalan kepada komuniti dan alam sekitar.

LAPORAN KEMAMPANAN (sambungan)

BUTIRAN BON/SUKUK MAMPAN

Kod fasiliti	Penerangan Kemudahan	Kod Stok	Tarikh Terbitan	Tarikh Matang	Tempoh Asal	Saiz Terbitan (RM juta)	Kontrak Belian
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UG210266	05/08/2021	05/08/2024	3.0	200	218014
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UG210396	24/11/2021	24/05/2024	2.5	50	218023
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UF220239	08/08/2022	08/08/2024	2.0	110	228017
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UF220256	30/08/2022	08/08/2024	1.9	45	228023
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UG220305	31/10/2022	31/10/2025	3.0	300	228028
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UE230193	28/06/2023	28/06/2024	1.0	30	238025
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UF230192	28/06/2023	30/06/2025	2.0	30	238025
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UG230191	28/06/2023	29/06/2026	3.0	40	238025
201900073	Sustainability Cagamas MTN	UE230269	29/09/2023	30/09/2024	1.0	210	238040
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VG210294	05/08/2021	05/08/2024	3.0	100	218015
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VG220130	24/03/2022	24/03/2025	3.0	200	228005
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VG220235	29/06/2022	30/06/2025	3.0	150	228012
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VF220280	08/08/2022	08/08/2024	2.0	285	228020
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VG220401	27/10/2022	27/10/2025	3.0	200	228029
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VG220400	31/10/2022	31/10/2025	3.0	300	228030
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VE230394	29/09/2023	30/09/2024	1.0	90	238036
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VF230164	20/11/2023	20/11/2025	2.0	100	238051
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VE230462	30/11/2023	02/12/2024	1.0	150	238053
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VG230460	30/11/2023	30/11/2026	3.0	250	238054
201900074	Sustainability Sukuk Cagamas	VG230493	28/12/2023	28/12/2026	3.0	325	238060
Jumlah						3,165	

PENGGUNAAN HASIL

No.	Tujuan	RM juta	%
1	Tenaga boleh Diperbaharui	5.31	0.17%
2	Kecekapan Tenaga	0.00	0.00%
3	Bangunan Hijau	300.00	9.48%
4	Pengangkutan Karbon Rendah dan Pelepasan Rendah	0.00	0.00%
5	Air Mampam dan Pengurusan Air Sisa	1.38	0.04%
6	Perumahan Mampu Milik	2,715.00	85.78%
7	Penjanaan Pekerjaan	143.30	4.53%
8	Tidak diperuntukkan	0.00	0.00%
Jumlah		3,165.00	100.00%

BUTIRAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN MAMPAN

No.	Penggunaan Hasil	Saiz (RM juta)	Penerangan	Impak	Penunjuk Impak
1	Tenaga boleh Diperbaharui	5.31	Sistem solar PV untuk pemasangan di atas bumbung	2,774	Jumlah kapasiti pemasangan (kW)
2	Bangunan Hijau	300.00	Unit perumahan hijau	515	Jumlah unit perumahan hijau
3	Air Kemampaman dan Pengurusan Air Sisa	1.38	Rawatan air	1,552	Jumlah air sisa yang dirawat (m ³ /har)
4	Perumahan Mampu Milik	2,715.00	Perumahan mampu milik	19,752	Jumlah perumahan mampu milik
5	Penjanaan Pekerjaan	143.30	Industri sewa-beli perindustrian tanpa pelepasan karbon belum terima untuk PKS	934	Jumlah PKS
Jumlah		3,165.00			

RAM Sustainability Sdn Bhd telah menyediakan laporan semakan tahunan selepas terbitan bebas mengenai terbitan Bon dan Sukuk Mampam Cagamas untuk mengesahkan bahawa peruntukan hasil telah dijalankan mengikut Rangka Kerja Bon dan Sukuk Mampam Cagamas dan maklumat impak telah didedahkan dengan tepat.

BAHAGIAN 2 LAPORAN KEMAJUAN KEMAMPANAN TAHUNAN


Laporan ini menyediakan maklumat mengenai terbitan Bon dan Sukuk Mampam Cagamas yang masih tertunggak, penggunaan hasil dan impak analisis pada 31 Disember 2023.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah bagi Cagamas Holdings Berhad (“Syarikat”) adalah komited untuk memastikan bahawa Syarikat dan anak-anak Syarikatnya (“Kumpulan”), mengamalkan piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya hal ehwal bagi Kumpulan dilaksanakan dengan integriti dan profesionalisme untuk melindungi prestasi kewangan Kumpulan dan meningkatkan nilai jangka panjang para pemegang syer. Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah telah menggunakan sebahagian besar dokumen dasar Urus Tadbir Korporat Bank Negara Malaysia 2016 (*Bank Negara Malaysia Corporate Governance*, BNMCG) untuk institusi-institusi kewangan sebagai prinsip panduannya.

Pada tahun 2023, Lembaga Pengarah meneruskan usahanya untuk meningkatkan piawaian urus tadbir korporat Kumpulan dan kini sedang mengkaji semula soal selidik yang digunakan untuk menilai keberkesanan lembaga pengarah, jawatankuasa lembaga pengarah dan pengarah terhadap Rangka Kerja Financial Institutions Directors’ Education (FIDE) Forum Board Effectiveness Evaluation (BEE) dengan berpandangan untuk mengemas kini dan memperhalusi soal selidik yang berkaitan.

RANGKA KERJA URUS TADBIR KORPORAT



..... Pentadbir/Pentadbir Urus Niaga/Penyedia Perkhidmatan

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dianggotai oleh lapan (8) Pengarah Bukan Eksekutif, terdiri daripada ketua-ketua eksekutif dan wakil-wakil pemegang syer utama yang terpilih serta ahli profesional berpengalaman. Secara kolektif, para Pengarah tersebut membawa kepada Lembaga Pengarah pengetahuan mereka yang meluas dan pelbagai dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, perundangan, ekonomi dan pengurusan risiko.

Berdasarkan kepada kriteria BNMCG, majoriti daripada para Pengarah Syarikat adalah dianggap bebas kerana mereka adalah bebas secara perwatakan dan pertimbangan, dan bebas daripada perkaitan-perkaitan atau keadaan-keadaan yang boleh mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas mereka. Para Pengarah menyediakan pandangan-pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah dan tidak menyertai di dalam urusan harian perniagaan Syarikat.

Berkuat kuasa daripada 23 Mac 2022, semua pengarah bebas baharu bagi Syarikat, akan dilantik untuk tempoh tiga (3) tahun, yang boleh diperbaharui setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, tertakluk kepada tempoh kumulatif sembilan (9) tahun, had yang dipatuhi dengan ketat oleh Lembaga Pengarah.

Tugas dan Tanggungjawab Jelas

Cagamas Holdings Berhad/Cagamas Berhad/Cagamas SRP Berhad

Lembaga-lembaga Pengarah syarikat di atas telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang menggariskan bidang-bidang kuasa, peranan-peranan, fungsi-fungsi, komposisi dan tanggungjawab-tanggungjawab bagi setiap lembaga pengarah untuk membantu para Pengarah agar sedar tentang peranan-peranan dan tanggungjawab-tanggungjawab dan melaksanakan secara berkesan tugas-tugas fidusiari dalam menguruskan hal ehwal Syarikat masing-masing. Piagam Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada penilaian secara berkala untuk memastikan ianya konsisten dengan hasrat strategik Lembaga Pengarah dan piawaian-piawaian yang berkaitan dengan urus tadbir korporat.

Lembaga Pengarah memegang tanggungjawab keseluruhan bagi urus tadbir korporat, halatuju strategik, selera risiko, formulasi dasar-dasar dan memantau operasi-operasi bagi Kumpulan. Lembaga Pengarah memastikan bahawa satu sistem yang sesuai disediakan untuk mengenalpasti risiko-risiko ketara Kumpulan dan bahawa kawalan dalaman dan langkah-langkah pencegahan yang sesuai dilaksanakan untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Lembaga

Pengarah juga dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem-sistem pengurusan maklumat Kumpulan, termasuk pematuhan kepada undang-undang sedia ada, peraturan-peraturan, perintah-perintah dan garis panduan yang berkaitan. Lembaga Pengarah sentiasa dikemaskini dan dimaklumkan oleh Naib Presiden Kanan bagi Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan (*Risk Management & Compliance Division, RMD*) mengenai undang-undang dan perintah-perintah terbaru yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia dan implikasi-implikasi yang terhasil kepada Kumpulan dan para Pengarah yang berkaitan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka.

Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko secara keseluruhan bagi perniagaan Kumpulan. Urusan penyeliaan bagi pengurusan risiko dalam Kumpulan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (*Board Risk Committee, BRC*) bagi Cagamas Berhad. BRC menyelia pembangunan strategi-strategi pengurusan risiko, dasar-dasar dan proses-proses dalaman yang kritikal dan sistem-sistem untuk menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan-pendedahan risiko dalam Kumpulan.

BRC melapor terus kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya, akan memaklumkan dan jika perlu, mendapatkan maklum balas daripada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad tentang keputusan-keputusan yang diambil berkaitan penilaian-penilaian risiko dan hal-hal berkaitan risiko yang lain. BRC disokong oleh RMD yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian-kajian semula risiko dan penilaian-penilaian ke atas operasi-operasi Cagamas Berhad dan anak-anak Syarikat yang lain. Naib Presiden Kanan bagi RMD melapor terus kepada BRC. RMD juga menyerahkan penilaian-penilaian risiko kepada setiap Lembaga Pengarah bagi anak-anak Syarikat masing-masing.

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Kumpulan ini dengan menyemak rancangan perniagaan strategik dan bajet tahunan Kumpulan ini. Kemaskini berkenaan operasi-operasi utama Kumpulan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, hal-hal penting yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat ini juga dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman atau sokongan.

Pengerusi mengetuai Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa ianya berjalan dan berfungsi secara berkesan dalam memenuhi kewajipan dan tanggungjawab. Sebagai syarikat pemegang pelaburan, Cagamas Holdings Berhad tidak mempunyai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (*President/Chief Executive Officer, CEO*) ataupun kakitangan lain.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

Operasi harian bagi Kumpulan dilaksanakan oleh entiti operasi utama, Cagamas Berhad.

Di dalam Piagam Lembaga Pengarah bagi Cagamas Berhad, tersedia suatu pemisahan yang jelas bagi peranan dan tanggungjawab di antara Pengerusi dan CEO. Pengerusi bagi Cagamas Berhad menyediakan peranan kepimpinan, mengetuai perbincangan mengenai strategi keseluruhan, dasar-dasar, selera risiko dan pengawasan pengendalian perniagaan dan memastikan lembaga pengarah berfungsi dengan berkesan. Kesemua Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kecuali CEO yang merupakan seorang Pengarah Eksekutif.

CEO mengetuai pihak pengurusan dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar serta pengendalian urusan-urusan harian perniagaan Cagamas Berhad. Petunjuk Prestasi Utama Tahunan bagi CEO dan pengurusan syarikat ini dikaji dan ditetapkan oleh lembaga pengarah.

Cagamas SRP Berhad telah diperbadankan untuk menjalankan jaminan gadai janji kediaman di bawah Skim Rumah Pertamaku

(SRP) dan kemudiannya Skim Perumahan Belia (SPB) yang telah diumumkan oleh Kerajaan, masing-masing pada tahun 2011 dan 2015.

Pengerusi memimpin Lembaga Pengarah dan memastikan agar lembaga pengarah berfungsi dengan berkesan manakala pengurusan Cagamas Berhad bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar serta pentadbiran harian bagi perniagaan.

Setiausaha Syarikat

Para Pengarah mempunyai capaian tersedia dan tidak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Setiausaha Syarikat menghadiri dan memastikan bahawa semua mesyuarat Lembaga Pengarah dilangsungkan secara teratur dan rakaman yang tepat dan teratur bagi prosiding-prosiding dan resolusi-resolusi yang diluluskan direkodkan ke dalam buku daftar berkanun yang disimpan di pejabat berdaftar Syarikat.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali untuk membincangkan pelbagai perkara, termasuk prestasi perniagaan Syarikat, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu-isu strategik yang memberi kesan kepada perniagaan Kumpulan. Laporan untuk Lembaga Pengarah yang memberikan maklumat kemaskini tentang operasi, kewangan, profil risiko, isu-isu kawal selia dan perkembangan korporat dihantar kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat.

Kesemua Pengarah boleh mendapat nasihat terus daripada pengurusan Cagamas Berhad. Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah berhak untuk mendapatkan nasihat daripada ahli profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, sekira dan ketika dianggap perlu.

Kehadiran Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti di bawah:

Pengarah	Jawatan/Tahap Kebebasan	Kehadiran Mesyuarat
Dato' Bakarudin Ishak	Pengerusi, Bebas	4/4
Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek	Bukan Bebas	3/4
Dato' Lee Kok Kwan	Bukan Bebas	4/4
Wan Hanisah Wan Ibrahim	Bebas	4/4
Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani	Bebas	4/4
Datuk Siti Zaayah Md Desa	Bebas	3/4
Chong Kin Leong	Bebas	4/4
Dato' Khairussaleh Ramli	Bukan Bebas	3/4

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan (*Group Board Governance Committee*, GBGC) dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (*Group Board Audit Committee*, GBAC), yang beroperasi mengikut terma rujukan spesifik seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

GBGC terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, iaitu:
Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani (Pengerusi)
Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek
Dato' Bakarudin Ishak

GBGC bertanggungjawab untuk penilaian dan keselarasan urus tadbir korporat bagi Kumpulan adalah dipraktikkan dengan amalan terbaik. GBGC juga bertanggungjawab menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan untuk mencadangkan pelantikan ke lembaga-lembaga pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga pengarah bagi Kumpulan.

Perincian tentang GBAC diterangkan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan di dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain, seperti Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan BRC kekal di Cagamas Berhad.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Calon-calon yang dicalonkan untuk dilantik sebagai Pengarah-pengarah dikaji semula oleh GBGC yang kemudiannya mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan. Semua Pengarah dalam Kumpulan telah menyerahkan Borang Deklarasi Patut & Wajar Pengarah mereka.

Menurut Perlembagaan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan sekiranya layak, mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Di dalam notis AGM, Lembaga Pengarah mengemukakan nota penjelasan atas sebab-sebab kenapa ia menyokong pelantikan semula Pengarah tersebut. Perlembagaan juga menyatakan bahawa para Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun akan memegang jawatan sehingga AGM yang seterusnya dan kemudiannya akan layak untuk dilantik semula.

Ganjaran Pengarah

Dasar Syarikat dalam pembayaran ganjaran para Pengarah adalah usaha untuk menarik para Pengarah yang berkualiti dan berpengalaman yang diperlukan untuk memberikan pandangan yang kukuh dan berkesan terhadap aktiviti-aktiviti Kumpulan. GBGC menilai ganjaran kepada Pengarah Bukan Eksekutif setiap tiga (3) tahun untuk memastikan bahawa ganjaran Pengarah adalah sepadan dengan komitmen masa dan kepakaran para Pengarah, serta risiko dan tahap kerumitan perniagaan bagi setiap syarikat yang berkenaan dan tanggungjawab yang dipegang.

Ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah seperti dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

Pengarah Bukan Eksekutif	Yuran Pengarah (RM)	Elaun Mesyuarat (RM)	Jumlah (RM)
Dato' Bakarudin Ishak	100,000	27,000	127,000
Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek	70,000	17,500	87,500
Dato' Lee Kok Kwan	70,000	31,500	101,500
Wan Hanisah Wan Ibrahim	70,000	31,500	101,500
Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani	70,000	24,000	94,000
Datuk Siti Zauyah Md Desa	70,000	10,500	80,500
Chong Kin Leong	70,000	39,000	109,000
Dato' Khairussaleh Ramli	70,000	10,500	80,500

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

Latihan Pengarah

Program latihan tahunan Pengarah berfokus kepada perkembangan berterusan set kemahiran para Pengarah dan kemaskini berkaitan perkembangan terkini dalam sektor perkhidmatan kewangan termasuk perundangan dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan. Sebilangan para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti Program Akreditasi Mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Di samping itu, sebilangan para Pengarah Kumpulan telah menghadiri Program Teras Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institution Directors' Education, FIDE*).

Bagi tahun 2023, program-program latihan yang dihadiri oleh para Pengarah diperincikan seperti di bawah.

Program Latihan yang Dihadiri oleh Para Pengarah

Senarai Program	Tempoh Dalam Bilangan Hari
Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE) FORUM:	
Pengenalan untuk hadir Perbincangan Makan Tengahari Bisnes "Bolehkah Amerika menghalang kebangkitan China"	1
Kumpulan Berkepentingan Istimewa Ekonomi Digital (" <i>Digital Economy Special Interest Group DESIG</i> ")	1
AI dan Institusi Kewangan: Rakan atau Lawan?	1
Sesi Dialog Secara Maya FORUM BNM-FIDE	1
Memahami Kesan Transformasi Digital dalam Industri Kewangan: Apa Yang Perlu Diketahui oleh Ahli Lembaga Pengarah	1
Persidangan Kepimpinan untuk Kelestarian Perniagaan Asia (" <i>Leadership for Enterprise Sustainability Asia, LESA</i> ") 2023	2
The Iclif Leadership and Governance Centre (ICLIF)	
Pengurusan Masa Depan Tempat Kerja & Individu	1
Persidangan Hibrid 2023 SIDC's BFF 2023	1
Jawatankuasa Pengurusan Risiko – Sektor Perbankan	1
Pengurusan Risiko Pasaran: Sektor Perbankan	1
Beyond Box-Ticking: Keperluan untuk Keberkesanan Jawatankuasa-jawatankuasa Imbuhan	1
Cagamas Berhad	
Secara Dalaman: Sesi Taklimat kepada Pengarah-Pengarah mengenai D&O, MACC & ESG	1
Secara Dalaman: Taklimat EY: ESG & Risiko Iklim: Implikasi & Pertimbangan kepada Cagamas	1
Persidangan dan Mesyuarat <i>The Association of Asian Secondary Mortgage Organisation (ASMMA)</i> 2023 di Jepun	2

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (sambungan)

Jawatankuasa Pengurusan

Di Cagamas Berhad, jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan telah ditubuhkan untuk menyokong CEO dalam menguruskan pelbagai aktiviti dan operasi di dalam Kumpulan. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan tersebut termasuk seperti berikut:

- Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan
- Jawatankuasa Aset Liabiliti
- Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat
- Jawatankuasa Pengurusan Krisis
- Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan

Hubungan Dengan Pelabur Dan Komunikasi Dengan Pemegang Syer

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan bertepatan masa dengan para pemegang syer dan pemegang berkepentingan. Rancangan-rancangan strategik, maklumat kewangan dan produk baru Kumpulan ini dihebahkan kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, dan melalui penyedia saluran maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg, Refinitiv, Bursa Malaysia Berhad, Labuan International Financial Exchange dan Singapore Exchange Limited. Forum utama untuk berdialog dengan para pemegang syer adalah di AGM. Di AGM, Pengerusi menerangkan tentang prestasi Kumpulan ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang perniagaan dan prestasi Kumpulan ini.

Cagamas Berhad secara berterusan menganjurkan taklimat bergerak tanpa urusan perjanjian dalam usaha untuk berkongsi dan mengemaskini pelabur mengenai kepelbagaian sekuriti hutang syarikat yang berbeza serta membina pengiktirafan jenama sebagai “penerbit pilihan” daripada pasaran baru muncul melalui penglibatan proaktif dengan serta pelabur global. Cagamas juga turut mengambil bahagian dalam forum dan persidangan pelaburan lain yang dianjurkan oleh institusi-institusi kewangan.

Cagamas Berhad mengendalikan beberapa laman sesawang, www.cagamas.com.my, www.srp.com.my dan www.ssb.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai produk, kadar dan maklumat kewangan Kumpulan ini.

HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Peranan dan tanggungjawab GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luar diterangkan pada muka surat 64 hingga 67 di dalam Laporan Tahunan ini.

Juruaudit Dalaman

Bahagian Audit Dalaman berfungsi melapor kepada GBAC dan mempunyai akses tanpa had kepada GBAC. Fungsinya adalah bebas daripada aktiviti atau operasi bagi unit operasi lain seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kawalan Dalaman Syarikat pada mukasurat 68 hingga 69 di dalam Laporan Tahunan ini.

Juruaudit Luar

Penyandang juruaudit luar ketika itu, iaitu Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT telah menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan GBAC pada tahun 2023 untuk melaporkan tentang perkara-perkara berkaitan audit luaran dan kewangan bagi Kumpulan. Mereka juga hadir semasa AGM Syarikat untuk menjawab soalan pemegang-pemegang syer mengenai pengendalian audit berkanun dan penyediaan dan kandungan laporan audit mereka.

Pada AGM yang diadakan pada tahun itu, Tetuan Ernst & Young telah dilantik sebagai juruaudit luar yang baru bagi Kumpulan.

Ganjaran juruaudit dan juga pembayaran yuran bukan audit dinyatakan pada muka surat 172 di dalam Laporan Tahunan ini.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

KEAHLIAN

Bagi tahun 2023, ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (*Group Board Audit Committee*, GBAC) ini terdiri daripada:

- (a) Chong Kin Leong (Pengerusi)
- (b) Dato' Lee Kok Kwan
- (c) Wan Hanisah Wan Ibrahim

Majoriti ahli GBAC terdiri daripada dua (2) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif berdasarkan Piagam Lembaga Cagamas Holdings Berhad. Secara kolektif, GBAC mempunyai pelbagai kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab mereka. Kesemua Pengarah tidak terbabit dalam urusan harian Syarikat Kumpulan Cagamas ("Kumpulan") ini serta bebas daripada pihak pengurusan.

KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

GBAC telah mengadakan empat (4) mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 yang turut dihadiri oleh Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Presiden Kanan, Bahagian Audit Dalaman (*Internal Audit Division*, IAD). Beberapa pegawai kanan Cagamas juga turut hadir pada mesyuarat tertentu atas jemputan GBAC. Kehadiran ahli GBAC dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Status	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Chong Kin Leong	Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	4/4
Dato' Lee Kok Kwan	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	4/4
Wan Hanisah Wan Ibrahim	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	4/4

Pada Mesyuarat Agung Tahunan tahun ini, Tetuan Ernst & Young (EY) telah dilantik sebagai Juruaudit Luaran Kumpulan ini. Atas kapasiti ini, Tetuan Ernst & Young telah menghadiri dua (2) mesyuarat untuk melaporkan semakan terhad bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2023 dan membentangkan pelan audit untuk Kumpulan bagi tahun 2023. Sebelum pelantikan EY, juruaudit luaran penyandang ketika itu, Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT telah menghadiri satu mesyuarat pada tahun tersebut untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Bidang Kuasa

- (a) GBAC tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti, dan mereka bebas bertemu dengan juruaudit dalaman dan luaran, dan pihak pengurusan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini.
- (b) GBAC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad ("Lembaga Pengarah") untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya diperlukan.
- (c) GBAC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyasat sebarang aktiviti di dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli GBAC berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN (*sambungan*)

Saiz dan Komposisi

- (a) GBAC hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah Bukan Eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah Bebas.
- (b) Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga (3) orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan.
- (c) Ahli-ahli GBAC hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah Bebas dari kalangan mereka sendiri.
- (d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli GBAC:
- mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (*Malaysian Institute of Accountants, MIA*); atau
 - jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:
 - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah memegang ijazah sarjana muda atau sarjana atau doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau
 - beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah syarikat korporat atau mempunyai fungsi yang terutamanya bertanggungjawab di dalam pengurusan hal ehwal kewangan sebuah syarikat korporat.
- (e) Kesemua ahli GBAC hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pandangan Lembaga Pengarah akan mempengaruhi GBAC di dalam memberikan penilaian yang bebas ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli GBAC.

Mesyuarat

- (a) Mesyuarat GBAC diadakan sekali pada setiap suku tahun atau mengikut kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi. Jemputan akan diberikan kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif untuk menghadiri mesyuarat. GBAC juga boleh menjemput mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.

Kuorum

- (a) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua (2) orang ahli.

Setiausaha

- (a) Naib Presiden Kanan, IAD merupakan Setiausaha kepada GBAC.

Tugas dan Tanggungjawab

Pelaporan Kewangan

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh juruaudit luaran. Ini termasuk:
- Menyemak laporan juruaudit dan syarat pembatasan (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;
 - Perubahan dan penyelarasan dalam pembentangan penyata kewangan;
 - Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
 - Pematuhan piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
 - Keadaan turun naik yang nyata dalam penyata baki;
 - Perubahan ketara dalam skop audit; dan
 - Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
- (b) Menyemak Penyata Kewangan Interim Diringkaskan setengah tahun bagi Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan pendedahan.

Juruaudit Dalaman

- (a) Menyemak skop dan keputusan tatacara audit dalaman, termasuk:
- Pematuhan piawaian audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;
 - Kecukupan polisi dan tatacara serta kawalan dalaman yang telah diwujudkan;
 - Penyelarasan antara juruaudit dalaman dan luaran;
 - Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme di dalam menjalankan tugas audit dalaman;
 - Melaporkan segala keputusan audit yang telah dilaksanakan;
 - Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
 - Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembetulan yang sesuai secara tetap.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN (*sambungan*)

(b) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi audit dalaman, termasuk:

- Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
- Meluluskan Pelan Audit Tahunan (*Annual Audit Plan, AAP*);
- Menilai prestasi dan menetapkan pakej imbuhan Naib Presiden Kanan, IAD selaras dengan polisi ganjaran syarikat;
- Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber IAD atau sebarang sekatan yang dihadapi semasa melaksanakan kerja-kerja pengauditan;
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Naib Presiden Kanan, IAD;
- Pemberitahuan tentang perletakan jawatan kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan perletakan jawatan;
- Memastikan fungsi audit dalaman mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
- Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi audit dalaman dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini; dan
- Meletakkan IAD di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung GBAC.

(c) Menyemak laporan audit dalaman sebelum dibentangkan kepada lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings untuk makluman atau pengesahan.

(d) Memastikan tindakan yang wajar dan segera diambil oleh pihak pengurusan ke atas kelemahan-kelemahan ketara yang dikenalpasti.

Juruaudit Luaran

- (a) Menilai objektiviti, prestasi dan kebebasan juruaudit luaran.
- (b) Membincangkan dan menilai pelan audit luaran, penemuan-penemuan terhadap sistem kawalan dalaman (termasuk tindakan pihak pengurusan dan laporan audit yang berkaitan).
- (c) Menyemak surat ikatan juruaudit luaran dan maklumbalas dari pihak pengurusan.
- (d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan atau perlantikan semula juruaudit luaran, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran juruaudit luaran.

(e) Membincangkan dengan juruaudit luaran perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.

(f) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan baru.

(g) Menilai dan menyemak peranan juruaudit luaran dari semasa ke semasa.

(h) Meluluskan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luaran dan menilai samada terdapat sebarang potensi konflik yang timbul daripada perkhidmatan bukan audit tersebut.

(i) Memastikan wujudnya pemeriksaan dan keseimbangan supaya peruntukan ke atas perkhidmatan bukan audit tidak mengganggu pertimbangan bebas juruaudit luaran.

(j) Bermesyuarat dengan juruaudit luaran sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak pengurusan untuk membincangkan perkara penting yang memerlukan perhatian serta mendapatkan maklum balas.

Transaksi Pihak Berkaitan

- (a) Menyemak sebarang urusanniaga dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.
- (b) Menyemak sebarang urusanniaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan kumpulan ini.

Tanggungjawab Lain

- (a) Menyemak cadangan pihak pengurusan untuk pembayaran dividen sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- (b) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN *(sambungan)*

RINGKASAN AKTIVITI

Sepanjang tahun kewangan, GBAC telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh GBAC adalah seperti berikut:

Audit Dalaman

- (a) Menyemak dan meluluskan AAP bagi tahun Kewangan Berakhir 2024 dan memastikan kecukupan skop audit dalaman dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber fungsi audit dalaman yang perlu untuk menjalankan tugasnya;
- (b) Menyemak laporan, penemuan dan cadangan oleh juruaudit dalaman serta maklumbalas pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;
- (c) Menyemak laporan-laporan audit dalaman untuk memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak pengurusan bagi menangani kaedah dan pelaksanaan cadangan yang dikemukakan oleh audit dalaman; dan
- (d) Memperuntukan penilaian bebas ke atas prestasi Naib Presiden Kanan, IAD.

Audit Luaran

- (a) Menyemak skop serta perancangan juruaudit luaran bagi tahun Kewangan Berakhir 2023;
- (b) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan atau perlantikan semula juruaudit luaran dan yuran audit; dan
- (c) Menyemak keputusan audit oleh juruaudit luaran dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian.

Pelaporan Laporan Kewangan

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan yang diaudit dan memastikan laporan kewangan mematuhi Piawai Perakaunan.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini telah menubuhkan IAD yang bertanggungjawab secara langsung kepada GBAC. Bahagian tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. IAD ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak GBAC mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

IAD melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan AAP yang telah diluluskan oleh GBAC. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik dan inisiatif strategik yang telah dikenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkan risiko-risiko dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan IAD memberi keutamaan kepada sumber dan bahagian yang akan diaudit. Keperluan pengawalseliaan yang perlu diaudit tahunan turut termasuk dalam AAP tersebut.

Audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2023 menitikberatkan penilaian dan penyemakan bebas ke atas penilaian risiko, keberkesanan operasi bagi kawalan dalaman, dan keperluan pengawalseliaan bagi seluruh Kumpulan ini. Laporan audit dalaman diserahkan kepada GBAC untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan GBAC melaksanakan fungsi penyeliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan.

Amalan Profesional Piawai Antarabangsa oleh Institut Audit Dalaman digunakan di mana perlu sebagai satu panduan berwibawa bagi kaedah audit dalaman.



PENYATA KAWALAN DALAMAN

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (“Lembaga Pengarah”) beserta lembaga pengarah syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini mengesahkan tanggungjawab mereka di dalam memastikan Syarikat Kumpulan Cagamas (“Kumpulan”) ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Kumpulan ini. Sistem kawalan dalaman berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, strategi, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan mengawal risiko pada tahap yang munasabah selari dengan selera risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dalam mencapai matlamat perniagaan. Oleh itu, sistem berkenaan dapat memberi jaminan yang sewajarnya, tetapi bukannya jaminan mutlak terhadap salah nyata ketara berkenaan maklumat kewangan.

Peranan pihak pengurusan ialah melaksanakan polisi yang digariskan oleh Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dalaman dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengurangkan dan mengawal risiko berkenaan.

PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (*Board Risk Committee, BRC*) Cagamas dipertanggungjawabkan menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan operasi Kumpulan ini. Dalam hal ini, BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses-proses dalaman utama dan sistem bertujuan menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan kedudukan pendedahan risiko Kumpulan ini. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas yang kemudiannya memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad berhubung segala keputusan yang dibuat berkenaan dengan penilaian risiko dan perkara-perkara yang berkaitan.

BRC dibantu oleh Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Cagamas yang menyediakan khidmat sokongan pengurusan risiko terutamanya bagi perniagaan dan operasi Cagamas Berhad, iaitu entiti utama Kumpulan ini di samping khidmat kepada lain-lain entiti di dalam Kumpulan ini. Keputusan penilaian risiko dan lain-lain penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan lembaga pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini. Secara umumnya prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan ini adalah berlandaskan garis panduan Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan terbaik di dalam industri.

PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan merangkumi proses utama seperti berikut:

1. Kuasa dan Tanggungjawab

- (a) Struktur organisasi, profil pekerjaan dan bidang keberhasilan utama yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi.
- (b) Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan.
- (c) Pihak pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan, Jawatankuasa Aset Liabiliti, Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat, Jawatankuasa Kredit Skim Saraan Bercagar, Jawatankuasa Operasi, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan dan Jawatankuasa Pengurusan Krisis sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing.

2. Perancangan, Pemantauan dan Laporan

- (a) Pelan Perniagaan Tahunan dan Belanjawan dirangka, dibentangkan dan diluluskan oleh lembaga pengarah Cagamas sebelum pelaksanaan. Di samping itu, prestasi sebenar akan dikaji setiap suku tahunan berdasarkan prestasi yang disasarkan bagi langkah pembetulan untuk mengurangkan risiko. Hasil kajian prestasi itu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap separuh tahunan. Di mana perlu, Pelan Perniagaan Tahunan dan Belanjawan akan disemak, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam keadaan perniagaan.
- (b) Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, lembaga pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan jawatankuasa lembaga pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan pembiayaan yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusan swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahunan. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu.
- (c) Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

PENYATA KAWALAN DALAMAN (sambungan)

3. Polisi dan Tatacara

Mendokumenkan dengan jelas dan secara formal polisi dalaman dan manual tatacara untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Semakan secara berkala dilaksanakan untuk memastikan dokumentasi polisi dan tatacara sentiasa dikemaskini dan relevan.

4. Penilaian Bebas oleh Bahagian Audit Dalaman

- (a) Bahagian Audit Dalaman memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga Pengarah melalui penilaian bebas terhadap kecukupan, keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman. Ia melaksanakan pendekatan audit berasaskan risiko selaras dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (*Group Board Audit Committee*, GBAC), Cagamas Holdings Berhad. Keputusan audit dibentangkan kepada GBAC yang telah bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
- (b) Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan di dalam Kumpulan bagi memaklumkan sebarang jurang dalam sistem kawalan dalaman. Sepanjang tahun kewangan ini, beberapa pemerhatian telah dikenal pasti, namun ianya tidak mengakibatkan kerugian ketara, luar jangkaan atau ketidakpastian dan juga tidak memberi kesan terhadap risiko reputasi yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan.

5. Pengukuran Prestasi dan Kompetensi Kakitangan

- (a) Indeks Prestasi Utama yang berasaskan kepada pendekatan Kad Skor Prestasi digunakan untuk memantau dan mengukur prestasi kakitangan.
- (b) Mempunyai garis panduan yang sesuai untuk tujuan pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan dan pensijilan peningkatan kemahiran oleh pakar industri untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang relevan bagi memastikan kakitangan yang cekap dan terlatih dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

6. Perancangan Kesenambungan Perniagaan

- (a) Mempunyai Pelan Kesenambungan Perniagaan, termasuk Pelan Pemulihan Bencana bagi memastikan kesinambungan operasi perniagaan.
- (b) Tadbir urus, kawalan dan proses untuk menguruskan kesinambungan perniagaan adalah memadai untuk menyediakan Cagamas sekiranya berlaku bencana atau pandemik.

KESIMPULAN

Sistem kawalan dalaman yang wujud di sepanjang tahun tinjauan sehingga tarikh Laporan Tahunan dan penyata kewangan diterbitkan adalah mencukupi dan berkesan untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa, timbalawan dan kakitangan serta aset-aset Kumpulan ini.




PENGURUSAN RISIKO

Cagamas menitikberatkan pengurusan risiko sebagai sebahagian aspek penting dalam perniagaan dan operasi Kumpulan serta dalam proses membuat keputusan. Dalam memastikan bahawa Kumpulan memperoleh pulangan yang optimum semasa beroperasi dalam lingkungan perniagaan yang baik, pasukan pengurusan risiko dan pematuhan terlibat sama pada tahap awal proses pengambilan risiko dengan memberikan input bebas, termasuk penilaian kredit, penilaian produk baru, kuantifikasi keperluan modal dan keperluan operasi dan peraturan yang relevan. Input-input ini membolehkan unit perniagaan menilai cadangan risiko-ganjaran, sehingga dapat mengurangi tahap risiko dan membolehkan baki risiko dinilai supaya sesuai dengan pulangan yang dijangkakan.

GAMBARAN KESELURUHAN PENGURUSAN RISIKO

Pendekatan pengurusan risiko Kumpulan disokong oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi ("Rangka Kerja") yang kukuh dan mantap, sentiasa dipertingkatkan untuk kekal relevan dan berdaya tahan terhadap latar belakang landskap risiko yang mencabar dan amalan industri yang kian berkembang.


Komponen utama Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi adalah seperti diagram di bawah:



PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

Selaras dengan Rangka Kerja, tiga barisan pertahanan dalam pengurusan risiko diterima pakai dalam Kumpulan. Jadual berikut meringkaskan tanggungjawab dan akauntabiliti pelbagai pihak yang terlibat dalam pengurusan risiko Kumpulan.



Ketua Pegawai Risiko dan Pematuhan, Cagamas Berhad, Raja Shahrizan Raja Harun Al Rashid (duduk, pertama dari kiri), bercakap pada Persidangan Global IERP ke-9 yang dianjurkan oleh Institute of Enterprise Risk Practitioners.

PENGURUSAN RISIKO *(sambungan)*

Pihak pengurusan mengiktiraf dan menguruskan risiko-risiko utama berikut yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai objektifnya sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko organisasi:

Risiko Strategik

Risiko Strategik adalah risiko tidak mencapai objektif dan matlamat strategi korporat Kumpulan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor dalaman seperti kekurangan dalam perancangan prestasi, pelaksanaan dan pemantauan prestasi serta faktor-faktor luaran seperti perubahan dalam persekitaran pasaran. Risiko strategik ditangani melalui penglibatan Lembaga Pengarah dalam menetapkan matlamat strategik Kumpulan. Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang perkara-perkara yang boleh mempengaruhi pelaksanaan strategi dan hala tuju korporat.

Risiko Kredit

Ditakrifkan sebagai potensi kerugian kewangan akibat kegagalan peminjam atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kewangan atau kontraknya. Risiko kredit berpunca daripada Pembelian Dengan Rekursa (*Purchase With Recourse, PWR*) dan Pembelian Tanpa Rekursa (*Purchase Without Recourse, PWOR*), program jaminan gadai janji, pelaburan termasuk Penyelesaian Pengurusan Modal (*Capital Management Solution, CMS*), Skim Saraan Bercagar (SSB) dan aktiviti perlindungan nilai perbendaharaan.

Objektif utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus risiko dan had kredit secara proaktif bagi memastikan semua pendedahan kepada risiko kredit adalah dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Aktiviti pelaburan adalah berpandukan kepada dasar dan garis panduan kredit dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Risiko Pasaran

Ditakrifkan sebagai potensi kerugian yang wujud daripada pergerakan harga dan kadar pasaran. Bagi Cagamas, pendedahan risiko pasaran adalah terhad kepada risiko kadar faedah/keuntungan dan risiko pertukaran mata wang asing memandangkan Kumpulan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perdagangan ekuiti atau komoditi.

Kumpulan menguruskan risiko pasaran dengan mengenakan had ambang dan memasuki kontrak lindung nilai derivatif. Had ini ditetapkan berdasarkan kepada tahap risiko Kumpulan dan pertimbangan pulangan risiko. Had ini kerap kali disemak dan dipantau. Kumpulan mempunyai Sistem Pengurusan Aset Liabiliti yang menyediakan keupayaan seperti analisis jurang tempoh, analisis sensitiviti faedah/keuntungan dan simulasi pendapatan di bawah senario-senario yang berbeza untuk membantu dalam pengurusan dan pemantauan risiko kadar faedah/keuntungan.

Kumpulan juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah bersilang, swap kadar keuntungan bersilang, swap mata wang bersilang dan swap mata wang bersilang berlandaskan prinsip Syariah untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasarnya terhadap pergerakan dalam kadar faedah/keuntungan dan kadar pertukaran mata wang asing.

Risiko Kecairan

Berlaku apabila Kumpulan tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi obligasi kewangannya apabila tempoh cukup matang.

Kumpulan menguruskan risiko kecairan dengan mematuhi dasar pembiayaan padanan di mana semua pembelian aset dibiayai oleh bon/sukuk yang bersesuaian dengan saiz, tempoh, dan adalah mampu diri dari segi aliran tunai. Satu mekanisme kecairan yang berpandangan ke hadapan telah diwujudkan untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan sambil mengelakkan tumpuan dana yang berlebihan.

Kumpulan merancang aliran tunai dan memantau dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan dana yang tersedia mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan yang merangkumi sekuriti hutang yang boleh pasar, juga diperuntukkan untuk memenuhi sebarang kekurangan yang tidak dijangka dalam aliran tunai atau keadaan ekonomi yang buruk dalam pasaran kewangan.

PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

Risiko Operasi

Adalah risiko potensi kerugian akibat daripada kekurangan atau kegagalan proses, tenaga kerja dan sistem dalaman, atau daripada faktor-faktor luaran. Setiap unit perniagaan atau sokongan melaksanakan penilaian sendiri terhadap risiko dan persekitaran kawalan masing-masing untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko operasi. Kumpulan telah mewujudkan kawalan dalaman, sistem dan prosedur yang menyeluruh, yang tertakluk kepada semakan yang kerap oleh juruaudit dalaman dan luaran.

Risiko Teknologi

Risiko Teknologi melibatkan penilaian risiko teknologi dan keselamatan siber secara berstruktur dan konsisten. Kumpulan telah menerapkan tadbir urus yang cekap dan pengurusan risiko teknologi yang berkesan merangkumi keselamatan teknologi yang kukuh, munasabah, ketahanan dan kebolehulihan untuk menangani elemen risiko teknologi seperti ketersediaan, ketepatan, kebolehcapaian dan ketangkasan sistem dan maklumat.

Risiko Gangguan Perniagaan

Kumpulan mempunyai program Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity Management, BCM*) yang mantap untuk mengurangkan kesan dan kemungkinan sebarang gangguan yang tidak dijangka terhadap operasi perniagaannya melalui pelaksanaan rangka kerja dan dasar BCM, pelan kesinambungan perniagaan dan latihan BCM yang kerap. Kumpulan juga telah mengenal pasti strategi pemulihan organisasi bagi mempercepatkan pemulihan serta penyambungan semula perniagaan dan teknologi semasa kejadian bencana.

Risiko Pematuhan Pengawalseliaan

Risiko pematuhan pengawalseliaan peraturan adalah berpunca daripada kegagalan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan mengakibatkan kesan buruk yang membawa kepada denda, penalti, dan impak kepada reputasi perniagaan Kumpulan.

Kumpulan menerapkan dasar yang menggariskan prinsip dan garis panduan menyeluruh untuk menguruskan risiko pematuhan pengawalseliaan dalam Kumpulan. Ini termasuk, pengurusan risiko pematuhan oleh barisan pertama dalam aktiviti perniagaan bagi memastikan Kumpulan mengekalkan pematuhan. Tinjauan pematuhan pengawalseliaan berkala dijalankan secara bebas oleh Jabatan Pematuhan (*Compliance Department, CD*), mengenai kecukupan kawalan dan tahap pematuhan undang-undang dan keperluan pengawalseliaan. Selanjutnya, CD mengikuti perkembangan pengawalseliaan industri yang memberi kesan kepada Kumpulan dan memberikan cadangan untuk kawalan yang perlu dilaksanakan.

Sebarang insiden ketidakpatuhan, kekurangan, tindakan pembetulan, dan maklumat dilaporkan kepada Lembaga melalui Jawatankuasa Risiko Lembaga (*Board Risk Committee, BRC*), untuk memudahkan pandangan holistik dan menyeluruh ke atas semua perkara pematuhan di seluruh Kumpulan.

PENGURUSAN RISIKO *(sambungan)*

Risiko Reputasi

Ditafsirkan sebagai risiko akibat daripada kesan nyata/tanggapan negatif oleh pihak pemegang saham, pelabur, rakan niaga, pelanggan, penganalisis pasaran, pengawal selia, pekerja dan pihak-pihak lain yang berkaitan yang boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan untuk mengekalkan hubungan perniagaan sedia ada/baru, memelihara kredibiliti dan mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan.

Kumpulan telah melaksanakan Rangka Kerja Risiko Reputasi yang menggariskan proses pengurusan risiko reputasi, instrumen dan kawalan untuk menguruskan risiko reputasi dalam Kumpulan dengan berkesan. Proses untuk mengurus risiko reputasi dalam Kumpulan boleh dibahagikan kepada pendekatan 3 peringkat iaitu penilaian risiko, amaran awal & pemakluman dan pemantauan & kawalan risiko yang penting untuk menjaga reputasi dan imej perniagaan Kumpulan.

Risiko Ketidapatuhan Syariah

Risiko ketidapatuhan Syariah merujuk kepada risiko sekatan perundangan atau pengawalseliaan, kerugian kewangan atau implikasi bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi yang mungkin dialami oleh Kumpulan akibat kegagalan mematuhi peraturan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) dan/atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) (dikenali secara kolektif sebagai "MPS"), piawaian mengenai perkara Syariah yang dikeluarkan oleh BNM atau SC termasuk nasihat oleh Penasihat Syariah yang konsisten dengan peraturan MPS.

Kumpulan berunding dan mendapatkan perakuan/pelepasan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islam bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah yang berkaitan. Bagi perkara-perkara yang berkenaan, Kumpulan akan mendapat persetujuan MPS melalui rakan niaga atau perantara yang di bawah bidang penyeliaan BNM, dan/atau melalui penasihat utama program sukuk untuk penyerahan produk kewangan Islam kepada SC.

Kajian semula pematuhan Syariah berkala dan audit dalaman tahunan dilaksanakan untuk mengesahkan bahawa operasi yang dikendalikan oleh unit-unit perniagaan mematuhi keputusan yang telah diperakukan oleh Penasihat Syariah. Sebarang insiden ketidapatuhan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan, dan Lembaga Pengarah.

PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

SOROTAN UTAMA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN 2023


Meneruskan penilaian risiko bebas ke atas inisiatif perniagaan strategik dan cadangan untuk Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah membuat keputusan termaklum.

Penilaian Kematangan Daya Tahan Siber BNM – Menjalankan penilaian sendiri ke atas kesediaan dan kawalan Keselamatan dan Tadbir Urus IT yang dilaksanakan di Cagamas. Secara keseluruhannya, kawalan dan tadbir urus keselamatan IT adalah selaras dengan keperluan Ketahanan Siber BNM.

Menyediakan pusat repositori untuk Sumber Pematuhan Cagamas, merangkumi undang-undang, peraturan, dasar pematuhan yang berkaitan, kemas kini dan artikel undang-undang. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan komunikasi dan berfungsi sebagai titik rujukan dalaman yang berharga.

Mewujudkan Penilaian Risiko Kredit Bebas untuk permohonan SSB untuk kawalan dan tadbir urus yang lebih baik dalam proses pemberian kredit.

Penambahbaikan kepada rangka kerja ERM untuk memasukkan penambahbaikan kepada metodologi penilaian risiko dan penyepaduan risiko iklim.



Bekerjasama dengan perunding luar dalam semakan bebas mengenai Pengurusan Risiko Organisasi (*Enterprise Risk Management, ERM*), Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (*Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP*) dan Pengurusan Risiko Kredit yang telah selesai pada Ogos 2023 tanpa sebarang jurang yang ketara dilaporkan.

Pengimbasan ancaman keselamatan siber – perkembangan terkini dan ancaman siber di peringkat tempatan dan global iaitu insiden, pengajaran yang dipelajari dan vektor serangan, dianalisis dan dilaporkan kepada Pihak Pengurusan.


Meneruskan pemantauan dan penyesuaian diri kepada garis panduan dan peraturan terkini daripada pihak berkuasa yang berkaitan yang memberi kesan kepada Kumpulan Cagamas, memastikan penilaian pematuhan berterusan untuk mengurus risiko kawal selia yang muncul secara proaktif.

Pengurusan risiko pasaran dan kecairan dipertingkatkan lagi dengan laporan yang lebih kerap dan terkini yang disebarkan kepada Pengurusan Kanan.


Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan dan Semakan Produk (*Product Development and Review Committee, PDRC*) sebagai platform untuk membincang cadangan perniagaan, profil risiko dan mitigasi sebelum cadangan kepada MEC.

MAKLUMAT PERANGKAAAN

PENDEDAHAN KEPADA RAKAN NIAGA MENGIKUT PENARAFAN (PWR)



PERBANDINGAN DI ANTARA SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS DAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN DALAM PEGANGAN



MAKLUMAT PERANGKAAAN (sambungan)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2023

Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon/ Keuntungan (% Setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Konvensional			Islam		
					Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	
					RM JUTA					
2005										
12.12.2005	20	5.920	12.12.2025	1.95			265			
2007										
29.05.2007	20	4.340	28.05.2027	3.41					290	
22.08.2007	20	5.080	20.08.2027	3.64			105			
2009										
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	0.24	150					
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	5.25	150					
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	0.24					155	
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	5.25					80	
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	0.55	100					
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	5.55	50					
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	0.55					70	
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	5.55					55	
03.09.2009	15	5.280	03.09.2024	0.68	90					
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	0.91	85					
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	5.91	45					
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	0.91					80	
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	5.91					45	
2010										
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	1.68					5	
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	1.68	5					
2011										
07.04.2011	15	4.760	07.04.2026	2.27					10	
2012										
31.10.2012	15	4.170	29.10.2027	3.83	20					
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024	0.93	5					
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027	3.93	5					
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024	0.93					10	
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027	3.93					15	
2013										
28.10.2013	12	4.550	28.10.2025	1.83					450	
18.11.2013	12	4.550	18.11.2025	1.88	410					
2015										
25.11.2015	10	4.850	25.11.2025	1.90	225					
25.11.2015	12	4.900	25.11.2027	3.90	250					
25.11.2015	20	5.070	26.11.2035	11.91	160					
2019										
18.10.2019	5	3.600	18.10.2024	0.80					370	
28.11.2019	5	3.550	28.11.2024	0.91					450	
2021										
19.01.2021	3	2.380	19.01.2024	0.05	55					
18.05.2021	3	2.780	20.05.2024	0.39					400	
15.06.2021	5	3.150	15.06.2026	2.46					200	
25.06.2021	5	3.150	15.06.2026	2.46					150	
05.08.2021	3	2.670	05.08.2024	0.60	200					
05.08.2021	3	2.670	05.08.2024	0.60					100	

MAKLUMAT PERANGKAAAN (sambungan)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)

Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon/ Keuntungan (% Setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Konvensional			Islam			
					Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	
					RM JUTA						
2021 (sambungan)											
28.09.2021	3	2.780	30.09.2024	0.75						1,150	
29.10.2021	3	3.050	29.10.2024	0.83	700						
24.11.2021	2.5	2.970	24.05.2024	0.40	50						
24.11.2021	2.5	2.970	24.05.2024	0.40	35						
25.11.2021	3	3.040	25.11.2024	0.90						1,100	
10.12.2021	3	3.160	10.12.2024	0.95	500						
2022											
31.01.2022	3	3.310	31.01.2025	1.09						930	
18.02.2022	2	2.860	19.02.2024	0.14	150						
28.02.2022	2	2.930	28.02.2024	0.16	400						
23.03.2022	2	2.950	25.03.2024	0.23	330						
23.03.2022	2	2.950	25.03.2024	0.23						200	
23.03.2022	2	1.990	25.03.2024	0.23				308			
24.03.2022	3	3.100	24.03.2025	1.23						200	
07.04.2022	5	3.780	07.04.2027	3.27	1,000						
29.04.2022	3	3.920	29.04.2025	1.33						555	
20.06.2022	3	3.910	20.06.2025	1.47						100	
29.06.2022	3	4.000	30.06.2025	1.50						150	
30.06.2022	2	3.840	01.07.2024	0.50	50						
06.07.2022	5	4.250	06.07.2027	3.52	1,000						
26.07.2022	5	4.180	26.07.2027	3.57	200						
08.08.2022	2	3.750	08.08.2024	0.61						285	
08.08.2022	2	3.770	08.08.2024	0.61						115	
08.08.2022	3	3.930	08.08.2025	1.61						100	
08.08.2022	2	3.750	08.08.2024	0.61	110						
08.08.2022	3	3.930	08.08.2025	1.61	390						
30.08.2022	2	3.740	30.08.2024	0.67	45						
30.08.2022	2	3.760	30.08.2024	0.67	205						
30.08.2022	3	3.850	29.08.2025	1.66	250						
30.09.2022	2	3.890	30.09.2024	0.75	40						
30.09.2022	3	4.000	30.09.2025	1.75	30						
12.10.2022	5	4.540	12.10.2027	3.78	100						
27.10.2022	3	4.350	27.10.2025	1.82						200	
31.10.2022	3	4.350	31.10.2025	1.84						300	
31.10.2022	3	4.350	31.10.2025	1.84	300						
31.10.2022	2	4.150	31.10.2024	0.84						500	
01.11.2022	2	4.200	01.11.2024	0.84						85	
01.11.2022	3	4.450	03.11.2025	1.84						355	
04.11.2022	5	4.620	04.11.2027	3.85						1,000	
08.11.2022	5	4.550	08.11.2027	3.86	2,000						
01.12.2022	3	4.300	01.12.2025	1.92						200	
02.12.2022	5	4.710	02.12.2027	3.92	150						
13.12.2022	5	4.500	13.12.2027	3.95						500	
13.12.2022	5	4.500	13.12.2027	3.95	1,000						
21.12.2022	3	4.270	22.12.2025	1.98						455	
21.12.2022	2	4.010	23.12.2024	0.98	250						
21.12.2022	3	4.240	22.12.2025	1.98	250						
27.12.2022	5	4.500	27.12.2027	3.99						440	
28.12.2022	3	4.080	29.12.2025	2.00						300	

MAKLUMAT PERANGKAAAN (sambungan)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)

Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon/ Keuntungan (% Setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Konvensional			Islam		
					Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	
					RM JUTA					
2023										
18.01.2023	5	4.260	18.01.2028	4.05					500	
19.01.2023	5	4.280	19.01.2028	4.05	50					
13.02.2023	2	3.770	13.02.2025	1.12					120	
21.02.2023	1	4.470	21.02.2024	0.14				754		
27.02.2023	1	5.000	27.02.2024	0.16				448		
08.03.2023	5	4.050	08.03.2028	4.19					115	
10.03.2023	3	4.000	10.03.2026	2.19					300	
10.03.2023	1	3-mth KLIBOR + 0.15	11.03.2024	0.19					300	
29.03.2023	2	3.780	28.03.2025	1.24	600					
29.03.2023	3	3.880	27.03.2026	2.24	400					
12.04.2023	1	4.000	12.04.2024	0.28				200		
14.04.2023	3	3.900	14.04.2026	2.29	410					
14.04.2023	3	3.900	14.04.2026	2.29					500	
14.04.2023	2	3.620	14.04.2025	1.29				299		
27.04.2023	3	3.570	27.04.2026	2.32				299		
28.04.2023	2	3.720	28.04.2025	1.33					200	
26.05.2023	2	3.720	26.05.2025	1.40	700					
30.05.2023	1	3.670	30.05.2024	0.41	450					
30.05.2023	3	3.900	29.05.2026	2.41	780					
30.05.2023	1	4.130	30.05.2024	0.41				350		
31.05.2023	10	4.200	31.05.2033	9.42	200					
12.06.2023	1	4.200	12.06.2024	0.45				512		
13.06.2023	2	3.800	13.11.2025	1.87					300	
28.06.2023	5	3.980	28.06.2028	4.50					500	
28.06.2023	1	3.700	28.06.2024	0.49	30					
28.06.2023	2	3.810	30.06.2025	1.50	30					
28.06.2023	3	3.910	29.06.2026	2.50	40					
28.06.2023	3	3.910	29.06.2026	2.50	150					
28.06.2023	3	3.910	29.06.2026	2.50					355	
03.07.2023	3	3.900	03.07.2026	2.51	700					
03.07.2023	3	3.900	03.07.2026	2.51					200	
24.07.2023	1	3.740	24.07.2024	0.56					735	
08.08.2023	1	3.600	08.08.2024	0.61					95	
08.08.2023	1	3.600	08.08.2024	0.61	20					
08.08.2023	3	3.820	10.08.2026	2.61					115	
08.08.2023	3	3.820	10.08.2026	2.61	30					
08.08.2023	5	3.970	08.08.2028	4.61					160	
08.08.2023	5	3.970	08.08.2028	4.61	40					
24.08.2023	3	3.940	24.08.2026	2.65					200	
24.08.2023	3	3.940	24.08.2026	2.65	315					
29.08.2023	5	4.000	29.08.2028	4.67					500	
29.08.2023	1	3.690	29.08.2024	0.66	150					
29.09.2023	1	3.670	30.09.2024	0.75					90	
29.09.2023	1	3.670	30.09.2024	0.75	210					
29.09.2023	2	3.800	29.09.2025	1.75	250					
29.09.2023	2	4.245	29.09.2025	1.75				515		
29.09.2023	2	3.860	29.09.2025	1.75	100					
05.10.2023	3	3.970	05.10.2026	2.76					540	
05.10.2023	5	4.120	05.10.2028	4.77					200	

MAKLUMAT PERANGKAAAN (sambungan)

SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2023 (SAMB.)

Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon/ Keuntungan (% Setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Konvensional			Islam			
					Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Bon Dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	
					RM JUTA						
2023 (sambungan)											
10.10.2023	5	4.080	10.10.2028	4.78	340						
10.10.2023	5	4.060	10.10.2028	4.78						780	
20.10.2023	0.26	3.610	22.01.2024	0.06						180	
20.10.2023	2	3.890	17.10.2025	1.80						270	
27.10.2023	7	4.230	25.10.2030	6.82						465	
27.10.2023	10	4.310	27.10.2033	9.83						500	
30.10.2023	1	4.240	30.10.2024	0.83				520			
30.10.2023	1	3.810	30.10.2024	0.83	125						
31.10.2023	1	3.810	01.11.2024	0.84						305	
31.10.2023	5	4.200	31.10.2028	4.84						410	
14.11.2023	0.25	3.650	13.02.2024	0.12		115					
17.11.2023	5	4.270	17.11.2028	4.88	460						
20.11.2023	0.23	3.650	13.02.2024	0.12		250					
20.11.2023	2	3.830	20.11.2025	1.89						100	
24.11.2023	0.26	3.690	26.02.2024	0.16						100	
28.11.2023	0.25	3.690	28.02.2024	0.16		250					
30.11.2023	1	3.710	02.12.2024	0.92						150	
30.11.2023	3	3.910	30.11.2026	2.92						250	
30.11.2023	1	4.000	29.11.2024	0.92				349			
30.11.2023	3	3.920	30.11.2026	2.92						250	
05.12.2023	1	4.060	05.12.2024	0.93				350			
07.12.2023	1	4.060	09.12.2024	0.94				350			
07.12.2023	1	3.670	09.12.2024	0.94	200						
15.12.2023	5	4.020	15.12.2028	4.96						500	
19.12.2023	0.25	3.830	19.03.2024	0.22		90					
26.12.2023	0.25	3.830	25.03.2024	0.23		300					
28.12.2023	3	3.900	28.12.2026	2.99						325	
28.12.2023	3	3.900	28.12.2026	2.99						275	
29.12.2023	0.25	3.830	29.03.2024	0.24						360	
JUMLAH					18,320	1,005	370	5,252	23,110	290	
					48,347						

MAKLUMAT PERANGKAAAN (sambungan)

PEMEGANG SEKURITI HUTANG TERBITAN KUMPULAN CAGAMAS BERHAD

	2019		2020		2021		2022		2023	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Institusi Kewangan	20,573	56.71	19,086	60.96	19,861	57.04	23,868	59.43	30,556	64.07
Dana Persaraan	7,055	19.44	5,672	18.11	4,946	14.20	4,281	10.66	3,735	7.83
Syarikat Insuran	3,688	10.16	3,523	11.25	3,991	11.46	4,960	12.35	3,969	8.32
Dana Harta dan Amanah	1,886	5.20	2,008	6.41	2,340	6.72	3,022	7.52	2,584	5.42
Pelabur Bukan Pemastautin	2,727	7.52	780	2.49	3,279	9.42	3,307	8.23	5,967	12.51
Perbadanan	114	0.31	181	0.58	51	0.15	155	0.39	235	0.49
Syarikat Berkaitan Kerajaan	241	0.66	60	0.20	350	1.01	570	1.42	570	1.20
Lain-lain	-	-	-	-	-	-	-	-	71	0.15
Jumlah	36,284	100	31,310	100	34,818	100	40,163	100	47,687	100

PEMEGANG SEKURITI HUTANG TERBITAN CAGAMAS MBS BERHAD

	2019		2020		2021		2022		2023	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Syarikat Insuran	1,164	57.77	734	59.66	739	60.31	409	61.89	461	69.77
Dana Persaraan	255	12.66	220	17.89	240	19.60	95	14.39	95	14.39
Dana Harta dan Amanah	264	13.10	145	11.82	135	11.06	115	17.42	25	3.71
Institusi Kewangan	282	13.99	75	6.07	72	5.88	10	1.52	40	6.06
Perbadanan	25	1.24	21	1.71	39	3.15	32	4.77	40	6.06
Syarikat Berkaitan Kerajaan	5	0.25	20	1.63	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Perseorangan	15	0.74	15	1.22	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Pelabur Bukan Pemastautin	5	0.25	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah	2,015	100	1,230	100	1,225	100	660	100	660	100

Sumber: Berasaskan tinjauan dijalankan dengan Institusi Depositori Dibenarkan

JUMLAH SEKURITI HUTANG YANG BELUM DITEBUS DI PASARAN

	% Jumlah Sekuriti Hutang Yang Belum Ditebus				
	2019	2020	2021	2022	2023
Instrumen					
Sekuriti Kerajaan Malaysia/Terbitan Pelaburan Kerajaan	51.4	52.5	53.8	55.4	56.9
Bon Korporat dan Sukuk	31.7	30.6	29.5	28.9	28.2
Lain-lain Sekuriti Kuasi-Kerajaan, e.g., Institusi Kewangan Pembangunan	13.6	14.2	14.2	13.3	12.5
Sekuriti Hutang Kumpulan Cagamas	2.4	2.0	2.0	2.1	2.2
Bon dan Sukuk Khazanah	0.9	0.7	0.5	0.4	0.2
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Bond Pricing Agency Malaysia Sdn Bhd

CAGAMAS DALAM AKHBAR

CAGAMAS CONCLUDES ISSUANCES WORTH TOTAL OF RM1.4 BILLION

PETALING JAYA: Cagamas Bhd, the national mortgage corporation of Malaysia, has concluded a combined RM1.4 billion worth of issuances comprising RM300 million 3-month Conventional Commercial Papers (CCP), RM100 million 3-month Islamic Commercial Papers (ICP), RM600 million 2-year Conventional Medium Term Notes (CMTN) and RM500 million 3-year CMTN. The CCPs and ICPs were priced at 5 bps to 8 bps below the 3-month Kuala Lumpur Interbank Offered Rate. Proceeds from the issuances will be used to fund the purchase of housing loans and eligible assets from the domestic financial system, Cagamas president/CEO Datuk Chung Chee Leong said. "The concluded issuances were priced via a private placement exercise, which brings the company's total funds raised for the year to RM4.14 billion," he added.

Cagamas appoints Kameel Abdul Halim as president, CEO

CORPORATE NEWS
Friday, 18 August 2023
7:08 PM MYT



Cagamas Holdings catat PBTZ RM446.3 juta tahun lalu



PETALING JAYA: Cagamas Holdings Bhd (Cagamas Holdings) mencatat kewangan sekutu bulanan dan sakti (PBTZ) sebanyak RM446.3 juta bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2022 (FY2022) lebih tinggi berbanding RM427.9 juta bagi tempoh sama tahun sebelumnya. Pengerusinya, Datuk Bahardin bin Ibrahim berkata, Cagamas Berhad telah sebagai anak syarikat operasi utama yang menyumbang kepada jumlah kewangan kompositan bagi FY2022. Menurut beliau, Cagamas Holdings amekodan jumlah pemolehan nilai tinggi dan pembelian perumahan bernilai RM2.5 bilion daripada Institut Kewangan (IF) di bawah skim pembelian dengan rekursu (PWS) tahun lalu dengan peningkatan sebanyak 39.9 peratus daripada tahun sebelumnya. "Tambahan data yang diperoleh pada 2022 meningkat sebanyak 29.7 peratus kepada RM2.9 bilion, di mana RM2.4 bilion diperoleh melalui sekuriti hutang dan RM0.5 bilion melalui surat niaga antara bank. "Pada akhir Disember 2022, sekuriti hutang Cagamas berjumlah RM462.2 bilion, peningkatan tahun ke tahun sebanyak 14.9 peratus daripada jumlah keseluruhan dan bon konvensional terdiri daripada RM202.2 bilion manakala RM0.5 bilion pula adalah sakti," katanya dalam kenyataan. Beliau berkata, kumpulan kerja berdaya tahan dan terus meningkatkan prestasi perniagaan melalui berhadapan dengan tekanan kuat yang berpunca daripada ketidakstabilan dalam aktiviti ekonomi dan peningkatan ketidakpercayaan global dalam pasaran kewangan. "Dalam memastikan agenda pembangunan kami, syarikat beroperasi secara proaktif dengan menjayakan projek-projek pembangunan dan penyediaan infrastruktur."

Cagamas seeks more proactive tie-ups

PETALING JAYA: Cagamas Holdings Bhd will seek more proactive collaborations with industry players to develop alternative liquidity and structured funding solutions over 2023, says chairman Datuk Bahardin bin Ibrahim. Bahardin said such moves will facilitate market liquidity for a wider spectrum of counterparties. At the same time, the group will explore new growth propositions within its existing products to promote broader access to home ownership, he said in a statement. For its financial year 2022 (FY22), Cagamas posted a profit before tax and

Cagamas, UzMRC ink financing MoU

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd has inked a memorandum of understanding (MoU) with Mortgage Refinancing Company of Uzbekistan (UzMRC) to develop financing for affordable housing. The partnership will see the exchange of knowledge and experience in developing viable housing finance models, including for the affordable housing market, to spur growth of secondary mortgage finance market in

Kameel CEO baharu Cagamas

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd melantik Kameel Abdul Halim (gambar) sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharunya, berkuat kuasa 11 September depan. Kameel akan menggantikan Datuk Chung Chee Leong, yang tamat pengajarnya pada 30 Ogos 2023. Dalam satu kenyataan semalam, perbadanan gajadi jary negara itu menyatakan bahawa Kameel yang akan menajay syarikat dalam fasa perubahaan akan datang, kata Cagamas. — Bernama

Kerjasama pembiayaan

PETALING JAYA: Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia dan Bank Simpanan Nasional (BSN) bekerjasama dalam urusan niaga rumah mampu milik bernilai RM500 juta. Urus niaga itu dibayai melalui penempatan Sukuk Pelaburan Mempan dan Bertanggungjawab Sosial ASEAN (Sukuk SRJ) pelbagai tempoh Cagamas, terdiri daripada Sukuk SRJ 1-tahun bernilai RM150 juta, Sukuk SRJ 2-tahun bernilai RM100 juta dan Sukuk SRJ 3-tahun bernilai RM250 juta. Sukuk tersebut diterbitkan di bawah Program RM60 bilion Cagamas bagi Nota Jangla Sederhana Konvensional dan Nota Jangla Sederhana Islam (Program CMTN/IMTN). Menurut kenyataan perbadanan Cagamas dan BSN, komitmen

Cagamas 总裁换人 卡米尔下月上任

(吉隆坡 18 日讯) 马来西亚国家房屋机构 (Cagamas) 宣布委任卡米尔阿都哈林为新任总裁兼首席执行官。任期下月 11 日起生效。他将接替任期将于本月 30 日结束的现任总裁兼首席执行官李俊基。马来西亚国家房屋机构今日发表文告说，卡米尔在金融服务业拥有逾 25 年的丰富经验，并在商业银行、开发金融和投资银行领域拥有广泛的专业知识。他拥有英国爱丁堡大学工商管理 (荣誉) 学士学位和美国乔治敦大学风险管理 (荣誉) 硕士学位。



Cagamas raises RM3.2b equivalent of foreign currency, ringgit bonds in single month

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd, the National Mortgage Corporation of Malaysia, has concluded an aggregate RM3.2 billion equivalent worth of funds raised, comprising a total of RM200 million in conventional Medium Term Notes (CMTN) and RM100 million in Islamic Medium Term Notes (IMTN). President/CEO Datuk Chung Chee Leong said "Demand for investment grade papers, similar to Cagamas' remains high, while global

markets continue to weigh in the prospect of longer than anticipated staff monetary policy stance by the Federal Reserve. Proceeds raised from the issuances will be used to fund the purchase of housing loans and Islamic finance transactions from the domestic financial system, reflecting continued provision of liquidity by the company to its domestic banking system. Total funds raised by the company stands at RM217 billion Year-to-date. Cagamas has concluded six SGD issuances and one HKD issuance, amounting to RM2.08 billion equivalent in foreign currencies, he added.

CAGAMAS DALAM AKHBAR (sambungan)



Cagamas in year-high fundraising of RM4.8bil

PETALING JAYA: National mortgage corporation Cagamas Bhd has concluded issuances worth RM4.8bil in October, the highest monthly amount recorded so far in 2023.

The issuances comprise RM180mil three-month Islamic commercial papers, RM3.5bil multi-tenured Islamic medium term notes, RM465mil multi-tenured conventional medium-term notes, one-year S\$150mil medium-term notes and RM158mil through other funding avenues. President and chief executive officer Kameel Abdul Halim said the proceeds raised were used to fund the purchase of

Islamic home financing and conventional housing loans from domestic financial institutions.

"The successful conclusion of our fund-raising activities in October, albeit a period marked by global uncertainties in the fixed income market and extreme volatility arising from geopolitical tensions, reflects Cagamas' commitment to support the domestic financial system.

"This underscores our role in providing liquidity to the primary lenders of home financing and housing loans as a secondary mortgage corporation," he said in a statement yesterday.

Kameel added that the strong demand from local and foreign investors also enabled the company to price its issuances competitively above the corresponding Malaysian Government Securities.

According to the statement, the company has raised aggregate funds of RM24.03bil year-to-date.

"The Singapore dollar-denominated bonds, issued via the company's wholly owned subsidiary Cagamas Global PLC, are fully and unconditionally guaranteed by Cagamas," it said. Cagamas promotes home ownership and growth of the secondary mortgage market in Malaysia. — Bernama

Cagamas, BSN tawar perumahan mampu milik



...tuk menyokong industri kewangan mereka dengan menggerakkan pembiayaan pasaran modal untuk inisiatif berkaitan perumahan, tambah beliau.

Urus niaga pembiayaan rumah mampu milik ini melibatkan kemudahan pembiayaan perumahan yang disediakan oleh BSN di bawah Skim Perumahan Belia (SPB) dan Skim Rumah Pertama.

(SRP) yang telah memenuhi kriteria kelayakan Cagamas untuk rumah mampu milik.

Sukuk SRI Cagamas, yang diberi penarafan Faedah Sosial Tahap 1 oleh RAM Sustainability Sdn. Bhd., menarik pelbagai pelabur termasuk pelabur institusi, bank dan badan berkanun, serta membolehkan Cagamas

HLB, Cagamas in RM300mil green asset transaction

KUALA LUMPUR: Hong Leong Bank (HLB) and its subsidiary Hong Leong Islamic Bank, together with Cagamas Bhd, have successfully concluded their RM300mil green housing loans and financing (green asset) transaction.

The transaction was funded by the issuance of Cagamas' one-year Asean Green Bond worth RM210mil and one-year Asean Green Sustainable and Responsible Investment Sukuk worth RM90mil under the national mortgage corporation's RM600 conventional and Islamic medium-term notes (MTN) programme.

The issuances of the Asean Green MTNs by Cagamas are Malaysia's first corporate issuances relating to green housing loans and financing, the parties said in a joint statement yesterday, as reported by Bernama.

"The increasing demand for green asset financing highlights the urgency of addressing climate impact and sustainability concerns."

"It also reflects a growing awareness that sustainable business practices are not just the right thing to do but also essential for long-term economic stability and environmental stewardship," HLB group managing director and chief executive officer Kevin Lam said.

President and chief executive officer of Cagamas Kameel Abdul Halim said the purchase of these green assets not only contributes positively to the environment but also fortifies its essential role in the



Cagamas president replacement Kamil takes office on September 11

August 18, 2023



Cagamas concludes sukuk issuances worth RM715m

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd, the National Mortgage Corporation of Malaysia, announced the successful conclusion of a combined RM715 million worth of issuances, comprising 1-year Variable Rate Notes (VRN), 3-year Islamic Medium Term Notes (IMTN) and 5-year IMTN.

Proceeds from the issuances will be used to fund house financing from the domestic financial system.

"The 3-year and 5-year IMTNs were

raising hits record high

...of housing...
...the company,' said Cagamas president/ chief executive officer, Datuk Chung Chee Leong.
...Going forward, he said despite the continued challenging global environment, the company remains committed towards its efforts in fulfilling its mandate as a financial intermediary

...between the capital market and the Malaysian housing sector.

The papers, which will be redeemed at their full nominal value upon maturity are unsecured obligations of the company, ranking pari passu with all other existing unsecured obligations of the company. — Bernama

Urus niaga rumah mampu milik RM500j

KUALA LUMPUR: Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagamas Malaysia (PCM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) antara jalan urus niaga rumah mampu milik RM500 juta.

Urus niaga ini dibayai menerusi penerbitan Sukuk Pelaburan Mampu Milik dan Bertanggungjawab Sosial Asean (Sukuk SRI) kepada tempah Cagamas, terdiri daripada Sukuk SRI 1-tahun bernilai RM150 juta, Sukuk SRI 2-tahun bernilai RM100 juta dan Sukuk SRI 3-tahun bernilai RM250 juta, yang diterbitkan di bawah Program RM600 bilion Cagamas bagi Nota Jangka Sederhana Konvensional dan Nota Jangka Sederhana Islam (Program CMTN/IMTN).

Xenon Ekosistem BSN, yang kini berikhtisad, kerjasama BSN sebanyak RM500 juta akan digunakan secara strategik bagi menyokong inisiatif perumahan mampu milik, terutamanya daripada aspek pembiayaan.

Katanya, perolehan strategik ini sejajar dengan visi BSN untuk memupuk perubahan dan sumbangan sosial yang positif, serta dedikasi mereka terhadap inisiatif pembangunan.

Cagamas raises record RM3.42b in a single month

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd, the National Mortgage Corporation of Malaysia, announced the successful conclusion of an aggregate RM3.42 billion equivalent worth of funds raised within a single month.

The issuances comprise RM1943 million 3-month funding through Conventional Commercial Papers (CCP), Islamic Commercial Papers

Term Notes (SGD EMTN).

"We are pleased with the successful conclusion of the issuances from both domestic and foreign space, notwithstanding global concerns on the US debt

reflecting the ongoing financial intermediary role performed by the company in the domestic banking system," said its president and CEO Datuk Chung Chee Leong.

to-date," added Chung. The SGD denominated bonds issued via the company's wholly owned subsidiary Cagamas Global PLC are fully and unconditionally guaranteed by Cagamas while the ringgit issuances, which will be redeemed at their full nominal value upon maturity, are unsecured obligations of the company, ranking pari passu with all other existing unsecured

Cagamas concludes RM120m IMTNs

KUALA LUMPUR: National mortgage corporation Cagamas Bhd has concluded the issuance of RM120 million two-year Islamic Medium Term Notes (IMTN).

President and chief executive officer Datuk Chung Chee Leong said the proceeds would be used to fund the purchase of home financing from the domestic financial system.

"We are pleased to have concluded another issuance successfully despite persisting concerns

stemming from continued monetary tightening by central bank and the corresponding Malaysian Government Investment Index (GII) around 17% inflation pressure.

"The 12-month average yield is upward by 100 basis points, which is an increase in market interest rate."

The IMTN placement is expected to

Cagamas muktamadkan terbitan sukuk, bon bernilai RM499 juta

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd berjaya memuktamadkan terbitan sukuk dan bon bernilai RM499 juta di pasaran domestik dan antarabangsa, sekaligus menjadikan jumlah dana dikumpul oleh syarikat tersebut mencecah RM6.34 bilion setakat tahun ini.

Terbitan itu masing-masing

merangkumi Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) bagi tempoh dua tahun bernilai RM200 juta dan Nota Jangka Sederhana Kadar Tetap dolar Singapura selama tiga tahun bernilai S\$90 juta (S\$1=RM3.34), demikian menurut perbadanan gadai janji nasional itu dalam satu kenyataan semalam.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Chung Chee Leong berkata Cagamas berpuas hati dengan penerbitan itu berikhtisad dengan penerbitan nota berkenaan terus mendapat tarikan dalam ketidaktentuan sektor perbankan AS serta jangka kenaikan setruusnya kadar faedah pada tahap lebih perla-

han.

"Hasil daripada terbitan ini akan digunakan bagi menampung pembelian pinjaman perumahan dan pembiayaan perumahan daripada sistem kewangan domestik. Ini juga memaparkan penyediaan maduatunai berterusan oleh syarikat kepada sistem perbankan

domestik," katanya.

Chung berkata pemuktamadkan terbitan dolar Singapura terbitan menjadikan jumlah terbitan dalam denominasi mata wang berkenaan setakat tahun ini kepada S\$470 juta manakala IMTN dua tahun berkenaan ditetapkan pada harga menerusi langkah penempatan swasta. — Bernama

KEMUNCAK KORPORAT 2023

ANUGERAH



Anugerah Pasaran Bon BPAM 2023
(BPAM Bond Market Awards 2023)



Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A 2023
(The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2023)



Anugerah Kewangan Islam Global ke-13 2023
(13th Global Islamic Finance Awards 2023)

KERJASAMA



Lawatan sambil belajar dan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara Cagamas Berhad dan Mortgage Refinancing Company of Uzbekistan



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara Cagamas Berhad dan PT Sarana Multigriya Finansial (Persero)

KORPORAT



Syarikat Kumpulan Cagamas: Mesyuarat Agung Tahunan anak-anak syarikat



Mesyuarat Agung Tahunan ke-16 Cagamas Holdings Berhad

PENGETAHUAN



Perkongsian ilmu mengenai Syariah Maqasid dan pembiayaan Waqf oleh Kumpulan Amanie

PEMIMPIN PEMIKIRAN



Persidangan Kewangan Perumahan Hijau di Tokyo, Jepun

KEMUNCAK KORPORAT 2023 (sambungan)

KETERLIBATAN



Siri mesyuarat perniagaan bersama institusi kewangan



Mesyuarat bersama Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad



Lawatan oleh delegasi dari Kenya Mortgage Refinance Company PLC, The National Treasury of Kenya, Bank of Uganda dan Ministry of Finance Uganda



Cagamas Berhad di persidangan dan pameran "Kehidupan di Zaman Emas Anda: Sumbangan dan Ketahanan Wanita Warga Emas dalam Dunia yang Berubah"



Mesyuarat dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)



Sesi keterlibatan bersama pelabur




Mesyuarat Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia (ASMMA) di Tokyo, Jepun

PENYATA KEWANGAN

- 88 Laporan Pengarah
- 95 Penyata Lembaga Pengarah
- 95 Akuan Berkanun
- 96 Laporan Penasihat Syariah Bebas
- 98 Laporan Juruaudit Bebas
- 101 Penyata Kedudukan Kewangan
- 103 Penyata Pendapatan
- 104 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 105 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 107 Penyata Aliran Tunai
- 109 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

PENDEDAHAN TUNGGAK 3

- 232 Tinjauan
- 232 Skop Aplikasi
- 233 Pengurusan Modal
- 235 Pengurusan Risiko
- 238 Risiko Kredit
- 251 Risiko Pasaran dan Kecairan
- 252 Risiko Operasi
- 254 Pendedahan Tadbir Urus Syariah



LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ialah pegangan pelaburan.

Anak-anak syarikat Kumpulan ialah Cagamas Berhad (Cagamas), Cagamas Global P.L.C (CGP), Cagamas Global Sukuk Berhad (CGS), Cagamas MBS Berhad (CMBS), Cagamas SRP Berhad (CSR), Cagamas MGP Berhad (CMGP) dan Cagamas SME Berhad (CSME).

Kegiatan utama Cagamas merangkumi pembelian pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi serta aset sewa beli dan pemajakan daripada pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Cagamas serta penerbitan bon dan nota untuk membiayai pembelian ini. Cagamas turut membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibiayai menerusi terbitan Sukuk. Anak-anak syarikat Cagamas ialah CGP dan CGS:

- CGP ialah sebuah syarikat penubuhan dana konvensional yang ditubuhkan di Labuan. Kegiatan utama CGP adalah mengusahakan penerbitan bon dan nota dalam mata wang asing.
- CGS ialah sebuah syarikat penubuhan dana Islam. Kegiatan utama CGS adalah mengusahakan penerbitan Sukuk dalam mata wang asing.

Kegiatan utama CMBS terdiri daripada pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) serta penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman (*residential mortgage-backed securities*, RMBS) dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam (*Islamic residential mortgage-backed securities*, IRMBS) bagi membiayai pembelian tersebut.

Kegiatan utama CSR terdiri daripada penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta bentuk perlindungan kredit lain yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku (*My First Home Scheme*, SRP) dan Skim Perumahan Belia (*Youth Housing Scheme*, SPB) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia (*Government of Malaysia*, GOM).

Kegiatan utama CMGP terdiri daripada penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta bentuk perlindungan kredit lain. CMGP kekal tidak aktif sejak 1 Januari 2014.

Kegiatan utama CSME terdiri daripada pembelian pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana (*Small and Medium Enterprise*, SME) dan/atau pelaksanaan urus niaga produk berstruktur secara tunai atau penssekuritan sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut. CSME kekal tidak aktif sejak 10 Oktober 2012.

Tiada perubahan ketara lain pada bentuk kegiatan aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	330,110	30,032

LAPORAN PENGARAH (sambungan)

DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Kumpulan dan Syarikat sejak 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023,		
Pada syer biasa:		
– Dividen pertama sebanyak 15 sen sesyer ke atas 150,000,000 syer, dibayar pada 9 Mei 2023	22,500	22,500
– Dividen kedua sebanyak 5 sen sesyer ke atas 150,000,000 syer, dibayar pada 18 September 2023	7,500	7,500
	30,000	30,000

Para Pengarah mengesyorkan pembayaran dividen pertama sebanyak 15 sen sesyer ke atas 150,000,000 syer biasa berjumlah RM22,500,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, yang tertakluk pada kelulusan ahli semasa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mencerminkan dividen ini dan akan diambil kira dalam ekuiti sebagai peruntukan keuntungan tertahan pada tahun kewangan akan datang yang berakhir pada 31 Disember 2024.

MODAL SYER

Tiada perubahan lain dalam syer biasa milik Syarikat yang telah diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

LAPORAN PENGARAH (sambungan)

PROFIL PENARAFAN BON DAN SUKUK

RAM Rating Services Berhad (RAM) telah memberikan penarafan kredit korporat AAA/Stabil/P1 kepada anak syarikat Kumpulan, Cagamas. Selain itu, RAM juga telah memberikan penarafan AAA/Stabil kepada RMBS dan IRMBS yang dikeluarkan oleh CMBS.

Sementara itu, Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) telah memberikan penarafan terbitan bon dan Sukuk Cagamas masing-masing di AAA/AAA_{is} dan MARC-1/MARC-1_{is}. MARC juga telah memberikan penarafan AAA/Stabil kepada RMBS dan AAA_{is}/Stabil kepada IRMBS yang dikeluarkan oleh CMBS.

Moody's Investors Service (Moody's) telah memberikan penarafan A3 kepada penerbit mata wang jangka panjang tempatan dan asing yang selaras dengan penarafan berdaulat Malaysia.

Memandangkan RAM tidak lagi menyediakan liputan awam mengenai penarafan terbitan global/ASEAN, RAM telah menarik balik penarafan gA2(s)/Stabil bagi Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang (EMTN) bernilai USD2.5 bilion dan Program Penerbitan Sukuk Pelbagai Mata Wang (EMTN Islam) bernilai USD2.5 bilion yang diterbitkan oleh Cagamas Global P.L.C. dan Cagamas Global Sukuk Berhad, masing-masing yang kali terakhir dinilai pada 12 Disember 2022. Walau bagaimanapun, Moody's telah mengekalkan penarafan A3 kepada EMTN dan EMTN Islam yang dikeluarkan oleh kedua-dua anak syarikat Cagamas.

URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga pihak berkaitan Syarikat dinyatakan dalam Nota 41 kepada penyata kewangan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan sepanjang tempoh daripada akhir tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini ialah:

Dato' Bakarudin Ishak (Pengerusi)
Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek
Dato' Lee Kok Kwan
Wan Hanisah Wan Ibrahim
Tan Sri Dr. Nik Norzrul Thani N. Hassan Thani
Datuk Siti Zaayah Md Desa
Chong Kin Leong
Dato' Khairussaleh Ramli

Selaras dengan Artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat, Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek, Dato' Lee Kok Kwan dan Wan Hanisah Wan Ibrahim akan bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh sebab layak, telah menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Para Pengarah anak syarikat milik Kumpulan yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan sepanjang tempoh dari akhir tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini ialah:

Dato' Wee Yaw Hin
Ho Chai Huey
Tan Sri Tajuddin Atan
Dato' Albert Yeoh Beow Tit
Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid
Abdul Rahman Hussein
Sophia Ch'ng Sok Heang
Abdul Hakim Amir Zainol
Kameel Abdul Halim
Tan Yong Nien
Datuk Chung Chee Leong

(Dilantik berkuatkuasa dari 11.09.2023)

(Dilantik berkuatkuasa dari 30.08.2023 dan meletak jawatan berkuatkuasa dari 12.09.2023)

(Meletak jawatan berkuatkuasa dari 31.08.2023)

LAPORAN PENGARAH (sambungan)

MANFAAT DAN GANJARAN PENGARAH

Sejak akhir tempoh kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima manfaat dan ganjaran (selain ganjaran Pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 36 kepada penyata kewangan) disebabkan kontrak yang dibuat oleh Kumpulan atau Syarikat atau badan korporat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma yang ahlinya ialah Pengarah tersebut, atau dengan syarikat yang Pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, Kumpulan dan Syarikat juga tidak terlibat dalam apa-apa pengaturan yang bertujuan untuk membolehkan para Pengarah Kumpulan atau Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan syer atau debentur milik Kumpulan dan Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

Jumlah ganjaran yang diterima oleh para Pengarah Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<u>Para Pengarah Syarikat</u>		
Yuran Pengarah	590	590
Ganjaran lain Pengarah	192	192
<u>Para Pengarah anak syarikat</u>		
Yuran Pengarah	625	–
Ganjaran lain Pengarah	2,264	–
Insurans berkaitan untuk menanggung rugi Pengarah	–*	–*
	3,671	782

* Para Pengarah dan Pegawai Kumpulan dan Syarikat dilindungi di bawah Insurans Liabiliti Pengarah dan Kakitangan berhubung dengan liabiliti-liabiliti yang timbul daripada tindakan yang diambil oleh mereka, antara lainnya, dalam kapasiti mereka sebagai Para Pengarah dan Pegawai Kumpulan dan Syarikat, tertakluk kepada terma dasar. Jumlah Insurans Liabiliti Pengarah dan Kakitangan bagi Para Pengarah dan Pegawai Kumpulan adalah sebanyak RM30.0 juta.

Jumlah yang dibayar atau diterima oleh mana-mana pihak ketiga untuk perkhidmatan yang disediakan oleh para Pengarah Syarikat dan anak syarikatnya untuk tahun ini ialah RM80,500.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SYER DAN DEBENTUR

Berdasarkan Daftar Pemegangan Syer Pengarah yang perlu disimpan di bawah Seksyen 59 Akta Syarikat 2016, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak memegang apa-apa kepentingan ke atas syer atau pilihan ke atas syer dalam Syarikat atau mana-mana anak syarikat milik Kumpulan sepanjang tahun kewangan.

INDEMNITI PENGARAH

Syarikat, Cagamas Holdings Berhad mengekalkan Insurans Liabiliti Pengarah dan Pegawai untuk tujuan Seksyen 289 Akta Syarikat 2016, sepanjang tahun, yang menyediakan perlindungan insurans yang sesuai untuk pengarah dan pegawai Syarikat dan anak syarikatnya. Jumlah premium insurans yang berkuatkuasa bagi mana-mana pengarah dan pegawai Syarikat dan anak-anak syarikatnya pada tahun kewangan adalah RM185,510 (2022: RM185,510). Para pengarah dan pegawai tidak boleh dibayar ganti rugi oleh insurans tersebut atas kecuaiannya yang disengajakan, penipuan, pelanggaran undang-undang yang disengajakan atau pecah amanah yang terbukti terhadap mereka.

LAPORAN PENGARAH *(sambungan)*

MAKLUMAT BERKANUN TENTANG PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan secukupnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan apa-apa aset semasa, selain hutang, yang tidak berkemungkinan untuk direalisasikan dalam urusan biasa perniagaan, termasuk nilai aset semasa sepertimana yang dipaparkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilai kepada nilai aset semasa yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati apa-apa keadaan:

- (a) yang mungkin mengakibatkan jumlah hutang lapuk yang akan dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga ke apa-apa tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) yang telah timbul hingga mengakibatkan pematuhan terhadap kaedah sedia ada bagi penilaian aset dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) apa-apa cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
- (b) apa-apa liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan selain yang dinyatakan dalam Nota 42.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi kewajipannya apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati apa-apa keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan atau ketidaksesuaian terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) hasil operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh apa-apa item, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa; dan
- (b) tidak timbul apa-apa item, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan laporan ini disediakan.

LAPORAN PENGARAH (sambungan)

ULASAN PERNIAGAAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2023

Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan telah mencapai keuntungan berjumlah RM330.1 juta berbanding dengan RM335.4 juta pada tahun 2022. Cagamas kekal sebagai anak syarikat operasi utama yang telah menyumbang 67% daripada jumlah keuntungan Kumpulan bagi tahun kewangan ini. Nisbah jumlah modal (*Total Capital Ratio*, TCR) Kumpulan ialah 47.4% (2022: 51.0%).

Cagamas telah merekodkan pembelian pinjaman dan pembiayaan di bawah skim PWR sebanyak RM20.5 bilion (2022: RM19.3 bilion). Pinjaman dan pembiayaan Cagamas yang belum lunas bersih meningkat sebanyak 19.9% kepada RM48.3 bilion (2022: RM40.3 bilion). Pada akhir tahun 2023, gadai janji kediaman menguasai portfolio Cagamas sebanyak 93.6% (2022: 93.0%), pinjaman peribadi sebanyak 4.6% (2022: 5.9%) dan pinjaman serta pembiayaan sewa beli sebanyak 1.8% (2022: 1.1%). Nisbah portfolio aset Islam berbanding dengan aset konvensional Cagamas ialah 52:48 (2022: 49:51), manakala portfolio pinjaman dan pembiayaan PWR dan PWOR masing-masing ialah 84.7% dan 15.3% (2022: masing-masing 79.5% dan 20.5%). Rosotnilai kasar ke atas pinjaman dan pembiayaan* di bawah skim PWOR ialah 0.33% (2022: 0.45%), manakala rosotnilai bersih ialah 0.02% (2022: 0.06%).

CMBS telah mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM119.2 juta, berbanding dengan RM119.1 juta pada tahun 2022. Tiada penebusan RMBS/IRMBS sepanjang tahun dan baki RMBS/IRMBS bernilai RM660.0 juta dijangka akan matang secara berperingkat dan ditebus sepenuhnya sebelum Ogos 2027.

CSRP telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM25.0 juta berbanding dengan RM26.8 juta pada tahun 2022. Walaupun terdapat sedikit penurunan dalam keuntungan terutamanya disebabkan oleh peruntukan rosotnilai, CSRP mengekalkan pendapatan yuran yang terpuji daripada perniagaan jaminan gadai janji SRP dan SPB. Sejak pelancaran SRP dan SPB masing-masing pada 2011 dan 2015 sehingga 31 Disember 2023, CSRP telah menyediakan jaminan untuk pinjaman/pembiayaan perumahan berjumlah RM25.7 bilion yang membolehkan 110,339 individu/isi rumah memiliki rumah pertama mereka, di mana 83% adalah daripada segmen B40. Pada 31 Disember 2022, jumlah pendedahan jaminan yang diberikan oleh CSRP kepada skim SRP dan SPB ialah RM1.5 bilion berbanding dengan RM1.1 bilion pada tahun 2022. Jumlah nilai pinjaman/pembiayaan baharu yang diluluskan bagi SRP pada 2023 ialah RM2.9 bilion yang memberi manfaat kepada 10,922 individu/isi rumah. Berkuatkuasa 1 April 2023, SRP telah dihentikan, selaras dengan pengumuman kerajaan. Selaras dengan visi dan inisiatif kerajaan dalam pemilikan rumah, CSRP bakal melancarkan program jaminan gadai janji rumah pertama yang baharu pada tahun 2024. Program ini bertujuan untuk membantu institusi kewangan dalam menguruskan risiko dan modal dengan berkesan apabila memperluaskan pinjaman/pembiayaan gadai janji kepada pembeli rumah kali pertama di Malaysia.

* Dikira sebagai peringkat 3 ke atas jumlah nilai bawaan kasar sebelum diskaun tidak bertambah dan peruntukan bagi kerugian rosotnilai.

ANAK SYARIKAT

Butiran anak syarikat milik Kumpulan dinyatakan dalam Nota 17 kepada penyata kewangan.

GANTI RUGI JURUAUDIT

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Syarikat telah bersetuju untuk menanggung rugi juruauditnya, Ernst & Young PLT, sebagai sebahagian daripada syarat penglibatan auditnya terhadap tuntutan oleh pihak ketiga yang timbul daripada audit (untuk jumlah yang tidak ditentukan). Tiada bayaran telah dibuat untuk menanggung rugi Ernst & Young PLT semasa atau sejak tahun kewangan.

LAPORAN PENGARAH (sambungan)

GANJARAN JURUAUDIT

Ganjaran juruaudit Kumpulan dan Syarikat masing-masing ialah RM547,000 dan RM42,000. Butiran ganjaran juruaudit adalah seperti berikut.

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Ganjaran Juruaudit	491	33
Bukan ganjaran Juruaudit	56	9

JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young PLT, telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus memegang jawatan.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 20 Mac 2024.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' BAKARUDIN ISHAK
Pengerusi



DATO' LEE KOK KWAN
Pengarah

PENYATA LEMBAGA PENGARAH MENURUT SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, Dato' Bakarudin Ishak dan Dato' Lee Kok Kwan, sebagai dua daripada Pengarah Cagamas Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari halaman 101 hingga 231 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2023 serta keputusan kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah.



DATO' BAKARUDIN ISHAK
Pengerusi



DATO' LEE KOK KWAN
Pengarah

AKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 251(1) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, Kameel Abdul Halim, Pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Cagamas Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari halaman 101 hingga 231, pada pendapat saya, adalah betul dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.



KAMEEL ABDUL HALIM

Diperbuat dan diakui oleh Kameel Abdul Halim, penama yang tersebut di atas, di Kuala Lumpur di Malaysia pada 20 Mac 2024.



Di hadapan saya,
PESURUHJAYA SUMPAH



NO. A-31-11, LEVEL 31,
TOWER A, MENARA UOA BANGSAR,
NO. 5, JALAN BANGSAR UTAMA 1,
BANGSAR, 59000 KUALA LUMPUR

LAPORAN PENASIHAT SYARIAH BEBAS

Dengan nama Allah, Yang Maha Pengasih, Yang Maha Penyayang.

Segala puji adalah kepada Allah, Tuhan sekalian alam, dan selawat dan salam ke atas Rasul Allah (Muhammad SAW), kepada keluarganya dan semua sahabatnya.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Kepada para pemegang syer Cagamas Holdings Berhad:

Amanie Advisors Sdn Bhd (Amanie) telah bertindak sebagai Penasihat Syariah Bebas untuk Cagamas Berhad (Cagamas) berkaitan dengan semua perkara Syariah dalam ruang lingkup penasihat Syariah am dan penasihat Syariah dalam pembangunan produk Islamik baharu yang berkaitan dengan penawaran perniagaan Islam Cagamas Holdings Berhad dan anak-anak syarikat lain ("Kumpulan").

Kami, Penasihat Syariah Bebas untuk Cagamas, dengan ini mengesahkan bahawa kami telah mengkaji, membincangkan dan mengesahkan perkara-perkara Syariah berkaitan dengan perniagaan Islam Kumpulan dan produk kewangan Islam yang ditawarkan dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 (Penawaran Perniagaan Islam).

Kami telah memberikan nasihat dan perundingan Syariah yang sesuai untuk Cagamas mengenai pelbagai aspek Penawaran Perniagaan Islam untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip-prinsip Syariah serta ketetapan dan keputusan yang bersesuaian yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membincangkan dan membentuk pendapat bebas dan mengemukakan nasihat Syariah kepada Cagamas.

Di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kami, kami telah mendapat segala maklumat dan penjelasan daripada Cagamas yang kami anggap perlu untuk menyediakan kami dengan bukti yang cukup untuk memberi keyakinan yang munasabah bahawa Penawaran Perniagaan Islam tersebut telah mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah.

Pengurusan Cagamas bertanggungjawab untuk memastikan bahawa operasi Penawaran Perniagaan Islamnya mengikut peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah.

Untuk tahun kewangan Kumpulan berakhir pada 31 Disember 2023, kami telah dirujuk dan telah memberi nasihat serta mengesahkan aspek-aspek berikut di dalam Penawaran Perniagaan Islam:

1. Produk Kewangan Islam Kumpulan termasuk penambahbaikan produk kewangan Islam sedia ada, penilaian awal produk baharu, dokumen undang-undang, struktur, pemasaran produk kewangan Islam, aktiviti dan perkhidmatan;
2. Kontrak, transaksi dan urus niaga yang dilaksanakan oleh Kumpulan berkaitan dengan Penawaran Perniagaan Islam sepanjang tahun tersebut; dan
3. Sumber pendanaan dan pelaburan berkaitan Penawaran Perniagaan Islam.


LAPORAN PENASIHAT SYARIAH BEBAS (sambungan)

Cagamas telah menjalankan audit Syariah terhadap perniagaan dan operasi Islam Kumpulan dan laporan telah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat Syariah. Kami mengambil maklum bahawa berdasarkan laporan audit Syariah, tidak ada peristiwa tentang Ketidak Patuhan Syariah untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan terbaik kami, kami telah memperolehi bukti yang cukup dan bersesuaian untuk membentuk pendapat patuh Syariah bahawa kesemua nasihat Syariah yang diberikan oleh kami telah dipatuhi sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Kami memohon kepada Allah Yang Maha Kuasa untuk mengurniakan kepada kita semua Kejayaan dan Panduan dan Allah Maha Mengetahui.

Untuk **Amanie Advisors Sdn Bhd,**



TAN SRI DR MOHD DAUD BAKAR
Pengerusi Eksekutif

20 Mac 2024

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA LEMBAGA PENGARAH CAGAMAS HOLDINGS BERHAD

(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA) (NOMBOR PENDAFTARAN 200701004048 (762047-P))

LAPORAN AUDIT PENYATA KEWANGAN

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Cagamas Holdings Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2023 secara Kumpulan dan Syarikat iaitu terdiri daripada penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana dan penyata aliran tunai bagi tempoh kewangan secara Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan polisi perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 101 hingga 231.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disediakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2023, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Asas bagi pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami berdasarkan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian "*Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan*" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada Kumpulan dan Syarikat selaras dengan Undang-Undang Kecil (Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab yang lain selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para Lembaga Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain terdiri daripada maklumat yang terkandung dalam Laporan Pengarah, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat serta laporan juruaudit yang dilampirkan.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan berkenaan.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau maklumat dalam pengetahuan kami dalam audit ini atau sebaliknya kelihatan salah nyata yang ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan ke atas maklumat lain, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam maklumat lain ini, kami wajib melaporkan fakta tersebut. Sehubungan itu, selain daripada fakta-fakta yang dinyatakan dalam asas kepada pendapat bertentangan, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (sambungan)
KEPADA LEMBAGA PENGARAH CAGAMAS HOLDINGS BERHAD
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA) (NOMBOR PENDAFTARAN 200701004048 (762047-P))

Tanggungjawab Lembaga Pengarah ke atas penyata kewangan

Para Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan agar memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS). Pengarah juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman tertentu memandangkan penentuan Pengarah adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dapat dilakukan secara bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, Pengarah bertanggungjawab untuk mentaksir keupayaan Syarikat sebagai usaha berterusan, mendedahkan, hal-hal berkenaan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan ini kecuali jika Pengarah bercadang untuk membubarkan Syarikat atau memberhentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan dan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengarah menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah ialah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan menurut Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku disebabkan penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara berasingan atau secara terkumpul, dapat dijangka mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit ini selaras dengan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa, kami menggunakan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitannya yang dibuat oleh Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan Pengarah ke atas bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan besar ke atas keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk terus menjadi usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk menumpu perhatian dalam laporan juruaudit kami di bahagian pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan dan Syarikat berhenti beroperasi secara usaha berterusan.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS *(sambungan)*
KEPADA LEMBAGA PENGARAH CAGAMAS HOLDINGS BERHAD
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA) (NOMBOR PENDAFTARAN 200701004048 (762047-P))

Sebagai sebahagian daripada audit ini selaras dengan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa, kami menggunakan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga (samb.):

- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mewakili transaksi dan peristiwa tersirat dapat mencapai pandangan sebagai satu pembentangan yang benar.
- Memperoleh bukti yang kukuh bagi maklumat kewangan Syarikat atau urus niaga Syarikat di dalam Kumpulan bagi memberikan pedapat kami. Kami bertanggungjawab ke atas Haluan, arahan dan prestasi Kumpulan yang diaudit. Kami bertanggungjawab ke atas pedapat yang diberikan.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga pengarah mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang besar dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa pengauditan kami.

Perkara lain

.....

Laporan ini disediakan khas untuk Lembaga Pengarah sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



Ernst & Young PLT
202006000003(LLP0022760-LCA) & AF0039
Akauntan-akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
20 Mac 2024



Muhammad Syarizal Bin Abdul Rahim
No. 03157/01/2025 J
Akauntan Bertauliah

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	5	263,763	374,685	1,020	2,402
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	6	782,233	366,205	1,414	–
Aset kewangan yang dinilai pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (<i>Fair value through other comprehensive income</i> , FVOCI)	7	4,783,844	5,452,903	–	–
Aset kewangan pada kos terlunas	8	2,286,680	1,817,754	–	–
Instrumen kewangan derivatif	9	207,659	102,583	–	–
Jumlah terutang daripada rakan niaga	10	19,987,790	17,097,746	–	–
Aset pembiayaan Islam	11	21,426,861	15,482,284	–	–
Aset gadai janji					
– Konvensional	12	3,585,481	4,167,687	–	–
– Islam	13	4,387,006	4,884,396	–	–
Aset sewa beli					
– Islam	14	55	50	–	–
Aset saraan bercagar		2,147	552	–	–
Aset lain	15	19,901	32,677	–	–
Cukai boleh diperolehi semula		6	51,508	6	7
Cukai tertunda	16	82,786	90,300	–	–
Pelaburan dalam anak syarikat	17	–	–	4,281,628	4,281,628
Pelaburan dalam entiti berstruktur	18	–*	–*	–*	–*
Harta dan kelengkapan	19	1,947	1,459	–	–
Aset tak ketara	20	16,804	18,586	–	–
Aset dengan hak penggunaan	21	7,176	9,384	–	–
JUMLAH ASET		57,842,139	49,950,759	4,284,068	4,284,037
LIABILITI					
Pinjaman jangka pendek		648,790	812,339	–	–
Instrumen kewangan derivatif	9	15,161	6,619	–	–
Liabiliti lain	22	207,358	229,176	10	13
Liabiliti pajakan	23	9,308	11,384	–	–
Peruntukan cukai		18,656	12,656	–	–
Cukai tertunda	16	666,760	689,025	2	–
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	24	24,954,908	20,414,672	–	–
Sukuk	25	23,278,139	20,135,060	–	–
RMBS	26	371,444	371,444	–	–
IRMBS	27	291,138	291,138	–	–
Pendapatan yuran jaminan tertunda		35,785	30,033	–	–
Pendapatan yuran Wakalah tertunda		196,003	159,707	–	–
JUMLAH LIABILITI		50,693,450	43,163,253	12	13

* Mewakili RM2

Nota-nota yang mengiringi merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan)
PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Modal syer	28	150,000	150,000	150,000	150,000
Rizab**	29	6,998,689	6,637,506	4,134,056	4,134,024
DANA PEMEGANG SYER		7,148,689	6,787,506	4,284,056	4,284,024
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER		57,842,139	49,950,759	4,284,068	4,284,037
ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)	30	47.55	45.13	28.56	28.56

** Termasuk dalam rizab Kumpulan RM2,169,271,000 (2022: RM2,085,003,000) yang berkaitan dengan keuntungan tertahan CMBS yang mungkin tertakluk pada yuran bonus budi bicara kepada LPPSA selepas penyelesaian penuh setiap kumpulan RMBS/IRMBS melalui pembayaran dividen ke atas RPS yang akan dipegang oleh CSRSP secara amanah.

Nota-nota yang mengiringi merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Pendapatan faedah	31	1,191,578	1,005,956	86	57
Perbelanjaan faedah	32	(966,876)	(675,327)	-	-
Pendapatan daripada operasi Islam	52	256,194	187,214	-	-
Pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah	33	42,353	(9,797)	30,000	30,000
		523,249	508,046	30,086	30,057
Pentadbiran dan perbelanjaan am		(28,077)	(30,257)	(41)	(47)
Kos kakitangan	34	(30,760)	(28,248)	-	-
KEUNTUNGAN OPERASI		464,412	449,541	30,045	30,010
Peruntukan bagi kerugian rosotnilai	35	(16,598)	(3,290)	-	-
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	37	447,814	446,251	30,045	30,010
Cukai	38	(114,600)	(107,598)	(13)	(12)
Zakat		(3,104)	(3,275)	-	-
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN*		330,110	335,378	30,032	29,998
PENDAPATAN SESYER (SEN)	30	220.07	223.59	20.02	20.00
DIVIDEN SESYER (SEN)	39	20.00	20.00	20.00	20.00

* Keuntungan bagi tahun kewangan Kumpulan termasuk keuntungan daripada CMBS sebanyak RM84,647,000 (2022: RM90,894,000) yang mungkin tertakluk pada yuran bonus budi bicara kepada LPPSA selepas penyelesaian penuh setiap kumpulan RMBS/IRMBS melalui pembayaran dividen ke atas RPS yang akan dipegang oleh CSRP secara amanah.

Nota-nota yang mengiringi merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan		Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	330,110	335,378	30,032	29,998
Pendapatan komprehensif lain:				
Item yang kemudiannya mungkin dikelaskan semula kepada penyata pendapatan				
Aset kewangan pada FVOCI				
– Kerugian bersih daripada perubahan nilai saksama	63,401	(73,765)	–	–
– Penghitungan semula kerugian rosotnilai	39	39	–	–
– Cukai tertunda	(15,217)	17,703	–	–
Lindung nilai aliran tunai				
– Kerugian bersih/(rug) atas lindung nilai aliran tunai	17,406	(8,939)	–	–
– Cukai tertunda	(4,177)	2,145	–	–
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan, bersih/(rug) selepas cukai	61,452	(62,817)	–	–
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	391,562	272,561	30,032	29,998

Nota-nota yang mengiringi merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kumpulan	Nota	Tidak boleh agih				Boleh agih			
		Modal syer RM'000	Rizab aset kewangan pada FVOCI RM'000	Rizab lindung nilai aliran tunai RM'000	Rizab berkanun RM'000	Rizab lain* RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Rizab lain* RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Baki pada 1 Januari 2023		150,000	(48,411)	(2,382)	79,440	2,085,003	4,523,856	2,085,003	6,787,506
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	330,010	-	330,110
Pendapatan komprehensif lain		-	48,223	13,229	-	-	-	-	61,451
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	48,223	13,229	-	-	330,110	-	391,562
Pindaan kepada rizab lain		-	-	-	-	84,647	(84,647)	-	-
Pindahan kepada keuntungan tertahan		-	-	-	(31,521)	-	31,521	-	-
Dividen dibayar	39	-	-	-	-	-	(30,000)	-	(30,000)
Dividen budi bicara bagi RPS yang dibayar sepanjang tahun	39	-	-	-	-	(379)	-	-	379
Baki pada 31 Disember 2023	28 & 29	150,000	(188)	10,847	47,919	2,169,271	4,770,840	2,169,271	7,148,689
Baki pada 1 Januari 2022		150,000	7,612	4,412	89,723	1,994,109	4,299,089	1,994,109	6,544,945
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	335,378	-	335,378
Kerugian komprehensif lain		-	(56,023)	(6,794)	-	-	-	-	(62,817)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	(56,023)	(6,794)	-	-	335,378	-	272,561
Pindaan kepada rizab lain		-	-	-	-	90,894	(90,894)	-	-
Pindahan kepada keuntungan tertahan		-	-	-	(10,283)	-	10,283	-	-
Dividen dibayar	39	-	-	-	-	-	30,000	-	(30,000)
Baki pada 31 Disember 2022	28 & 29	150,000	(48,411)	(2,382)	79,440	2,085,003	4,523,856	2,085,003	6,787,506

* Rizab lain berkait dengan keuntungan tertahan CMBS yang mungkin tertakluk pada yuran bonus budi bicara kepada LPPSA selepas penyelesaian penuh setiap kumpulan RMBS/IFMBS melalui pembayaran dividen ke atas RPS yang akan dipegang oleh CSRP secara amanah.

Nota-nota yang mengingni merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI *(sambungan)*
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Syarikat	Nota	Syer biasa yang diterbitkan bernilai RM1 setiap satu	Tidak boleh agih	Boleh agih	Jumlah ekuiti RM'000
		Modal syer RM'000	Rizab pelepasan premium syer RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
Baki pada 1 Januari 2023		150,000	3,831,628	302,396	4,284,024
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	30,032	30,032
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	30,032	30,032
Dividen dibayar	39	-	-	(30,000)	(30,000)
Baki pada 31 Disember 2023	28 & 29	150,000	3,831,628	302,428	4,284,056
Baki pada 1 Januari 2022		150,000	3,831,628	302,398	4,284,026
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	29,998	29,998
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	29,998	29,998
Dividen dibayar	39	-	-	(30,000)	(30,000)
Baki pada 31 Disember 2022	29 & 29	150,000	3,831,628	302,396	4,284,024

Nota-nota yang mengiringi merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
KEGIATAN OPERASI				
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	447,814	446,251	30,045	30,010
Pelarasan untuk item bukan tunai	(462,669)	(476,315)	(86)	(57)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja	(14,855)	(30,064)	29,959	29,953
Perubahan bersih dalam aset dan liabiliti operasi	(5,996,310)	(1,438,887)	(1,330)	2,451
Zakat dibayar	(5,809)	(5,367)	-	-
Cukai dibayar	(91,244)	(67,623)	(11)	(17)
Tunai bersih daripada kegiatan operasi	(6,108,218)	(1,541,941)	28,618	32,387
KEGIATAN PELABURAN				
Pembelian:				
– Aset kewangan pada FVOCI	(2,882,021)	(3,993,450)	-	-
– Aset kewangan pada kos terlunas	(464,959)	(1,450,611)	-	-
– Harta dan kelengkapan	(1,215)	(628)	-	-
– Aset tak ketara	(2,371)	(4,196)	-	-
Hasil bersih daripada jualan/penebusan:				
– Aset kewangan pada FVOCI	3,622,243	3,173,805	-	-
– Aset kewangan pada FVTPL	-	128,097	-	-
Pendapatan diterima daripada:				
– Aset kewangan pada FVOCI	137,368	127,679	-	-
– Aset kewangan pada FVTPL	-	221	-	-
Hasil bersih daripada jualan harta dan kelengkapan	151	-	-	-
Tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	409,196	(2,019,083)	-	-

Nota-nota yang mengiringi merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
KEGIATAN PEMBIAYAAN				
Hasil daripada penerbitan:				
– Bon dan nota pembawa tidak bercagar	15,223,801	12,269,498	–	–
– Sukuk	12,505,000	10,090,000	–	–
Penebusan:				
– Bon dan nota pembawa tidak bercagar	(11,013,121)	(12,010,150)	–	–
– Sukuk	(9,395,000)	(5,075,000)	–	–
– RMBS	–	(250,000)	–	–
– IRMBS	–	(320,000)	–	–
Faedah yang dibayar ke atas:				
– Bon dan nota pembawa tidak bercagar	(865,711)	(603,234)	–	–
– RMBS	(21,022)	(30,142)	–	–
Keuntungan yang dibayar ke atas:				
– Sukuk	(800,490)	(590,335)	–	–
– IRMBS	(12,586)	(19,130)	–	–
Dividen yang dibayar kepada:				
– Pemegang syer	(30,000)	(30,000)	(30,000)	(30,000)
– Pemegang RPS	(379)	–	–	–
Sewa pajakan yang dibayar	(2,392)	(2,733)	–	–
Penebusan RPS*	(–)	–	–	–
Tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan	5,588,100	3,428,774	(30,000)	(30,000)
Perubahan bersih dalam tunai dan dana jangka pendek	(110,922)	(132,250)	(1,382)	2,387
Tunai dan dana jangka pendek pada 1 Januari	374,685	506,935	2,402	15
Tunai dan dana jangka pendek pada 31 Disember	263,763	374,685	1,020	2,402

* mewakili RM1

Nota-nota yang mengiringi merupakan bahagian penting daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat ialah pegangan pelaburan.

Anak-anak syarikat Kumpulan ialah Cagamas Berhad (Cagamas), Cagamas Global P.L.C (CGP), Cagamas Global Sukuk Berhad (CGS), Cagamas MBS Berhad (CMBS), Cagamas SRP Berhad (CSR), Cagamas MGP Berhad (CMGP) dan Cagamas SME Berhad (CSME).

Kegiatan utama Cagamas merangkumi pembelian pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi serta aset sewa beli dan pemajakan daripada pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Cagamas serta penerbitan bon dan nota untuk membiayai pembelian ini. Cagamas turut membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibiayai menerusi terbitan Sukuk. Anak-anak syarikat Cagamas ialah CGP dan CGS:

- CGP ialah sebuah syarikat penubuhan dana konvensional yang ditubuhkan di Labuan. Kegiatan utama CGP adalah mengusahakan penerbitan bon dan nota dalam mata wang asing.
- CGS ialah sebuah syarikat penubuhan dana Islam. Kegiatan utama CGS adalah mengusahakan penerbitan Sukuk dalam mata wang asing.

Kegiatan utama CMBS merangkumi pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) serta penerbitan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman (*Residential mortgage-backed securities*, RMBS) dan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam (*Islamic residential mortgage-backed securities*, IRMBS) bagi membiayai pembelian tersebut.

Kegiatan utama CSR terdiri daripada penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta bentuk perlindungan kredit lain yang berkaitan dengan Skim Rumah Pertamaku (*My First Home Scheme*, SRP) dan Skim Perumahan Belia (*Youth Housing Scheme*, SPB) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia (*Government of Malaysia*, GOM).

Kegiatan utama CMGP ialah penyediaan jaminan gadai janji dan perniagaan indemniti gadai janji serta bentuk perlindungan kredit lain. CMGP kekal tidak aktif sejak 1 Januari 2014.

Kegiatan utama CSME ialah pembelian pinjaman Perniagaan Kecil dan Sederhana (*Small and Medium Enterprise*, SME) dan/atau pelaksanaan urus niaga produk berstruktur secara tunai atau pensukuritan sintetik atau gabungan kedua-duanya dan penerbitan bon untuk membiayai pembelian tersebut. CSME kekal tidak aktif sejak 10 Oktober 2012.

Syarikat ini merupakan syarikat awam liabiliti terhad yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan ialah Tingkat 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur.

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA

Dasar perakaunan yang berikut telah digunakan secara konsisten semasa mengendalikan item yang dianggap ketara berhubung dengan penyata kewangan. Semua dasar ini telah digunakan secara konsisten pada tahun-tahun yang dibentangkan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards*, MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 2016 (*International Financial Reporting Standards*, IFRS) di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan ketara ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

Penyata kewangan menggabungkan kegiatan yang berkaitan operasi Islam Kumpulan.

Operasi Islam Kumpulan merujuk pada:

- (a) pembelian aset pembiayaan perumahan Islam, pembiayaan peribadi Islam, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam daripada pemberi pinjaman yang diluluskan;
- (b) kontrak jaminan kewangan Islam daripada SRP dan SPB;
- (c) terbitan Sukuk di bawah prinsip Syariah;
- (d) pengambilalihan, pelaburan dalam dan perdagangan instrumen kewangan Islam; dan
- (e) pengasalan pembiayaan saraan bercagar.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS dan IFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang memberi kesan kepada jumlah yang dilaporkan bagi aset dan liabiliti serta pendedahan tentang aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah yang dilaporkan untuk hasil serta perbelanjaan sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Para Pengarah juga perlu menggunakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik Para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bahagian yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau apabila andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

- (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa

Kumpulan telah mengguna pakai piawaian dan pindaan berikut untuk kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2023:

- Pindaan kepada MFRS 101 'Pembentangan Penyata Kewangan – Pendedahan Dasar Perakaunan' (*'Presentation of Financial Statements – Disclosure of Accounting Policies'*)
- Pindaan kepada MFRS 108 'Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan – Takrif Anggaran Perakaunan' (*'Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors – Definition of Accounting Estimates'*)
- Pindaan kepada MFRS 112 'Cukai Pendapatan – Cukai Tertunda yang berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Urus Niaga Tunggal' (*'Income Taxes – Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction'*)

Penerimaan pindaan lain yang disenaraikan di atas tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas jumlah yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu dan tidak dijangka memberi kesan ketara kepada tempoh semasa atau akan datang.

Pindaan kepada MFRS 101 'Pembentangan Penyata Kewangan – Pendedahan Dasar Perakaunan' (*'Presentation of Financial Statements – Disclosure of Accounting Policies'*)

Pindaan ini menghendaki Kumpulan mendedahkan dasar perakaunan ketara dan bukannya dasar perakaunan penting dalam penyata kewangan. Kumpulan diharapkan membuat pendedahan tentang dasar perakaunan yang khusus kepada Kumpulan dan bukan pendedahan umum tentang penggunaan MFRS.

Pindaan ini menerangkan bahawa dasar perakaunan adalah ketara jika, apabila dipertimbangkan bersama dengan maklumat lain yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan entiti, dasar itu boleh dijangka secara munasabah akan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan tersebut. Selain itu, maklumat dasar perakaunan dijangka ketara jika, tanpanya, pengguna penyata kewangan tidak dapat memahami maklumat ketara lain dalam penyata kewangan. Maklumat perakaunan yang tidak ketara tidak perlu didedahkan.

Pindaan ini tidak memberi kesan yang ketara ke atas penyediaan penyata kewangan Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

- (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa (sambungan)

Pindaan kepada MFRS 108 'Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan – Takrif Anggaran Perakaunan' ('Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors – Definition of Accounting Estimates')

Pindaan ini mentakrifkan semula anggaran perakaunan sebagai "jumlah monetari dalam penyata kewangan yang tertakluk pada ketaktentuan pengukuran" dan memberikan penjelasan tentang cara untuk membezakan antara perubahan dalam dasar perakaunan dengan perubahan dalam anggaran perakaunan.

Pindaan ini menjelaskan bahawa kesan perubahan dalam input atau teknik pengukuran yang digunakan untuk membuat anggaran perakaunan ialah perubahan dalam anggaran perakaunan jika perubahan itu tidak timbul daripada kesilapan tempoh terdahulu.

Pindaan ini akan diguna pakai secara prospektif dalam tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2023, penggunaan lebih awal dibenarkan. Pindaan ini tidak memberi kesan yang ketara ke atas penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Pindaan kepada MFRS 112 'Cukai Pendapatan – Cukai Tertunda yang berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Urus Niaga Tunggal' ('Income Taxes – Deferred Tax related to Assets and Liabilities arising from a Single Transaction')

Pindaan ini menjelaskan bahawa peraturan pengecualian awal daripada pengiktirafan cukai tertunda tidak terpakai untuk urus niaga apabila aset dan liabiliti diiktiraf pada masa yang sama dan menyebabkan jumlah yang sama bagi perbezaan sementara boleh cukai dan perbezaan sementara boleh kurang. Secara asasnya, hal ini bermakna bahawa penerima pajak tidak boleh mengguna pakai peraturan pengecualian awal dalam MFRS 112 bagi aset dan liabiliti yang timbul daripada pajakan. Pemakaian pindaan ini tidak menyebabkan apa-apa kesan ketara terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

- (b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi masih belum berkuatkuasa

Beberapa piawaian baharu dan pindaan kepada piawaian serta tafsiran telah berkuatkuasa bagi tahun kewangan yang bermula selepas 1 Januari 2023. Tiada satu pun dijangka akan memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah disatukan, kecuali bagi perkara yang dinyatakan di bawah:

- Pindaan kepada MFRS 7 'Penyata Aliran Tunai dan MFRS 107 Instrumen Kewangan: Pendedahan' ('Statement of Cash Flows and MFRS 107 Financial Instruments: Disclosures') (berkuatkuasa 1 Januari 2024) menentukan keperluan pendedahan untuk meningkatkan keperluan semasa, yang bertujuan untuk membantu pengguna penyata kewangan dalam memahami kesan pengaturan kewangan ke atas liabiliti entiti, aliran tunai dan pendedahan pembekal kepada risiko kecairan. Pindaan itu menjelaskan ciri-ciri pengaturan kewangan pembekal. Dalam pengaturan ini, satu atau lebih penyedia kewangan membayar jumlah entiti yang terhutang kepada pembekalnya. Entiti bersetuju untuk menyelesaikan jumlah tersebut dengan penyedia kewangan mengikut terma dan syarat pengaturan, sama ada pada tarikh yang sama atau pada tarikh yang lebih lewat daripada yang mana penyedia kewangan membayar pembekal entiti.

Pindaan ini memerlukan entiti untuk memberikan maklumat mengenai kesan pengaturan kewangan pembekal terhadap liabiliti dan aliran tunai, termasuk terma dan syarat pengaturan tersebut, maklumat kuantitatif mengenai liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan tersebut pada awal dan akhir tempoh pelaporan dan jenis dan kesan perubahan bukan tunai dalam jumlah bawaan pengaturan tersebut. Maklumat mengenai pengaturan tersebut diperlukan untuk diagregatkan melainkan pengaturan individu mempunyai terma dan syarat yang berbeza atau unik. Dalam konteks pendedahan risiko kecairan kuantitatif yang diperlukan oleh IFRS 7, pengaturan kewangan pembekal dimasukkan sebagai contoh faktor lain yang mungkin berkaitan untuk didedahkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi masih belum berkuatkuasa (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 16 'Liabiliti Pajak dalam Penjualan dan Pajak Balik' ('Lease Liability in a Sale and Leaseback') (berkuatkuasa 1 Januari 2024) menyatakan keperluan yang digunakan oleh penjual-pemajak dalam mengukur liabiliti pajak yang timbul dalam transaksi penjualan dan pajak balik, untuk memastikan penjual-pemajak tidak mengiktiraf apa-apa amaun keuntungan atau kerugian yang berkaitan dengan hak penggunaannya mengekalkan.

Pindaan itu tidak menetapkan keperluan pengukuran khusus untuk liabiliti pajak yang timbul daripada pajak balik. Pengukuran awal liabiliti pajak yang timbul daripada pajak balik boleh menyebabkan penjual-pemajak menentukan 'pembayaran pajak' yang berbeza daripada definisi umum pembayaran pajak di Lampiran A MFRS 16. Pemajak penjual perlu membangun dan menerapkan dasar perakaunan mengikut IAS 8 yang menghasilkan maklumat yang berkaitan dan boleh dipercayai.

- Pindaan kepada MFRS 101 'Pengelasan liabiliti-liabiliti sebagai semasa atau bukan semasa' ('Classification of liabilities as current or non-current') (berkuatkuasa 1 Januari 2024) menjelaskan bahawa liabiliti dikelaskan sebagai tidak semasa jika sesebuah entiti mempunyai hak substantif pada tarikh akhir tempoh pelaporan untuk menangguhkan penyelesaian bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh akhir tempoh pelaporan. Jika hak untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti tertakluk pada entiti tersebut mematuhi syarat-syarat tertentu (contohnya, perjanjian hutang), hak tersebut wujud pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pematuhan terhadap syarat yang dikehendaki pada, atau sebelum, tarikh pelaporan tersebut (walaupun jika diuji hanya selepas tempoh itu tamat). Syarat yang hanya perlu dipatuhi oleh entiti dalam tempoh 12 bulan selepas tempoh pelaporan tidak akan memberi kesan ke atas pengelasan liabiliti sebagai semasa atau tidak semasa pada tarikh pelaporan.

Penilaian sama ada entiti mempunyai hak untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti pada tarikh pelaporan tidak dipengaruhi oleh jangkaan entiti atau peristiwa selepas tarikh pelaporan. Pindaan tersebut akan digunakan secara retrospektif.

- Pindaan kepada MFRS 121 'Kekurangan Pertukaran' ('Lack of Exchangeability') menjelaskan bagaimana sebuah entiti harus menilai sama ada mata wang boleh ditukar dan bagaimana ia harus menentukan kadar pertukaran spot apabila pertukaran kurang.

Mata wang dianggap boleh ditukar kepada mata wang lain apabila entiti dapat memperoleh mata wang lain dalam jangka masa yang membolehkan kelewatan pentadbiran biasa dan melalui mekanisme pasaran atau pertukaran di mana transaksi pertukaran akan mewujudkan hak dan kewajiban yang boleh dikuatkuasakan.

Jika mata wang tidak boleh ditukar kepada mata wang lain, entiti diperlukan untuk menganggarkan kadar pertukaran spot pada tarikh pengukuran. Objektif entiti dalam menganggarkan kadar pertukaran spot adalah untuk mencerminkan kadar di mana transaksi pertukaran yang teratur akan berlaku pada tarikh pengukuran antara peserta pasaran di bawah keadaan ekonomi semasa. Pindaan itu menjelaskan bahawa entiti boleh menggunakan kadar pertukaran yang dapat dilihat tanpa pelarasan atau teknik anggaran lain.

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 'Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama' (Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture) di mana IASB memutuskan untuk menangguhkan tarikh kuat kuasa pindaan sehingga masa ia telah memuktamadkan apa-apa pindaan yang terhasil daripada projek penyelidikannya mengenai kaedah ekuiti. Permohonan awal pindaan masih dibenarkan.

Pindaan itu menangani konflik antara MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama dalam menangani kehilangan kawalan anak syarikat yang dijual atau menyumbang kepada syarikat bersekutu atau usaha sama.

Pindaan itu menjelaskan bahawa keuntungan atau kerugian penuh diiktiraf apabila pemindahan kepada syarikat bersekutu atau usaha sama melibatkan perniagaan seperti yang ditakrifkan dalam gabungan Perniagaan MFRS 3. Sebarang keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada penjualan atau sumbangan aset yang bukan merupakan perniagaan, bagaimanapun, diiktiraf hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam usaha sama atau bersekutu itu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.1 Asas penyediaan (sambungan)

(b) Piawaian dan pindaan yang telah diterbitkan tetapi masih belum berkuat kuasa (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 'Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama' (Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture) di mana IASB memutuskan untuk menangguhkan tarikh kuat kuasa pindaan sehingga masa ia telah memuktamadkan apa-apa pindaan yang terhasil daripada projek penyelidikannya mengenai kaedah ekuiti. Permohonan awal pindaan masih dibenarkan. (sambungan)

Pindaan ini bertujuan untuk menghapuskan kepelbagaian dalam amalan dan memberi persediaan satu set prinsip yang konsisten untuk memohon transaksi tersebut. Walau bagaimanapun, penggunaan definisi perniagaan adalah penghakiman dan entiti perlu mempertimbangkan definisi dengan teliti dengan transaksi tersebut.

2.2 Entiti ekonomi dalam Kumpulan

Anak-anak syarikat

Penyata kewangan Kumpulan menyatukan penyata kewangan Syarikat dan semua anak syarikatnya. Anak-anak syarikat ialah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) yang berada di bawah kawalan Kumpulan. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas, pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti berkenaan dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti.

Di bawah kaedah perakaunan pembelian, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Mereka akan dinyahkonsolidasikan dari tarikh kawalan itu terhenti.

Anak-anak syarikat disatukan menggunakan kaedah perakaunan pembelian kecuali bagi gabungan perniagaan tertentu yang diambil kira dengan menggunakan kaedah penggabungan seperti berikut:

- anak-anak syarikat yang disatukan sebelum 1 April 2002 selaras dengan Piawaian Perakaunan Malaysia 2 "Perakaunan bagi Pengambilalihan dan Penggabungan" (*Accounting for Acquisitions and Mergers*), prinsip perakaunan yang secara amnya diterima pakai pada waktu itu;
- penyatuan perniagaan yang disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi dengan tarikh perjanjian sebelum 1 Januari 2006 yang memenuhi syarat penggabungan seperti yang dinyatakan dalam FRS 122²⁰⁰⁴ "Penggabungan Perniagaan" (*Business Combination*);
- penyusunan semula dalaman kumpulan, seperti yang ditakrifkan dalam FRS 122, disatukan pada/selepas 1 April 2002 tetapi dengan tarikh perjanjian sebelum 1 Januari 2006 iaitu:
 - pemegang syer muktamad kekal sama, dan hak setiap pemegang syer, berbanding dengan yang lain, tidak berubah; dan
 - syer minoriti ke atas nilai aset bersih Kumpulan tidak diubah oleh pemindahan itu.
- penyatuan perniagaan yang melibatkan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dengan tarikh pengaturan pada/selepas 1 Januari 2006.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Entiti ekonomi dalam Kumpulan (sambungan)

Anak-anak syarikat (sambungan)

Kumpulan ini telah memanfaatkan pengecualian yang diberikan dalam MFRS 1, MFRS 3 dan FRS 122²⁰⁰⁴ untuk menguna pakai Piawaian ini secara prospektif. Justeru, penyatuan perniagaan yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa masing-masing tidak dinyatakan semula bagi mematuhi Piawaian ini.

Kumpulan mengguna pakai kaedah perolehan dalam mengambil kira penyatuan perniagaan. Balasan yang telah dipindahkan untuk perolehan anak syarikat merupakan nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang bertanggung kepada bekas pemilik syarikat yang diambil alih serta faedah ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Balasan yang dipindahkan termasuk nilai saksama apa-apa aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan balasan luar jangka. Aset diperolehi yang boleh dikenal pasti serta liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diambil alih dalam penyatuan perniagaan pada awalnya diukur pada nilai saksama masing-masing pada tarikh perolehan.

Kos berkaitan perolehan dibelanjakan seperti yang bertanggung.

Apa-apa balasan luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Perubahan berikutnya kepada nilai saksama balasan luar jangka yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf menurut MFRS 9, sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Balasan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya diambil kira dalam ekuiti.

Urus niaga antara entiti dalam Kumpulan, baki dan keuntungan tidak terealisasi dalam urus niaga antara kumpulan syarikat dimansuhkan. Kerugian tidak terealisasi juga dimansuhkan tetapi dianggap sebagai penunjuk rosotnilai bagi aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan anak syarikat telah diubah apabila perlu bagi memastikan ia konsisten dengan dasar yang diguna pakai oleh Kumpulan.

Untung atau rugi daripada pelupusan anak syarikat ialah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dengan syer Kumpulan terhadap aset bersihnya pada tarikh pelupusan, termasuk jumlah terkumpul bagi apa-apa perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan anak-anak syarikat tersebut, dan diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan.

2.3 Entiti berstruktur

Entiti tersusun adalah sebuah entiti di mana hak mengundi bukan merupakan faktor utama dalam menentukan pihak mengawal entiti berkenaan, contohnya apabila sebarang hak mengundi mempunyai kaitan dengan tugas pentadbiran semata-mata dan kegiatan yang berkaitan dikendalikan menerusi pengaturan berkontrak. Entiti tersusun lazimnya mempunyai kegiatan yang terhad, objektif khusus dan ditakrif dengan baik, memiliki ekuiti yang amat sedikit dan dibiayai oleh beberapa instrumen yang dihubungkan secara kontrak, seperti pensukuritan kenderaan, pembiayaan bersandarkan aset dan dana pelaburan.

Kumpulan telah menetapkan BNM Sukuk Berhad (BNM Sukuk) sebagai entiti tersusun untuk tujuan membantu BNM menguruskan kecairan sektor perbankan Islam.

Kumpulan menyatukan mana-mana entiti yang dikawalinya, dan kawalan dibuktikan menerusi ketiga-tiga perkara berikut:

- (a) Kumpulan mempunyai kuasa ke atas entiti, yang digambarkan sebagai mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan, iaitu kegiatan yang paling banyak mempengaruhi pulangan entiti tersebut;
- (b) Kumpulan mempunyai pendedahan atau hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti berkenaan; dan
- (c) Kumpulan mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti tersebut bagi mempengaruhi jumlah pulangannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Entiti berstruktur (sambungan)

BNM Sukuk kekal tidak aktif dan tidak disatukan oleh Kumpulan kerana ia tidak mempunyai kawalan ke atas entiti tersebut. Kumpulan hanya berperanan sebagai pemudah cara bagi penerbitan Sukuk BNM Ijarah untuk membiayai pembelian kepentingan benefisial bagi hartanah dan bangunan daripada BNM dan kemudian, memajak semula hartanah dan bangunan yang sama kepada BNM atau bagi penerbitan Sukuk BNM Murabahah melalui penerbitan Sijil Amanah sebagai bukti kepentingan benefisial pelabur ke atas aset komoditi dan keuntungannya, yang timbul daripada penjualan aset komoditi kepada BNM.

2.4 Jumlah terhutang daripada rakan niaga dan aset pembiayaan Islam

Nota 1 kepada penyata kewangan menerangkan kegiatan utama Kumpulan yang meliputi, antara lain, pembelian pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi serta aset sewa beli dan pemajakan. Kegiatan ini turut dinyatakan dalam klausa objek Memorandum Persatuan anak syarikat.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, jumlah terhutang daripada rakan niaga/aset pembiayaan Islam bagi pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi serta aset sewa beli dan pemajakan dinyatakan pada baki prinsipal belum berbayar yang terhutang kepada Kumpulan. Pendapatan faedah/keuntungan atas jumlah terhutang daripada rakan niaga/aset pembiayaan Islam diiktiraf pada asas akruan dan dikira menurut kadar faedah/keuntungan masing-masing berdasarkan baki bulanan.

2.5 Aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam

Aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam diperoleh oleh Kumpulan daripada pemberi pinjaman pada nilai saksama. Pemberi pinjaman bertindak sebagai penyelenggara dan membayar jumlah prinsipal dan pendapatan faedah/keuntungan daripada aset tersebut kepada Kumpulan dalam jangka masa yang telah ditetapkan seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam yang diperoleh dinyatakan pada baki prinsipal belum berbayar yang terhutang kepada Kumpulan dan dilaraskan untuk diskaun tidak bertambah. Pendapatan faedah/keuntungan bagi aset diiktiraf pada asas akruan dan dikira menurut kadar faedah/keuntungan masing-masing berdasarkan baki bulanan. Diskaun yang timbul daripada perbezaan antara harga belian dan nilai buku bagi aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam yang diperoleh, ditambah nilai kepada penyata pendapatan ke atas baki hayat aset tersebut yang dijangka menggunakan kaedah kadar pulangan dalaman.

2.6 Aset saraan bercagar

Aset saraan bercagar yang diperkenalkan oleh Kumpulan dan Syarikat adalah sejenis pinjaman dan pembiayaan yang disasarkan untuk warga emas atau pesara yang memiliki rumah dan membolehkan mereka menukar harta kediaman mereka kepada aliran pendapatan bulanan tetap sepanjang hayat mereka. Kumpulan dan Syarikat mengelaskan dan mengukur aset saraan bercagar sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (fair value through profit or loss, "FVTPL") kerana aset saraan bercagar tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVOCI. Butiran ukuran untuk aset kewangan pada FVTPL dinyatakan dalam Nota 2.9 (c) (iii).

2.7 Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan entiti berstruktur

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan entiti berstruktur dinyatakan pada kos. Apabila wujud penunjuk rosotnilai, jumlah bawaan pelaburan akan dinilai dan dikurangkan nilainya dengan serta-merta kepada jumlah boleh pulih. Nota 2.10 kepada penyata kewangan menerangkan dasar perakaunan Kumpulan tentang rosotnilai aset dan Nota 3 menerangkan secara terperinci anggaran dan andaian perakaunan yang kritikal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.8 Harta dan kelengkapan serta susut nilai

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan peruntukan rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos merangkumi perbelanjaan yang berpunca secara langsung daripada perolehan item tersebut.

Susut nilai dikira atas dasar garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat bergunanya, dengan pengecualian bagi kerja dalam pelaksanaan yang tidak susut nilai. Kadar susut nilai bagi setiap kategori harta dan kelengkapan diringkaskan seperti berikut:

Peralatan pejabat – peranti mudah alih	100%
Peralatan pejabat – lain-lain	20-25%
Perabot dan kelengkapan	10%
Kenderaan bermotor	20%

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi pada masa depan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos item tersebut dapat diukur dengan pasti. Jumlah bawaan bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diambil kira ke dalam penyata pendapatan semasa tahun kewangan ia ditanggung.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat apa-apa tanda rosotnilai. Jika wujud tanda sedemikian, analisis akan dilakukan untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset tersebut boleh dipulihkan sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika jumlah bawaan melebihi jumlah boleh pulih. Dasar perakaunan berkenaan rosotnilai aset bukan kewangan dinyatakan dalam Nota 2.10.2 kepada penyata kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan jumlah bawaan dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

2.9 Aset kewangan

(a) Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya berdasarkan kategori pengukuran berikut;

- Yang kemudiannya akan diukur pada nilai saksama (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain atau melalui untung atau rugi); dan
- Yang akan diukur pada kos terlunas.

(b) Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh apabila Kumpulan membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

(c) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Syarikat mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah kos urus niaga, melainkan ia dinilai pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (*fair value through profit or loss*, "FVTPL"). Kos urus niaga aset kewangan pada FVTPL dibelanjakan dalam penyata pendapatan.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dipertimbangkan secara keseluruhan apabila menentukan sama ada aliran tunainya terdiri daripada pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata (*solely payment of principal and interest*, "SPPI").

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*sambungan*)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (**SAMBUNGAN**)

2.9 Aset kewangan (*sambungan*)

(c) Pengukuran (*sambungan*)

Instrumen hutang

Pengukuran susulan bagi instrumen hutang bergantung pada model perniagaan Kumpulan dalam menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Kumpulan mengelaskan semula pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaannya untuk menguruskan aset tersebut berubah.

Terdapat tiga kategori ukuran yang digunakan oleh Kumpulan untuk mengelaskan instrumen hutangnya:

(i) Kos terlunas

Tunai dan dana jangka pendek, deposit dan penempatan dengan institusi kewangan, aset kewangan pada kos terlunas, jumlah terhutang daripada rakan niaga, hutang pembiayaan Islam, aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam, aset lain, jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan dan jumlah terhutang daripada anak syarikat yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontrak yang mana aliran tunai tersebut mewakili SPPI diukur pada kos terlunas. Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini dimasukkan ke dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Apa-apa keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan dan dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian rosotnilai dibentangkan sebagai butiran berasingan dalam penyata pendapatan.

(ii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, "FVOCI")

Aset kewangan yang dipegang bagi tujuan pengumpulan aliran tunai kontrak dan penjualan aset kewangan, yang mana aliran tunai aset mewakili SPPI, diukur pada FVOCI. Pergerakan dalam jumlah bawaan diambil melalui pendapatan komprehensif lain (*other comprehensive income*, "OCI"), kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian akibat rosotnilai, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI dikelaskan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan dan diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) bukan faedah.

Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini dimasukkan ke dalam pendapatan faedah menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam (perbelanjaan)/pendapatan bukan faedah dan (peruntukan)/Penghitungan semula kerugian rosotnilai dibentangkan sebagai butiran berasingan dalam penyata pendapatan.

(iii) Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (*fair value through profit or loss*, "FVTPL")

Aset-aset yang tidak memenuhi kriteria kos terlunPadaau FVOCI diukur pada FVTPL. Kumpulan juga boleh menetapkan aset kewangan pada FVTPL yang tidak boleh ditarik balik, jika dengan berbuat sedemikian akan mengurangkan dengan ketara atau menghapuskan ketidakpadanan yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama akan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan dibentangkan pada nilai bersih dalam (perbelanjaan)/pendapatan bukan faedah dalam tempoh sama.

Instrumen ekuiti

Kumpulan kemudiannya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Jika pengurusan Kumpulan telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti dalam OCI, tiada pengelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama seterusnya kepada penyata pendapatan berikutan penyahiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan sedemikian akan terus diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai pendapatan lain apabila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran ditetapkan.

Perubahan nilai saksama aset kewangan pada FVTPL diiktiraf pada keuntungan/(kerugian) lain dalam penyata pendapatan komprehensif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.10 Rosotnilai aset

2.10.1 Aset kewangan

Kumpulan menilai kerugian kredit yang dijangka (*expected credit loss*, "ECL") berdasarkan jangkaan masa depan yang berkaitan dengan instrumen hutangnya yang dinilai pada kos terlunas dan FVOCI. Kaedah rosotnilai yang digunakan bergantung pada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara. Apa-apa kerugian yang timbul daripada peningkatan risiko kredit yang ketara akan menyebabkan pengurangan dalam jumlah bawaan aset dan pengiktirafan jumlah kerugian dalam penyata pendapatan.

Kumpulan mempunyai lima aset kewangan yang tertakluk pada model ECL

- Jumlah terhutang daripada rakan niaga dan aset pembiayaan Islam;
- Aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam;
- Aset kewangan pada FVOCI;
- Aset kewangan pada kos terlunas; dan
- Instrumen pasaran wang.

ECL mewakili anggaran wajaran kebarangkalian bagi perbezaan antara nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dengan nilai semasa aliran tunai yang dijangka akan diterima oleh Kumpulan ke atas baki hayat instrumen kewangan.

Pengukuran ECL mencerminkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan wajaran kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh pelaporan tentang peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa depan.

Di bawah MFRS 9, model rosotnilai memerlukan pengiktirafan ECL untuk semua aset kewangan, kecuali aset kewangan yang dikelaskan atau ditetapkan sebagai FVTPL dan sekuriti ekuiti yang dikelaskan di bawah FVOCI, yang tidak tertakluk pada penilaian rosotnilai.

Pendekatan umum

ECL akan dinilai menggunakan pendekatan yang mengelaskan aset kewangan kepada tiga peringkat, yang mencerminkan perubahan kualiti kredit aset kewangan sejak pengiktirafan awal:

- Peringkat 1: ECL 12 bulan – kredit tidak terjejas
Untuk pendedahan kredit yang tidak mempunyai peningkatan risiko kredit yang ketara sejak pengiktirafan awal atau mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh pelaporan dan tidak mengalami rosotnilai kredit semasa permulaan, ECL yang dikaitkan dengan kebarangkalian kejadian mungkir berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang akan diiktiraf.
- Peringkat 2: ECL sepanjang hayat – kredit tidak terjejas
Untuk pendedahan kredit yang terdapat peningkatan ketara dalam pengiktirafan awal risiko kredit tetapi bukan kredit terjejas, ECL yang dikaitkan dengan kebarangkalian kejadian mungkir berlaku dalam ECL sepanjang hayat akan diiktiraf. Melainkan dikenal pasti pada peringkat yang lebih awal, semua aset kewangan dianggap mengalami peningkatan risiko kredit yang ketara apabila melampaui tempoh 30 hari.
- Peringkat 3: ECL sepanjang hayat – kredit terjejas
Aset kewangan dinilai sebagai kredit terjejas apabila satu atau lebih bukti objektif kemungkir yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset tersebut telah berlaku. ECL sepanjang hayat akan diiktiraf untuk aset kewangan yang telah menjadi kredit terjejas. Secara amnya, semua aset kewangan yang melampaui tempoh 90 hari atau lebih dikelaskan di bawah Peringkat 3.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*sambungan*)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.10 Rosotnilai aset (*sambungan*)

2.10.1 Aset kewangan (*sambungan*)

Pendekatan yang dipermudah

Bagi semua instrumen kewangan lain, peruntukan kerugian pada jumlah yang sama dengan ECL sepanjang hayat diperlukan.

Peningkatan ketara dalam risiko kredit

Kumpulan mempertimbangkan kebarangkalian kemungkiran selepas pengiktirafan awal aset dan sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara secara berterusan pada setiap tempoh laporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara, Kumpulan membandingkan antara risiko kemungkiran berlaku ke atas aset pada tarikh pelaporan dengan risiko kemungkiran pada tarikh pengiktirafan awal. Kumpulan mempertimbangkan maklumat berpandangan ke hadapan yang munasabah dan boleh disokong.

Penunjuk berikut telah dimasukkan:

- penarafan kredit dalaman
- penarafan kredit luar (yang boleh diperolehi)
- perubahan negatif dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang ketara, sama ada sebenar atau dijangka, yang dijangka boleh menyebabkan perubahan ketara pada keupayaan rakan niaga untuk memenuhi kewajipannya
- perubahan sebenar atau dijangka yang ketara dalam keputusan operasi rakan niaga
- peningkatan ketara dalam risiko kredit instrumen kewangan lain milik rakan niaga yang sama
- perubahan yang ketara dalam prestasi dan tingkah laku rakan niaga yang dijangka, termasuk perubahan dalam status pembayaran rakan niaga dalam kumpulan dan perubahan dalam keputusan operasi rakan niaga.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) dimasukkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman.

Tanpa mengira analisis di atas, peningkatan risiko kredit yang ketara diandaikan jika penghutang telah melampaui tempoh 30 hari dalam membuat pembayaran berkontrak.

Definisi aset kewangan yang mungkir dan kredit terjejas

Kumpulan mentakrifkan instrumen kewangan sebagai mungkir, yang sejajar dengan definisi kredit terjejas, apabila ia memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

Kriteria kuantitatif:

Kumpulan mentakrifkan sesebuah aset kewangan sebagai mungkir jika rakan niaga gagal membuat pembayaran berkontrak dalam tempoh 90 hari dari tarikh pembayaran.

Kriteria kualitatif:

Penghutang memenuhi kriteria tidak mungkin membayar, yang menunjukkan bahawa penghutang berada dalam kesulitan kewangan yang ketara. Kumpulan mempertimbangkan contoh-contoh berikut:

- penghutang melanggar perjanjian kewangan
- konsesi telah dibuat oleh pemberi pinjaman yang berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang
- penghutang berkemungkinan akan mengalami kebangkrutan atau penyusunan semula kewangan lain
- penghutang tidak mampu membuat pembayaran

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.10 Rosotnilai aset (sambungan)

2.10.1 Aset kewangan (sambungan)

Definisi aset kewangan yang mungkir dan kredit terjejas (sambungan)

Bagi tujuan pengukuran ECL, aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam telah dikelompokkan berdasarkan ciri risiko kredit yang sama dan bilangan hari lampau tempohnya. Aset gadai janji/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli/aset sewa beli Islam sebahagian besarnya mempunyai ciri risiko yang sama dan oleh itu, Kumpulan membuat kesimpulan bahawa aset-aset ini akan dinilai secara kolektif.

Aset kewangan pada FVOCI, aset kewangan pada kos terlunas, jumlah terhutang daripada rakan niaga, Aset kewangan pada FVOCI, aset kewangan pada kos terlunas, jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, kontrak jaminan kewangan dan instrumen hutang yang mungkir atau kredit terjejas akan dinilai secara individu.

2.10.2 Aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat berguna yang tidak terbatas tidak tertakluk pada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosotnilai. Aset yang tertakluk pada susut nilai atau pelunasan disemak semula untuk rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa jumlah bawaan mungkin tidak dapat dipulihkan. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi nilai yang mana jumlah bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih ialah nilai yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dan nilai aset yang digunakan. Kerugian rosotnilai diiktiraf kepada penyata pendapatan, melainkan jika ia membalikkan penilaian semula sebelumnya apabila ia diiktiraf kepada lebih penilaian semula. Apa-apa peningkatan seterusnya dalam Jumlah boleh pulih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.11 Hapus kira

Kumpulan menghapus kira aset kewangan secara keseluruhan atau sebahagian, apabila semua usaha pemulihan yang boleh dilaksanakan telah diambil dan telah membuat kesimpulan bahawa tiada jangkaan pemulihan yang munasabah. Penilaian tiada jangkaan pemulihan yang munasabah dibuat berdasarkan ketiadaan sumber pendapatan atau aset penghutang untuk menjana aliran tunai masa depan yang mencukupi untuk membayar balik jumlah terhutang. Kerugian rosotnilai dibentangkan sebagai kerugian rosotnilai bersih dalam keuntungan operasi. Pemulihan selanjutnya bagi jumlah yang dihapus kira sebelum ini akan menyebabkan keuntungan rosotnilai yang dikreditkan pada butiran yang sama.

2.12 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas melainkan ia adalah liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan atau ditetapkan pada FVTPL. Liabiliti kewangan diiktiraf pada nilai saksama campur kos urus niaga dan dinyahiktiraf apabila diselesaikan.

(a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Kategori ini merangkumi dua subkategori: liabiliti kewangan sebagai pegangan untuk dagangan, dan liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian selepas pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia diperolehi atau ditanggung terutamanya untuk tujuan menjual atau membeli semula dalam masa terdekat atau jika ia adalah sebahagian daripada portfolio instrumen kewangan yang dikenal pasti yang diuruskan bersama dan mempunyai bukti corak sebenar pengambilan untung jangka pendek terkini. Derivatif dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan melainkan ditetapkan sebagai lindung nilai. Rujuk dasar perakaunan Nota 2.20 berkenaan perakaunan lindung nilai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.12 Liabiliti kewangan (sambungan)

(b) Pinjaman yang diukur pada kos terlunas

Pinjaman pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, setelah ditolak kos urus niaga yang bertanggung. Pinjaman kemudiannya dibawa pada kos terlunas, apa-apa perbezaan antara jumlah awal yang diiktiraf dengan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah berkesan. Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh ia ditanggung.

Pinjaman yang diukur pada kos terlunas ialah pinjaman jangka pendek, bon dan nota pembawa tidak bercagar dan Sukuk.

Termasuk dalam pinjaman jangka pendek ialah kewajipan ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian pembelian semula yang telah dijual oleh Kumpulan daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli semula pada tarikh masa depan.

(c) Liabiliti kewangan lain yang diukur pada kos terlunas

Liabiliti kewangan lain pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah dengan kos urus niaga. Selepas itu, liabiliti kewangan lain diukur semula pada kos terlunas menggunakan kadar faedah berkesan. Liabiliti kewangan lain yang diukur pada kos terlunas ialah pendapatan yuran jaminan tertunda, pendapatan yuran Wakalah tertunda dan liabiliti lain.

2.13 Pengiktirafan pendapatan bagi aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam

Pendapatan faedah untuk aset konvensional dan pendapatan untung daripada aset Islam diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah/keuntungan berkesan. Pertambahan diskaun diiktiraf menggunakan kaedah kadar hasil berkesan.

2.14 Pengiktirafan pendapatan bagi yuran Jaminan dan Wakalah

Pendapatan yuran Jaminan dan yuran Wakalah di bawah SRP diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan kaedah baki berkurangan apabila yuran diterima sepenuhnya.

Pendapatan yuran Jaminan dan yuran Wakalah di bawah SPB diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan kaedah garis lurus apabila yuran diterima sepenuhnya setiap tahun.

2.15 Premium dan diskaun ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk

Premium ke atas bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk merupakan lebihan harga terbitan daripada nilai penebusan bon dan nota pembawa/Sukuk tersebut yang ditambah nilai ke dalam penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon dan nota pembawa/Sukuk tersebut berasaskan kadar hasil berkesan. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon dan nota pembawa/Sukuk berkenaan, perbezaannya yang merupakan diskaun, dilunaskan kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon dan nota pembawa/Sukuk tersebut berasaskan kadar hasil berkesan.

2.16 Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai semasa ialah cukai pada kadar semasa berdasarkan keuntungan kena cukai yang diperolehi pada tahun kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti serta jumlah bawaannya dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset tertunda diiktiraf hingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai masa depan akan tersedia dan perbezaan sementara boleh kurang atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangka akan diguna pakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.17 Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai merangkumi wang tunai serta baki dan deposit dalam bank yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui yang tertakluk pada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.18 Pengimbangan instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersihnya dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengimbangi jumlah yang diiktiraf dan apabila terdapat hasrat untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset serta menyelesaikan liabiliti aset tersebut secara serentak. Hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang ini tidak boleh bergantung pada peristiwa masa depan dan hendaklah boleh dikuatkuasakan dalam perjalanan biasa perniagaan dan sekiranya berlaku kemungkiran, insolvensi atau kebangkrapan.

2.19 Laporan bersegi

Segmen operasi dilaporkan dalam bentuk yang konsisten dengan pelaporan dalaman yang digunakan oleh ketua operasi yang membuat keputusan. Ketua operasi yang membuat keputusan ialah individu atau kumpulan yang mengagihkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi Kumpulan. Kumpulan telah menetapkan Ketua Pegawai Eksekutif sebuah anak syarikat, iaitu Cagamas Berhad, sebagai ketua pembuat keputusan operasi.

2.20 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindung nilai

Instrumen kewangan derivatif merangkumi swap kadar faedah (*Interest Rate Swap*, IRS), swap kadar untung Islam (*Islamic Profit Rate Swap*, IPRS), swap mata wang bersilang (*Cross Currency Swap*, CCS) dan swap mata wang bersilang Islam (*Islamic Cross Currency Swap*, ICCS). Instrumen kewangan derivatif digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat bagi melindungi nilai terbitan bon/Sukuk daripada kemungkinan pergerakan dalam kadar faedah, kadar untung atau kadar pertukaran mata wang asing. Butiran lanjut tentang instrumen kewangan derivatif dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif diiktiraf pada peringkat awal penyata kedudukan kewangan, dan perubahan nilai saksama berikutnya yang terhasil akibat perubahan kadar faedah pasaran, kadar untung atau kadar pertukaran mata wang asing direkodkan sebagai aset derivatif (memuaskan) atau liabiliti derivatif (tidak memuaskan).

Bagi derivatif yang tidak ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kerugian dan keuntungan daripada perubahan dalam nilai saksama diambil kira dalam penyata pendapatan.

Bagi derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, kaedah untuk mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama bergantung pada jenis lindung nilai.

Kumpulan mendokumenkan pada permulaan hubungan lindung nilai, hubungan ekonomi antara instrumen lindung nilai dan item dilindung nilai, termasuk sama ada perubahan dalam aliran tunai instrumen lindung nilai dijangka mengimbangi perubahan dalam aliran tunai item dilindung nilai. Kumpulan juga mendokumenkan objektif dan strategi pengurusan risiko mereka untuk urus niaga lindung nilai dan penilaiannya, pada permulaan lindung nilai dan secara berterusan, sama ada derivatif itu sangat berkesan dalam mengimbangi perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai item yang dilindung nilai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*sambungan*)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.20 Instrumen kewangan derivatif dan perakaunan lindung nilai (*sambungan*)

Lindung nilai aliran tunai

Bahagian perubahan yang berkesan dalam nilai saksama bagi derivatif yang telah ditetapkan dan berkecual sebagai pelindung nilai bagi aliran tunai masa depan diiktiraf secara langsung dalam rizab lindung nilai aliran tunai, dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan dalam tempoh apabila item yang dilindung nilai memberi kesan kepada untung atau rugi. Bahagian untung atau rugi yang tidak berkesan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan di bawah “pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah”.

Jumlah terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada penyata pendapatan dalam tempoh apabila item yang dilindung nilai memberi kesan kepada untung atau rugi. Untung atau rugi yang berkaitan dengan bahagian berkesan swap kadar faedah yang melindungi nilai pinjaman kadar berubah diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam butiran “pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah” pada tempoh yang sama dengan perbelanjaan faedah ke atas pinjaman yang dilindung nilai.

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, atau apabila lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria untuk perakaunan lindung nilai, perakaunan bagi apa-apa untung atau rugi tertunda yang terkumpul akan bergantung pada sifat dasar urus niaga dilindung nilai. Bagi lindung nilai aliran tunai yang mengakibatkan pengiktirafan aset bukan kewangan, jumlah terkumpul dalam ekuiti hendaklah dimasukkan ke dalam kos awal aset. Untuk lindung nilai aliran tunai yang lain, jumlah terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada penyata pendapatan dalam tempoh yang sama apabila aliran tunai lindung nilai mempengaruhi penyata pendapatan. Apabila aliran tunai masa depan yang dilindung nilai atau urus niaga ramalan tidak lagi dijangka berlaku, untung atau rugi terkumpul dan kos yang dilaporkan dalam ekuiti akan dikelaskan semula kepada penyata pendapatan di bawah “pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah” dengan serta-merta.

2.21 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tanggungjawab undang-undang semasa atau kewajipan konstruktif akibat daripada peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut, dan apabila anggaran yang dipercayai dapat dibuat terhadap jumlah tersebut. Apabila Kumpulan dan Syarikat menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa depan.

Apabila terdapat beberapa kewajipan yang serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan kelas tanggungan secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun jika kemungkinan aliran keluar bagi mana-mana item yang termasuk dalam kelas tanggungan yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa bagi perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus bagi kewajipan tersebut. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh perjalanan masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.22 Zakat

Kumpulan mengiktiraf kewajipannya dalam membayar zakat perniagaan. Zakat untuk tahun semasa diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan zakat semasa hasil daripada taksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat hendaklah ditaksir apabila Kumpulan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 12 bulan, iaitu jangka masa yang dikenali sebagai haul.

Kadar zakat yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan digunakan untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat ke atas perniagaan untuk tahun kewangan ini adalah sebanyak 2.5% (2022: 2.5%) daripada asas zakat.

Asas zakat Kumpulan ini ditentukan berdasarkan kaedah kadar pertumbuhan yang diselaraskan. Kaedah ini mengira asas zakat sebagai ekuiti pemilik dan liabiliti jangka panjang, ditolak untuk harta, loji dan kelengkapan serta aset bukan semasa, dan diselaraskan untuk item yang tidak memenuhi syarat-syarat untuk aset dan liabiliti zakat seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa zakat yang berkenaan.

Jumlah zakat yang ditaksir diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan ia ditanggung.

2.23 Manfaat pekerja

(a) *Manfaat pekerja jangka pendek*

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan manfaat bukan kewangan terakru pada tahun kewangan apabila perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan.

(b) *Pelan caruman wajib*

Kumpulan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu pelan caruman wajib negara. Caruman kepada KWSP diambil kira dalam penyata pendapatan pada tahun kewangan yang berkaitan. Apabila caruman dibuat, Kumpulan tidak lagi mempunyai kewajipan pembayaran pada masa depan. Bayaran caruman terdahulu diiktiraf sebagai aset sehingga bayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran pada masa depan tersedia.

2.24 Aset tak ketara

(a) *Perisian komputer*

Perisian komputer dan lesen perisian komputer yang diperoleh dipermodalkan berdasarkan kos yang bertanggung untuk memperoleh dan menggunakan perisian tertentu.

Kos yang berkaitan dengan pembangunan atau penyelenggaraan program perisian komputer diiktiraf apabila kos tersebut bertanggung. Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dapat dikenal pasti serta unik yang dikawal oleh Kumpulan, dan mungkin akan menjana manfaat ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dari satu tahun, diiktiraf sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuklah kos pekerja yang bertanggung hasil daripada pembangunan perisian dan suatu bahagian yang sesuai bagi overhead yang berkaitan.

Perisian komputer dan lesen perisian komputer akan dilunaskan berdasarkan tempoh anggaran hayat bergunanya selama tiga hingga sepuluh tahun.

(b) *Hak perkhidmatan kepada yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir*

Hak perkhidmatan kepada yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir (Hak Perkhidmatan) merupakan hak terjamin untuk menerima manfaat ekonomi yang dijangkakan pada masa depan melalui yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir untuk terbitan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (*Residential Mortgage-Backed Securities*, RMBS) dan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman Islam (*Islamic Residential Mortgage-Backed Securities*, IRMBS).

Hak perkhidmatan diiktiraf sebagai aset tak ketara pada kos dan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas tempoh RMBS dan IRMBS.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.24 Aset tak ketara (sambungan)

Hak kepada perisian komputer dan perkhidmatan diuji setiap tahun untuk apa-apa tanda rosotnilai. Jika wujud tanda sedemikian, analisis akan dibuat untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset tersebut boleh dipulihkan sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika jumlah bawaan melebihi jumlah boleh pulih. Hak kepada perisian komputer dan perkhidmatan dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Sila rujuk dasar perakaunan tentang rosotnilai aset bukan kewangan dalam Nota 2.10.2 kepada penyata kewangan.

2.25 RMBS dan IRMBS

RMBS dan IRMBS diterbitkan oleh Kumpulan untuk membiayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji Islam daripada LPPSA. Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, RMBS dan IRMBS dinyatakan pada kos terlunas.

Perbelanjaan faedah ke atas RMBS dan untung yang boleh dibayar kepada IRMBS diiktiraf menggunakan kaedah kadar hasil berkesan.

2.26 Modal syer

(a) *Pengelasan*

Syer biasa dan syer keutamaan boleh tebus (*Redeemable Preference Shares, RPS*) dikelaskan sebagai ekuiti. Syer lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut asas ekonomi instrumen berkaitan.

Pengagihan kepada para pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti diambil kira terus kepada ekuiti.

(b) *Dividen kepada para pemegang syer Kumpulan dan Syarikat*

Dividen ke atas syer biasa dan RPS diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen akan diambil kira sebagai liabiliti apabila dividen tersebut perlu dibayar.

2.27 Terjemahan mata wang

(a) *Mata wang fungsian dan pembentangan*

Item yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan entiti Kumpulan diukur menggunakan mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat entiti tersebut beroperasi (*functional currency, mata wang fungsian*).

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan bagi Syarikat.

(b) *Urus niaga dan baki mata wang asing*

Urus niaga mata wang asing diterjemah kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa tarikh urus niaga. Keuntungan atau kerugian pertukaran asing yang terhasil daripada penyelesaian urus niaga tersebut dan daripada terjemahan kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ditunda dalam ekuiti sebagai lindung nilai aliran tunai yang layak dan lindung nilai pelaburan bersih yang layak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.28 Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka ialah kewajipan yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa pada masa depan yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan atau kewajipan semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut. Liabiliti luar jangka turut timbul dalam kes yang jarang sekali berlaku apabila terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana tidak dapat diukur dengan tepat.

Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi melaporkan kewujudannya apabila terdapat kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, biarpun tidak pasti. Aset luar jangka ialah aset yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih daripada satu peristiwa masa depan yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan.

2.29 Yuran pembiayaan tertunda

Yuran pembiayaan tertunda terdiri daripada perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penerbitan bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk. Selepas penerbitan bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk, yuran pembiayaan tertunda akan ditolak daripada jumlah bawaan bagi bon dan nota pembawa tidak bercagar/Sukuk dan dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah/keuntungan berkesan.

2.30 Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan ialah kontrak yang memerlukan Kumpulan membuat pembayaran tertentu sebagai ganti rugi kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung akibat kegagalan seseorang penghutang untuk membuat pembayaran pada tarikh perlu bayar, mengikut syarat-syarat sesebuah instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan. Liabiliti pada awalnya diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama kontrak jaminan ditentukan sebagai nilai semasa perbezaan aliran tunai bersih antara pembayaran berkontrak di bawah instrumen hutang dan bayaran yang diperlukan tanpa jaminan, atau anggaran jumlah yang perlu dibayar kepada pihak ketiga untuk mengambil alih kewajipan tersebut.

Kontrak jaminan kewangan kemudiannya diukur pada nilai yang lebih tinggi antara jumlah yang ditentukan mengikut model kerugian kredit yang dijangka di bawah MFRS 9 'Instrumen Kewangan' (*Financial instruments*) dan jumlah pengiktirafan awal setelah ditolak jumlah pendapatan kumulatif yang diiktiraf selaras dengan prinsip MFRS 15 'Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan' (*Revenue from Contracts with Customers*), mengikut kesesuaian.

2.31 Pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai aset dengan hak penggunaan (*right-of-use*, ROU) dan liabiliti yang sepadan pada tarikh aset pajakan tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan (iaitu tarikh permulaan).

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga tersendiri relatifnya. Walau bagaimanapun, bagi pajakan hartanah yang Kumpulan ialah pemajak, pihaknya telah memilih cara praktikal yang diperuntukkan dalam MFRS 16 untuk tidak memisahkan komponen pajakan dan bukan pajakan. Kedua-dua komponen tersebut dianggap sebagai komponen pajakan tunggal dan pembayaran untuk kedua-dua komponen tersebut termasuk dalam pengukuran liabiliti pajakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.31 Pajak (sambungan)

Tempoh pajakan

Dalam menentukan tempoh pajakan, Kumpulan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pilihan lanjutan, atau tidak melaksanakan pilihan penamatan. Pilihan lanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya dimasukkan ke dalam tempoh pajakan jika pajakan itu secara munasabah perlu dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

Kumpulan menilai semula tempoh pajakan apabila berlakunya peristiwa penting atau perubahan dalam keadaan yang berada di bawah kawalan Kumpulan dan mempengaruhi sama ada Kumpulan secara munasabah pasti melaksanakan pilihan yang tidak dimasukkan sebelum itu ke dalam penentuan tempoh pajakan, atau tidak menjalankan pilihan yang telah dimasukkan ke dalam penentuan tempoh pajakan. Semakan semula tempoh pajakan akan menyebabkan pengukuran semula liabiliti pajakan.

Aset ROU

Aset ROU pada mulanya diukur pada kos yang terdiri daripada berikut:

- Jumlah pengukuran awal liabiliti pajakan;
- Apa-apa pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan ditolak apa-apa insentif pajakan yang diterima;
- Apa-apa kos langsung awal; dan
- Kos pelupusan atau pemulihan.

Aset ROU yang bukan hartanah pelaburan kemudiannya diukur pada kos, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai (jika ada). Aset ROU secara amnya disusut nilai ke atas hayat berguna aset dan tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus. Jika Kumpulan secara munasabah pasti akan menguatkuasakan apa-apa opsyen pembelian, aset ROU akan disusut nilai ke atas hayat berguna aset. Di samping itu, aset ROU akan diselaraskan untuk pengukuran semula liabiliti pajakan tertentu. Aset ROU dibentangkan sebagai butiran berasingan dalam penyata kedudukan kewangan.

Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan pada awalnya diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang tidak dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajakan termasuk yang berikut:

- Bayaran tetap (termasuk pembayaran tetap dalam bentuk), tolak apa-apa insentif pajakan yang belum diterima
- Bayaran pajakan boleh ubah yang berdasarkan indeks atau kadar, pada awalnya diukur menggunakan indeks atau kadar itu pada tarikh permulaan;
- Jumlah yang dijangka akan dibayar oleh Kumpulan di bawah jaminan nilai sisa;
- Harga pelaksanaan opsyen pembelian jika Kumpulan secara munasabah pasti melaksanakan opsyen tersebut; dan
- Bayaran penalti kerana menamatkan pajakan, jika tempoh pajakan mencerminkan pelaksanaan opsyen tersebut oleh Kumpulan.

Bayaran pajakan didiskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajakan. Jika kadar itu tidak dapat ditentukan dengan mudah, yang biasanya berlaku untuk pajakan dalam Kumpulan, pinjaman tambahan pemajak akan digunakan. Ini ialah kadar yang perlu dibayar oleh pemajak individu untuk meminjam dana yang diperlukan untuk mendapatkan aset yang sama nilai dengan aset ROU dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan tempoh, cagar dan syarat yang sama.

Bayaran pajakan diperuntukkan antara prinsipal dan kos pembiayaan. Kos pembiayaan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang berterusan ke atas baki liabiliti untuk setiap tempoh.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN KETARA (SAMBUNGAN)

2.31 Pajakan (sambungan)

Liabiliti pajakan (sambungan)

Bayaran pajakan boleh ubah yang bergantung pada jualan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh apabila keadaan yang mencetuskan pembayaran tersebut berlaku.

Kumpulan membentangkan liabiliti pajakan sebagai butiran berasingan dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan dibentangkan dalam perbelanjaan bukan faedah dalam penyata pendapatan.

Pengukuran semula liabiliti pajakan

Kumpulan juga terdedah kepada kemungkinan peningkatan pembayaran pajakan berubah pada masa depan yang bergantung pada indeks atau kadar, yang tidak termasuk dalam liabiliti pajakan sehingga ia berkuatkuasa. Apabila pelarasan untuk memajak pembayaran berdasarkan indeks atau kadar berkuatkuasa, liabiliti pajakan diukur semula dan diselaraskan terhadap aset ROU.

Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Pajakan jangka pendek ialah pajakan dengan tempoh pajakan selama 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah terdiri daripada peralatan IT dan barangan perabot pejabat kecil. Pembayaran yang dikaitkan dengan pajakan peralatan dan kenderaan jangka pendek dan semua pajakan aset bernilai rendah diiktiraf berdasarkan kaedah garis lurus sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

3 ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS dan IFRS memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran perakaunan kritikal tertentu dan membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan dibuat berdasarkan sejarah pengalaman serta faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa pada masa depan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan tertentu. Mengikut definisi, anggaran perakaunan yang terhasil jarang menyamai hasil sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar untuk menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawaan bagi aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dijelaskan di bawah.

(a) *Rosotnilai aset gadai janji dan aset sewa beli (Nota 12, 13, 14 dan 45)*

Kumpulan membuat peruntukan bagi kerugian aset gadai janji dan aset sewa beli berdasarkan penilaian kebolehpulihan. Walaupun pertimbangan pihak pengurusan adalah berpandukan keperluan MFRS 9, pihak pengurusan juga membuat pertimbangan tentang masa depan serta faktor-faktor utama lain yang berkaitan dengan pemuliharaan aset. Antara faktor yang dipertimbangkan ialah nilai bersih boleh direalisasi bagi nilai cagaran yang mendasari serta keupayaan untuk menjana aliran tunai yang mencukupi bagi membayar aset tersebut.

Dua senario ekonomi yang menggunakan wajaran kebarangkalian berbeza telah diguna pakai pada ECL:

- Kes asas – berdasarkan tinjauan atau ramalan ekonomi semasa
- Kes negatif – berdasarkan tinjauan atau ramalan ekonomi yang pesimis atau negatif

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

3 ANGGARAN DAN ANDAIAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(b) Pertambahan diskaun ke atas aset gadai janji dan aset sewa beli (Nota 12, 13, 14)

Andaian digunakan untuk menganggarkan unjuran aliran tunai baki prinsipal tertunggak bagi aset gadai janji dan aset sewa beli aset yang diperolehi Kumpulan bagi tujuan menentukan pertambahan diskaun. Anggaran ditentukan berdasarkan trend sejarah pembayaran balik dan penebusan oleh peminjam aset gadai janji dan aset sewa beli. Perubahan dalam andaian ini boleh memberi kesan terhadap jumlah yang diiktiraf sebagai pertambahan diskaun.

(c) Rosotnilai daripada pendedahan jaminan dan pendedahan Wakalah (Nota 22)

Dalam menentukan ECL, pertimbangan pengurusan diterapkan, menggunakan maklumat objektif, munasabah dan dapat disokong tentang keadaan ekonomi semasa dan ramalan. Pemboleh ubah makroekonomi yang digunakan dalam pelbagai senario (iaitu asas, penurunan dan kenaikan), termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kadar pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK), kadar pengangguran, indeks harga pengguna dan indeks harga perumahan sebenar.

ECL berlawanan kebarangkalian ialah hasil gabungan setelah mempertimbangkan beberapa senario yang digunakan terhadap pendedahan jaminan dan pendedahan Wakalah Kumpulan.

4 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko merupakan bahagian penting perniagaan dan operasi Kumpulan. Ia merangkumi pengenalanpastian, pengukuran, analisis, kawalan, pemantauan dan pelaporan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, Kumpulan telah mempertingkatkan kawalan utama untuk memastikan keberkesanan pengurusan risiko dan kebebasannya daripada aktiviti pengambilan risiko.

Kumpulan akan terus membangunkan sumber manusianya, mengkaji semula proses sedia ada dan memperkenalkan pendekatan baharu yang selaras dengan amalan pengurusan risiko terbaik. Matlamat strategik Kumpulan adalah untuk mewujudkan kesedaran risiko yang tinggi dalam kalangan kakitangan barisan hadapan dan belakang tabir, yang mana risiko diurus secara sistematik dan tahap pengambilan risiko diselaraskan dengan tahap kesanggupan menerima risiko serta keperluan ganjaran risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

4.1 Struktur pengurusan risiko

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara muktamad terhadap pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan kegiatan Kumpulan. Lembaga Pengarah menetapkan tahap kesanggupan menerima risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan keseluruhan objektif perniagaan serta profil risiko yang diingini oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah turut mengkaji dan meluluskan semua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan supaya wujud pengawasan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur yang berkesan untuk menguruskan risiko Kumpulan.

Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapat tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi serta berkesan untuk mengenal pasti, mengukur, menganalisis, mengawal, memantau dan melaporkan risiko-risiko, termasuk pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuhan adalah bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam kegiatan pengambilan risiko. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan menyelaraskan pengurusan risiko yang meliputi seluruh perusahaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

4 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

4.2 Pengurusan risiko kredit

Risiko kredit ialah kemungkinan bahawa seseorang peminjam atau pihak rakan niaga gagal memenuhi kewajipan kewangannya apabila perlu dijelaskan. Risiko kredit timbul dalam bentuk item kedudukan kewangan dalam penyata kewangan seperti pinjaman dan pelaburan, serta dalam bentuk item kedudukan kewangan di luar penyata kewangan seperti jaminan dan kegiatan lindung nilai perbendaharaan.

Kumpulan menguruskan risiko kreditnya dengan menapis para peminjam serta rakan niaga, menetapkan kriteria kelayakan yang ketat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Had kredit ini dikaji semula secara berkala dan ditentukan berdasarkan kombinasi penarafan luar, penilaian kredit dalaman serta keperluan perniagaan. Semua pendedahan kredit dipantau secara kerap dan ketidakpatuhan dilaporkan secara bebas kepada pihak pengurusan, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah untuk penyelesaian segera.

Risiko kredit turut dikurangkan melalui aset-aset pendasar yang sebahagian besarnya terdiri daripada aset gadai janji, aset gadai janji Islam, aset sewa beli dan aset sewa beli Islam.

4.3 Pengurusan risiko pasaran

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul daripada pergerakan harga dan kadar pasaran yang negatif. Pendedahan risiko pasaran terhad hanya kepada risiko kadar faedah/keuntungan dan kadar pertukaran asing kerana Kumpulan tidak terlibat dalam apa-apa kegiatan perdagangan ekuiti atau komoditi.

Kumpulan mengawal pendedahan risiko pasarnya dengan mengenakan had ambang dan mengikat kontrak lindung nilai derivatif. Had ambang ini ditetapkan berdasarkan tahap kesanggupan menerima risiko Kumpulan dan hubungan risiko-pulangannya. Had ini dikaji semula dan dipantau secara kerap. Kumpulan mempunyai sebuah Sistem Pengurusan Aset dan Liabiliti yang menyediakan peralatan seperti analisis jurang tempoh, analisis kepekaan faedah/keuntungan dan simulasi pendapatan di bawah pelbagai senario berbeza bagi memantau risiko kadar faedah/keuntungan.

Kumpulan juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah, swap kadar untung, CCS dan ICCS untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasaran terhadap perubahan kadar faedah, kadar keuntungan dan kadar pertukaran mata wang asing.

4.4 Pengurusan risiko kecairan

Risiko kecairan timbul apabila Kumpulan tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila perlu dijelaskan.

Kumpulan mengurangkan risiko kecairannya dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan pembiayaan dengan penerbitan bon atau Sukuk. Kumpulan merancang kedudukan aliran tunai dan memantau dengan teliti setiap urus niaga perniagaan untuk memastikan dana yang tersedia adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Di samping itu, Kumpulan memperuntukkan kecairan rizab yang mencukupi untuk memenuhi apa-apa kekurangan aliran tunai yang tidak dijangka atau keadaan ekonomi pasaran kewangan yang buruk.

Proses pengurusan kecairan Kumpulan, seperti yang dilaksanakan dalam anak syarikat dan dipantau oleh jabatan yang berkaitan, meliputi:

- (a) Pengurusan aliran tunai yang tidak sepadan serta had jurang kecairan yang melibatkan penilaian terhadap semua aliran masuk tunai Kumpulan berbanding aliran keluar tunainya untuk mengenal pasti kemungkinan apa-apa kekurangan tunai bersih dan keupayaan Kumpulan untuk memenuhi kewajipan tunainya apabila perlu dijelaskan;
- (b) Pemadanan pembiayaan pembelian hutang dengan aliran tunai yang dijangka, tempoh serta jangka masa pembiayaan;
- (c) Pemantauan nisbah kecairan Kumpulan berbanding keperluan dalamannya; dan
- (d) Pengurusan tumpuan dan profil pembiayaan dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

4 OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

4.5 Pengurusan Risiko Operasi

Risiko operasi ialah potensi risiko kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan sistem dalaman, atau akibat daripada peristiwa luar. Hal ini termasuk risiko reputasi berkaitan dengan amalan perniagaan atau gelagat pasaran oleh Kumpulan. Hal ini juga termasuk risiko kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Pengurusan risiko operasi ialah keutamaan penting bagi Kumpulan. Bagi mengurangkan operasi risiko, Kumpulan telah membangunkan program operasi risiko dan kaedah penting yang membolehkan pengenalan, pengukuran, pemantauan dan pelaporan risiko operasi sedia ada dan baru muncul.

Pengurusan harian bagi pendedahan risiko operasi dijalankan melalui pembangunan dan penyelenggaraan kawalan dan prosedur dalaman yang menyeluruh berasaskan pengasingan tugas, pemeriksaan bebas, pembahagian kawalan akses sistem dan proses pengesahan pelbagai peringkat. Proses pelaporan kejadian juga diwujudkan untuk mengenal pasti dan menganalisis penipuan dan kelemahan kawalan.

Penilaian risiko diri dan kawalan secara berkala diwujudkan supaya unit perniagaan dan sokongan boleh mengenal pasti risiko dan menilai keberkesanan kawalan pada peringkat awal. Pelan tindakan dirangka untuk isu-isu kawalan yang telah dikenal pasti.

Kumpulan mengurangkan kesan dan kemungkinan apa-apa gangguan luar jangka terhadap operasi perniagaannya melalui pelaksanaan kerangka dan dasar pengurusan kesinambungan perniagaan (*Business Continuity Management*, BCM), rancangan kesinambungan perniagaan dan latihan BCM secara berkala. Kumpulan juga telah mengenal pasti strategi pemulihan yang meliputi seluruh perusahaan untuk mempercepat pemulihan dan penyambungan semula perniagaan dan teknologi semasa peristiwa bencana.

5 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Tunai dan baki dengan bank dan institusi kewangan lain	625	5,150	17	18
Wang panggilan dan deposit dan penempatan matang dalam tempoh kurang daripada tiga bulan	185,775	262,363	1,003	2,384
Wang panggilan Mudharabah dan deposit dan penempatan matang dalam tempoh kurang daripada tiga bulan	77,363	107,173	-	-
	263,763	374,686	1,020	2,402
Tolak: Peruntukan bagi kerugian rosotnilai	-	(1)	-	-
	263,763	374,685	1,020	2,402

Nilai bawaan kasar tunai dan dana jangka pendek dan peruntukan rosotnilai adalah dalam peruntukan Peringkat 1 (ECL 12 bulan). Pergerakan dalam peruntukan rosotnilai yang mencerminkan model ECL untuk rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Peringkat 1				
Pada 1 Januari	1	-	-	-
Peruntukan sepanjang tahun	(1)	1	-	-
Pada 31 Disember	-	1	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

6 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Bank-bank berlesen	782,233	366,205	1,414	–

Nilai bawaan kasar deposit dan penempatan dengan institusi kewangan adalah dalam peruntukan Peringkat 1 (ECL 12 bulan). Tiada ECL yang diperuntukkan untuk kategori ini pada 31 Disember 2023 (2022: Tiada).

7 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI)

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Instrumen hutang:		
Sekuriti kerajaan Malaysia	568,002	648,143
Bon korporat	621,355	573,196
Terbitan pelaburan kerajaan	1,006,971	923,320
Sukuk korporat	1,979,107	2,223,980
Sukuk kuasi kerajaan	608,409	984,400
Instrumen deposit boleh niaga	–	50,018
Bil perbendaharaan Islam	–	49,846
	4,783,844	5,452,903

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

7 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI) (SAMBUNGAN)

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Struktur kematangan aset kewangan pada FVOCI adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	464,448	1,616,503
Satu hingga tiga tahun	1,746,021	1,497,991
Tiga hingga lima tahun	998,417	872,191
Lebih daripada lima tahun	1,574,958	1,466,218
	4,783,844	5,452,903

Jumlah bawaan instrumen hutang pada FVOCI adalah bersamaan dengan nilai saksamanya. ECL diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan tidak mengurangkan jumlah bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

Nilai bawaan kasar aset kewangan pada FVOCI berdasarkan peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan rosotnilai RM'000
2023		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	4,783,844	454
Pada 31 Disember	4,783,844	454
2022		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	5,452,903	415
Pada 31 Disember	5,452,903	415

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

7 ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI) (SAMBUNGAN)

Pergerakan dalam peruntukan rosotnilai yang mencerminkan model ECL untuk rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Peringkat 1		
Pada 1 Januari	415	376
Peruntukan sepanjang tahun ke atas aset baharu yang dibeli	300	106
Aset kewangan yang dinyahiktiraf semasa tahun kewangan disebabkan kematangan aset	(157)	(27)
Penghitungan semula semasa tahun kewangan disebabkan perubahan dalam risiko kredit	(104)	(40)
Pada 31 Disember	454	415

Aset kewangan pada FVOCI yang dicagarkan sebagai cagaran bagi kewajipan ke atas sekuriti yang dijual di bawah perjanjian pembelian semula milik Kumpulan dan Syarikat berjumlah sehingga RM432.9 juta (2022: RM801.9 juta).

8 ASET KEWANGAN PADA KOS TERLUNAS

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Bon korporat	1,604,687	1,463,359
Sukuk korporat	681,993	354,395
	2,286,680	1,817,754

Struktur kematangan aset kewangan pada kos terlunas adalah seperti berikut:

Lebih daripada lima tahun	2,290,448	1,820,889
Tolak: Peruntukan bagi kerugian rosotnilai	(3,768)	(3,135)
	2,286,680	1,817,754

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

8 ASET KEWANGAN PADA KOS TERLUNAS (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar aset kewangan mengikut peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan rosotnilai RM'000
2023		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	2,290,448	3,768
2022		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	1,820,889	3,135

Pergerakan dalam peruntukan rosotnilai yang mencerminkan model ECL untuk rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000
<u>Peringkat 1</u>		
Pada 1 Januari	3,135	1,155
Peruntukan sepanjang tahun ke atas aset baharu yang dibeli	1,154	2,022
Penghitungan semula semasa tahun kewangan disebabkan perubahan dalam risiko kredit	(521)	(42)
Pada 31 Disember	3,768	3,135

9 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF

Instrumen kewangan derivatif yang digunakan oleh Kumpulan untuk melindungi nilai terhadap pendedahan kadar faedah/keuntungan dan pendedahan mata wang asing ialah IRS, IPRS, CCS dan ICCS.

IRS/IPRS digunakan oleh Kumpulan untuk melindungi nilai terhadap pendedahan kadar faedah/keuntungan yang timbul daripada urusan niaga berikut:

(i) *Penerbitan bon/Sukuk kadar tetap bagi membiayai pembelian aset kadar terapung*

Kumpulan membayar penerimaan kadar terapung daripada pembelian aset kadar terapung kepada rakan niaga swap dan menerima faedah/keuntungan kadar tetap sebagai balasan. Faedah/keuntungan kadar tetap ini kemudiannya akan digunakan untuk membayar kupon ke atas bon/Sukuk berkadar tetap yang diterbitkan. Dengan ini, Kumpulan dilindungi daripada pergerakan negatif dalam kadar faedah/keuntungan.

(ii) *Penerbitan bon/Sukuk jangka masa pendek untuk membiayai aset tetap jangka panjang*

Kumpulan akan menerbitkan bon/Sukuk jangka masa pendek dan memeteraikan urusan niaga swap untuk menerima kadar faedah/keuntungan terapung daripada dan membayar faedah/keuntungan kadar tetap kepada rakan niaga swap. Apabila menerima ansuran daripada aset, Kumpulan akan membayar faedah/keuntungan kadar tetap kepada rakan niaga swap dan menerima kadar faedah/keuntungan terapung untuk membayar pemegang bon/Sukuk.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

9 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

CCS dan ICCS juga digunakan oleh Kumpulan untuk melindungi nilai terhadap pendedahan mata wang asing yang timbul daripada penerbitan bon/Sukuk dalam mata wang asing untuk membiayai aset dalam mata wang fungsian. Ilustrasi urus niaga adalah seperti berikut:

- (i) Pada permulaannya, Kumpulan akan menukar hasil daripada bon/Sukuk mata wang asing kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang telah dipersetujui terlebih dahulu dengan rakan niaga CCS/ICCS.
- (ii) Sementara itu, Kumpulan akan menerima bayaran faedah/keuntungan dalam mata wang asing daripada rakan niaga CCS/ICCS dan membayar kepada pemegang bon/Sukuk mata wang asing bagi pembayaran kupon. Pada masa yang sama, Kumpulan akan membayar faedah/keuntungan kepada rakan niaga CCS/ICCS dalam mata wang fungsian menggunakan ansuran yang diterima daripada aset yang dibeli.
- (iii) Apabila matang, Kumpulan akan membayar prinsipal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang dipersetujui terlebih dahulu kepada rakan niaga CCS/ICCS dan menerima jumlah prinsipal dalam mata wang asing yang sama dengan prinsipal bon/Sukuk mata wang asing yang kemudiannya akan digunakan untuk menebus bon/Sukuk tersebut. Pendedahan mata wang asing Kumpulan adalah daripada Dolar Hong Kong (*Hong Kong Dollar*, HKD), Dolar Amerika Syarikat (*US Dollar*, USD) dan Dolar Singapura (*Singapore Dollar*, SGD).

Keberkesanan dinilai dengan membandingkan perubahan nilai saksama swap kadar faedah/keuntungan dan swap mata wang silang dengan perubahan nilai saksama item dilindungi nilai yang disebabkan oleh risiko dilindungi nilai menggunakan kaedah derivatif hipotesis.

Kumpulan menetapkan nisbah lindung nilai dengan memadamkan nosional derivatif dengan prinsipal item dilindungi nilai. Sumber yang mungkin membawa kepada ketidakberkesanan adalah seperti berikut:

- Perbezaan masa aliran tunai antara item dilindungi nilai, swap kadar faedah/keuntungan dan swap mata wang silang,
- Derivatif lindung nilai dengan nilai saksama bukan sifar pada permulaannya sebagai instrumen lindung nilai; dan
- Risiko kredit rakan niaga yang mempengaruhi nilai saksama swap kadar faedah/keuntungan dan swap mata wang silang tetapi bukan item dilindungi nilai.

Jadual di bawah meringkaskan instrumen kewangan derivatif yang dimeterai oleh Kumpulan yang semuanya digunakan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai.

	Kumpulan			Purata kadar faedah tetap %
	Jumlah Kontrak/ Nosional RM'000	Aset RM'000	Liabiliti RM'000	
2023				
Derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai:				
<i>IRS/IPRS</i>				
Matang dalam tempoh setahun	1,000,000	720	(3,924)	2.66
Satu hingga tiga tahun	1,335,000	446	(4,937)	3.64
Tiga hingga lima tahun	90,000	–	(142)	3.59
Lebih daripada lima tahun	160,000	12,922	–	4.66
	2,585,000	14,088	(9,003)	
<i>CCS</i>				
Matang dalam tempoh setahun	4,139,796	151,553	(6,158)	3.62
Satu hingga tiga tahun	1,112,470	42,018	–	3.90
	5,252,266	193,571	(6,158)	
	7,837,266	207,659	(15,161)	

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

9 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

Jadual di bawah meringkaskan instrumen kewangan derivatif yang dimeterai oleh Kumpulan yang semuanya digunakan sebagai instrumen lindung nilai dalam lindung nilai aliran tunai. (sambungan)

	Kumpulan			Purata kadar faedah tetap %
	Jumlah Kontrak/ Nosional RM'000	Aset RM'000	Liabiliti RM'000	
2022				
Derivatif yang ditetapkan sebagai lindung nilai aliran tunai:				
<i>IRS/IPRS</i>				
Matang dalam tempoh setahun	490,000	5,577	(3,247)	3.49
Satu hingga tiga tahun	1,000,000	6,767	-	2.66
Lebih daripada lima tahun	160,000	9,428	-	4.66
	<u>1,650,000</u>	<u>21,772</u>	<u>(3,247)</u>	
<i>CCS</i>				
Matang dalam tempoh setahun	2,705,125	67,054	(3,372)	3.03
Satu hingga tiga tahun	308,000	13,757	-	2.99
	<u>3,013,125</u>	<u>80,811</u>	<u>(3,372)</u>	
	<u>4,663,125</u>	<u>102,583</u>	<u>(6,619)</u>	

Jumlah yang berkaitan dengan item yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dan ketidakberkesanan lindung nilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan						
	Jumlah nominal RM'000	Nilai saksama*		Perubahan dalam nilai saksama yang digunakan untuk mengira keberkesanan lindung nilai RM'000	Perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Ketidak berkesanan lindung nilai yang diiktiraf dalam penyata pendapatan** RM'000	Jumlah yang dikelaskan semula daripada rizab lindung nilai kepada penyata pendapatan** RM'000
2023							
Risiko kadar faedah:							
IRS	1,645,000	13,368	(6,474)	12,391	12,391	-	-
IPRS	940,000	720	(2,529)	(1,935)	(1,935)	-	-
Risiko pertukaran asing:							
CCS/ICCS	5,252,266	193,571	(6,158)	3,816	277,269	-	(270,319)

* Semua instrumen lindung nilai telah dimasukkan ke dalam butiran aset derivatif dan liabiliti derivatif dalam penyata kedudukan kewangan.

** Semua ketidakberkesanan lindung nilai dan pengelasan semula daripada "Rizab lindung nilai - lindung nilai aliran tunai" kepada keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam "pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah" dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

9 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

Jumlah yang berkaitan dengan item yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dan ketidakberkesanan lindung nilai adalah seperti berikut (sambungan):

	Jumlah nominal RM'000	Nilai saksama*		Kumpulan			Jumlah yang dikelaskan semula daripada rizab lindung nilai kepada penyata pendapatan** RM'000
		Aset RM'000	Liabiliti RM'000	Perubahan dalam nilai saksama yang digunakan untuk mengira keberkesanan lindung nilai RM'000	Perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain RM'000	Ketidakberkesanan lindung nilai yang diiktiraf dalam penyata pendapatan** RM'000	
2022							
Risiko kadar faedah:							
IRS	1,250,000	15,246	(3,248)	18,690	18,690	-	-
IPRS	400,000	6,527	-	5,706	5,706	-	-
Risiko pertukaran asing:							
CCS/ICCS	3,013,125	80,811	(3,372)	(27,528)	108,716	-	(142,051)

* Semua instrumen lindung nilai telah dimasukkan ke dalam butiran aset derivatif dan liabiliti derivatif dalam penyata kedudukan kewangan.

** Semua ketidakberkesanan lindung nilai dan pengelasan semula daripada "Rizab lindung nilai – lindung nilai aliran tunai" kepada keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam "pendapatan/(perbelanjaan) bukan faedah" dalam penyata pendapatan.

Jumlah yang berkaitan dengan item yang ditetapkan sebagai item lindung nilai adalah seperti berikut:

	Butiran dalam penyata kedudukan kewangan yang termasuk item dilindung nilai	Kumpulan		Baki rizab lindung nilai aliran tunai daripada hubungan lindung nilai yang mana perakaunan lindung nilai tidak lagi digunakan RM'000
		Perubahan dalam nilai saksama yang digunakan untuk mengira keberkesanan lindung nilai RM'000	Rizab lindung nilai aliran tunai RM'000	
2023				
Risiko kadar faedah/keuntungan/ pertukaran asing				
Aset kewangan kadar terapung	Jumlah terhutang daripada rakan niaga	12,775	9,709	-
Liabiliti kewangan kadar terapung	Bon dan nota pembawa tidak bercagar	(384)	(292)	-
Liabiliti kewangan kadar terapung	Sukuk	(1,935)	(1,470)	-
Liabiliti kewangan kadar tetap	Bon dan nota pembawa tidak bercagar	3,816	2,900	-
2022				
Risiko kadar faedah/keuntungan/ pertukaran asing				
Aset kewangan kadar terapung	Jumlah terhutang daripada rakan niaga	9,240	7,022	-
Liabiliti kewangan kadar terapung	Bon dan nota pembawa tidak bercagar	9,450	7,182	-
Liabiliti kewangan kadar terapung	Sukuk	5,706	4,336	-
Liabiliti kewangan kadar tetap	Bon dan nota pembawa tidak bercagar	(27,528)	(20,922)	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

9 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF (SAMBUNGAN)

(i) Penyesuaian komponen ekuiti

Jadual berikut memberikan penyesuaian komponen ekuiti berdasarkan kategori risiko dan analisis item OCI (selepas cukai) hasil daripada perakaunan lindung nilai:

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
<u>Lindung nilai aliran tunai</u>		
Pada 1 Januari	(2,382)	4,412
Bahagian perubahan nilai saksama yang berkesan, jumlah bersih yang dikelaskan semula kepada untung atau rugi pada:		
– Risiko kadar faedah	287,725	133,112
– Perubahan pertukaran asing (Nota 33)	(270,319)	(142,051)
Kesan cukai pendapatan	(4,177)	2,145
Pada 31 Disember	10,847	(2,382)

10 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA RAKAN NIAGA

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
<u>Berkaitan dengan:</u>		
Pinjaman gadai janji	19,641,205	16,641,501
Aset sewa beli dan pajakan	346,585	456,245
	19,987,790	17,097,746
<u>Struktur kematangan bagi jumlah terhutang daripada rakan niaga adalah seperti berikut:</u>		
Matang dalam tempoh setahun	6,475,796	6,619,978
Satu hingga tiga tahun	8,861,989	6,028,557
Tiga hingga lima tahun	4,288,658	4,288,658
Lebih daripada lima tahun	361,372	160,569
	19,987,815	17,097,762
Tolak: Peruntukan bagi kerugian rosotnilai	(25)	(16)
	19,987,790	17,097,746

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

10 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA RAKAN NIAGA (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar jumlah terhutang daripada rakan niaga dan peruntukan rosotnilai adalah dalam peruntukan Peringkat 1 (ECL 12 bulan). Pergerakan dalam peruntukan rosotnilai yang mencerminkan model ECL untuk rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Peringkat 1		
Pada 1 Januari	16	19
Peruntukan sepanjang tahun ke atas aset baharu yang dibeli	21	10
Aset kewangan yang dinyahiktiraf sepanjang tahun disebabkan kematangan aset	(9)	(9)
Penghitungan semula sepanjang tahun disebabkan perubahan dalam risiko kredit	(3)	(4)
Pada 31 Disember	25	16

11 ASET PEMBIAYAAN ISLAM

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Berkaitan dengan:		
Pembiayaan perumahan Islam	18,696,839	13,100,130
Pembiayaan peribadi Islam	2,225,410	2,382,154
Sewa beli Islam	504,612	–
	21,426,861	15,482,284
Struktur kematangan aset pembiayaan Islam adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	7,301,922	4,664,996
Satu hingga tiga tahun	9,385,918	8,872,270
Tiga hingga lima tahun	4,739,117	1,945,111
	21,426,957	15,482,377
Tolak:		
Peruntukan bagi kerugian rosotnilai	(96)	(93)
	21,426,861	15,482,284

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

11 ASET PEMBIAYAAN ISLAM (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar aset pembiayaan Islam dan peruntukan rosotnilai adalah dalam peruntukan Peringkat 1 (ECL 12 bulan). Pergerakan dalam peruntukan rosotnilai yang mencerminkan model ECL untuk rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
<u>Peringkat 1</u>		
Pada 1 Januari	93	61
Peruntukan sepanjang tahun ke atas aset baharu yang dibeli	24	59
Aset kewangan yang dinyahiktiraf semasa tahun kewangan disebabkan kematangan aset	(11)	(20)
Penghitungan semula sepanjang tahun disebabkan perubahan dalam risiko kredit	(10)	(7)
	96	93

12 ASET GADAI JANJI – KONVENSIONAL

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
Pembelian tanpa rekursa (PWOR)	3,585,481	4,167,687
Struktur kematangan aset gadaai janji – konvensional adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh setahun	823,380	774,049
Satu hingga tiga tahun	1,002,630	1,020,188
Tiga hingga lima tahun	742,978	836,600
Lebih daripada lima tahun	1,030,466	1,555,004
	3,599,454	4,185,841
Tolak:		
Peruntukan bagi kerugian rosotnilai	(13,973)	(18,154)
	3,585,481	4,167,687

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

12 ASET GADAI JANJI – KONVENSIONAL (SAMBUNGAN)

Nilai bawaan kasar aset gadai janji mengikut peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan rosotnilai RM'000
2023		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	3,584,385	10,268
Peringkat 2 (ECL sepanjang hayat; kredit tidak terjejas)	1,708	231
Peringkat 3 (ECL sepanjang hayat; kredit terjejas)	13,361	3,474
Pada 31 Disember	3,599,454	13,973
Peruntukan rosotnilai ke atas nilai bawaan kasar (%)		0.39
2022		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	4,159,796	10,176
Peringkat 2 (ECL sepanjang hayat; kredit tidak terjejas)	2,467	414
Peringkat 3 (ECL sepanjang hayat; kredit terjejas)	23,578	7,564
Pada 31 Disember	4,185,841	18,154
Peruntukan rosotnilai ke atas nilai bawaan kasar (%)		0.43

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

12 ASET GADAI JANJI – KONVENSIONAL (SAMBUNGAN)

Peruntukan rosotnilai mengikut peringkat peruntukan dan pergerakan dalam peruntukan rosotnilai yang mencerminkan model ECL untuk rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	Peringkat 1 RM'000	Peringkat 2 RM'000	Peringkat 3 RM'000	Jumlah RM'000
2023				
Pada 1 Januari	10,176	414	7,564	18,154
Pemindahan antara peringkat:				
– Pemindahan kepada ECL 12 bulan (Peringkat 1)	960	(234)	(2,392)	(1,666)
– Pemindahan kepada ECL kredit tidak terjejas (Peringkat 2)	(6)	231	(39)	186
– Pemindahan kepada ECL kredit terjejas (Peringkat 3)	(25)	(52)	1,723	1,646
Jumlah pemindahan antara peringkat	929	(55)	(708)	166
Aset kewangan yang dinyahiktiraf sepanjang tahun (selain hapus kira)	(360)	(128)	(4,339)	(4,827)
Penghitungan semula sepanjang tahun disebabkan perubahan dalam risiko kredit	(2,977)	–	(456)	(3,433)
Jumlah dihitung semula	–	–	1,413	1,413
Pada 31 Disember	7,768	231	3,474	11,473
2022				
Pada 1 Januari	14,528	602	11,690	26,820
Pemindahan antara peringkat:				
– Pemindahan kepada ECL 12-bulan (Peringkat 1)	44	(328)	(2,843)	(3,127)
– Pemindahan kepada ECL kredit tidak terjejas (Peringkat 2)	(7)	401	(98)	296
– Pemindahan kepada ECL kredit terjejas (Peringkat 3)	(45)	(28)	3,249	3,176
Jumlah pemindahan antara peringkat	(8)	45	308	345
Aset kewangan yang dinyahiktiraf sepanjang tahun (selain hapus kira)	(552)	(236)	(3,868)	(4,656)
(Penghitungan semula)/peruntukan sepanjang tahun disebabkan perubahan dalam risiko kredit	(3,792)	3	(106)	(3,895)
Jumlah dihapus kira	–	–	(460)	(460)
Pada 31 Disember	10,176	414	7,564	18,154

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

13 ASET GADAI JANJI – ISLAM

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
PWOR	4,387,006	4,884,396

Struktur kematangan aset gadai janji – Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	709,577	733,593
Satu hingga tiga tahun	971,643	989,036
Tiga hingga lima tahun	843,882	894,230
Lebih daripada lima tahun	1,876,197	2,287,235
	4,401,299	4,904,094
Tolak:		
Peruntukan bagi kerugian rosotnilai	(14,293)	(19,698)
	4,387,006	4,884,396

Nilai bawaan kasar aset gadai janji – Islam mengikut peringkat peruntukan adalah seperti berikut:

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan rosotnilai RM'000
2023		
Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	4,382,464	9,808
Peringkat 2 (ECL sepanjang hayat; kredit tidak terjejas)	2,625	270
Peringkat 3 (ECL sepanjang hayat; kredit terjejas)	16,210	4,215
Pada 31 Disember	4,401,299	14,293
Peruntukan rosotnilai ke atas nilai bawaan kasar (%)		0.32

2022

Peringkat 1 (ECL 12 bulan; kredit tidak terjejas)	4,880,385	12,383
Peringkat 2 (ECL sepanjang hayat; kredit tidak terjejas)	1,619	229
Peringkat 3 (ECL sepanjang hayat; kredit terjejas)	22,090	7,086
Pada 31 Disember	4,904,094	19,698
Peruntukan rosotnilai ke atas nilai bawaan kasar (%)		0.40

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

13 ASET GADAI JANJI – ISLAM (SAMBUNGAN)

Peruntukan rosotnilai mengikut peringkat peruntukan dan pergerakan dalam peruntukan rosotnilai yang mencerminkan model ECL untuk rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	Peringkat 1 RM'000	Peringkat 2 RM'000	Peringkat 3 RM'000	Jumlah RM'000
2023				
Pada 1 Januari	12,383	229	7,086	19,698
Pemindahan antara peringkat:				
Kakitangan pengurusan utama	Pihak berkaitan lain
Entiti yang berada di bawah kawalan kakitangan pengurusan utama	Pihak berkaitan lain

BNM dianggap sebagai pihak berkaitan kerana ia mempunyai pengaruh yang besar ke atas Kumpulan dan Syarikat.

Memandangkan BNM mempunyai pengaruh yang besar ke atas Kumpulan dan Syarikat, GOM serta entiti yang dikawal, yang dikawal secara bersama atau yang mana GOM mempunyai pengaruh yang besar ke atasnya, ialah pihak berkaitan Kumpulan dan Syarikat.

Kumpulan telah memeterai pelbagai urus niaga dengan sebahagian besar daripada entiti ini untuk membeli pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi dan aset sewa beli serta pemajakan dan menerbitkan bon serta nota bagi membiayai pembelian tersebut sebagai sebahagian daripada operasinya yang lazim. Kumpulan juga membeli kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan peribadi dan pembiayaan sewa beli yang dibiayai menerusi penerbitan Sukuk.

Kakitangan pengurusan utama ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan Kumpulan dan Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk semua Pengarah Kumpulan pegangannya, anggota pengurusan kanan tertentu serta ahli keluarga terdekat mereka.

Entiti yang berada di bawah kawalan kakitangan pengurusan utama ditakrifkan sebagai entiti yang dikawal atau dipengaruhi dengan ketara, atau yang mana kuasa mengundi yang ketara dalam entiti tersebut dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh kakitangan pengurusan utama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

41 PIHAK BERKAITAN SERTA BAKI DAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Baki dan urus niaga pihak berkaitan penting

Kebanyakan urus niaga yang melibatkan pinjaman gadai janji, pinjaman peribadi, aset sewa beli dan pemajakan serta kemudahan pembiayaan Islam serta penerbitan bon dan nota pembawa tidak bercagar dan Sukuk telah dilaksanakan dengan para pemegang syer Kumpulan. Urus niaga ini telah dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan Kumpulan.

RPS yang dikeluarkan oleh CMBS bagi tujuan pengagihan yuran bonus budi bicara bagi tahun 2005-1 telah ditebus sepenuhnya dan dibatalkan pada 21 Mac 2023. CSRП tidak lagi menjadi pemegang amanah LPPSA apabila Surat Ikatan Pelepasan Surat Ikatan Amanah Tripartite ditandatangani pada hari yang sama.

Berikut ialah urus niaga dan baki pihak berkaitan penting Kumpulan.

	Kumpulan		Syarikat	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
Pihak berkaitan yang lain				
<u>Perbelanjaan:</u>				
Yuran dan elaun Pengarah	1,014	929	-	-
Yuran penyelenggara	1,810	2,057	-	-
<u>Jumlah terhutang kepada:</u>				
Yuran dan elaun Pengarah	-	(11)	-	-
Yuran penyelenggara	(421)	(465)	-	-
Anak syarikat				
<u>Perbelanjaan:</u>				
Yuran pengurusan	-	-	40	46
<u>Jumlah terhutang kepada:</u>				
Yuran pengurusan	-	-	(10)	(13)

Kakitangan pengurusan utama Kumpulan dan Syarikat menerima ganjaran atas perkhidmatan yang diberikan sepanjang tahun kewangan. Jumlah gaji dan manfaat lain pekerja yang telah dibayar kepada kakitangan pengurusan utama Kumpulan adalah sebanyak RM8,503,799 (2022: RM7,563,862).

Jumlah ganjaran yang telah dibayar kepada Para Pengarah dinyatakan dalam Nota 36 kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

42 KOMITMEN MODAL DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKAAN

(a) Komitmen modal

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
<i>Perbelanjaan modal:</i>		
Harta dan kelengkapan dibenarkan dan dikontrakkan	3,943	6,108
Harta dan kelengkapan dibenarkan tetapi tidak dikontrakkan	3,651	3,547
	7,594	9,655
<i>Dianalisis seperti berikut:</i>		
Kelengkapan dan lain-lain	659	1,053
Perkakasan dan perisian komputer	6,935	8,602
	7,594	9,655

(b) Tanggungan luar jangkaan

Pada akhir tahun kewangan ini, jaminan kewangan dan pendedahan Wakalah Kumpulan berjumlah RM1,459,358,521 (2022: RM1,132,011,610).

Liabiliti luar jangka mungkin timbul daripada kemungkinan tuntutan terhadap Kumpulan daripada kegagalan pembayaran balik prinsipal dan faedah beberapa pinjaman yang dilindungi di bawah jaminan dan kontrak Wakalah. Liabiliti luar jangka yang dianggarkan timbul daripada jaminan dan Wakalah masing-masing ialah RM7,761,473 (2022: RM3,070,019) dan RM11,841,525 (2022: RM4,901,750)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*sambungan*)

43 INSTRUMEN KEWANGAN MENGIKUT KATEGORI

	Kumpulan	
	2023 RM'000	2022 RM'000
<u>Aset kewangan</u>		
<i>Aset kewangan pada kos terlunas:</i>		
Tunai dan dana jangka pendek	263,763	374,685
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	782,233	366,205
Bon dan Sukuk korporat	2,286,680	1,817,754
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	19,987,790	17,097,746
Aset pembiayaan Islam	21,426,861	15,482,284
Aset gadai janji		
– Konvensional	3,585,481	4,167,687
– Islam	4,387,006	4,884,396
Aset sewa beli		
– Islam	55	50
Aset kewangan lain	17,627	30,922
	52,737,496	44,221,729
 <i>Aset kewangan pada FVOCI:</i>		
Instrumen hutang	4,783,844	5,452,903
 <i>Aset kewangan pada FVTPL:</i>		
Instrumen kewangan derivatif	207,659	102,583
Aset saraan bercagar	2,147	552
	209,806	103,135
 <u>Liabiliti kewangan</u>		
<i>Liabiliti kewangan pada kos terlunas:</i>		
Pinjaman jangka pendek	648,790	812,339
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	24,954,908	20,414,672
Sukuk	23,278,139	20,135,060
RMBS	371,444	371,444
IRMBS	291,138	291,138
Liabiliti kewangan lain	208,541	230,096
	49,752,960	42,254,749
 <i>Liabiliti kewangan pada FVTPL:</i>		
Instrumen kewangan derivatif	15,161	6,619

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

44 RISIKO KADAR FAEDAH/KEUNTUNGAN

Risiko kadar faedah/keuntungan aliran tunai ialah risiko aliran tunai masa depan instrumen kewangan akan berubah disebabkan perubahan dalam kadar faedah/keuntungan pasaran. Risiko kadar faedah/keuntungan nilai saksama ialah risiko bahawa nilai instrumen kewangan akan berubah disebabkan perubahan dalam kadar faedah/keuntungan pasaran. Kumpulan mengambil pendedahan kesan perubahan dalam kadar faedah pasaran/keuntungan pasaran yang lazim pada nilai saksama dan risiko aliran tunainya. Margin faedah/keuntungan mungkin meningkat akibat daripada perubahan tersebut tetapi boleh mengurangkan atau mencipta kerugian sekiranya timbul pergerakan yang tidak dijangka dalam kadar faedah/keuntungan pasaran.

Bagi tujuan membuat keputusan, Kumpulan menguruskan pendedahan mereka kepada risiko kadar faedah/keuntungan. Kumpulan menetapkan had ke atas kepekaan pendapatan faedah/pendapatan keuntungan bersih yang diunjurkan Kumpulan pada risiko untuk menjangkakan perubahan dalam kadar faedah/keuntungan. Kumpulan juga menjalankan analisis jangka masa sebelum menentukan saiz dan tempoh bon/Sukuk yang akan dikeluarkan untuk memastikan aset dan liabiliti Kumpulan dipadankan dengan had toleransi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Jadual di bawah merumuskan kepekaan instrumen kewangan Kumpulan terhadap pergerakan kadar faedah/keuntungan. Analisis ini adalah berasaskan andaian bahawa faedah/keuntungan akan berubah sebanyak 100 mata asas, dengan semua pemboleh ubah lain dianggap malar.

	Kumpulan			
	+100 mata		-100 mata	
	2023 RM'000	2022 RM'000	2023 RM'000	2022 RM'000
<i>Kesan kepada ekuiti:</i>				
Aset kewangan pada FVOCI	(176,553)	(161,350)	190,996	172,675
Kesan cukai terhadap perkara di atas pada kadar cukai 24%	42,373	38,724	(45,839)	(41,442)
Kesan terhadap dana pemegang syer	(134,180)	(122,626)	145,157	131,233
Sebagai peratusan daripada dana pemegang syer	(1.9%)	(1.8%)	2.0%	1.9%
<i>Kesan kepada penyata pendapatan:</i>				
Pendapatan faedah/keuntungan bersih	9,590	2,284	(9,590)	(2,281)
Kesan cukai pada kadar cukai 24%	(2,302)	(548)	2,302	547
Kesan terhadap pendapatan faedah bersih	7,288	1,736	(7,288)	(1,734)
Sebagai peratusan daripada keuntungan selepas cukai	3.2%	0.8%	(3.2%)	(0.8%)

45 RISIKO KREDIT

46.1 Tumpuan risiko kredit

Rakan niaga Kumpulan kebanyakannya terdiri daripada LPPSA, GOM, institusi kewangan dan individu di Malaysia. Institusi kewangan ditadbir di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (*Financial Services Act 2013*, FSA), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*Islamic Financial Services Act 2013*, IFSA) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (*Development Financial Institution Act 2002*, DFIA) yang tertakluk pada kajian semula secara berkala oleh BNM. Jadual berikut merumuskan pendedahan maksimum Kumpulan terhadap risiko kredit oleh rakan niaga atau pelanggan atau industri yang mereka terlibat pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.1 Tumpuan risiko kredit (sambungan)

Analisis industri berasaskan pengagihan industriinya.

Di luar
penyataan
kedudukan
keuangan

Dalam penyataan kedudukan keuangan

Kumpulan	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Deposit dan penempatan dengan institusi keuangan RM'000	Aset saraan bercagar RM'000	Aset keuangan pada FVOCI RM'000	Aset keuangan pada kos tetunas RM'000	Instrumen keuangan derivatif RM'000	Jumlah terhutang daripada rakan niaga RM'000	Aset pembayaran Islam RM'000	Aset gadai jenji- Konvensional RM'000	Aset gadai janji-Islam RM'000	Aset sewa bell-Islam RM'000	Aset lain RM'000	Jaminan keuangan RM'000	Jumlah RM'000	Di luar penyataan kedudukan keuangan
2023	-	-	-	1,910,880	-	-	-	-	-	-	-	33	-	1,910,913	-
Badan kerajaan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Institusi kewangan:															
- Bank komersial	263,763	782,233	-	481,105	2,286,680	207,669	19,641,216	19,395,481	-	-	-	-	-	43,058,126	-
- Pembangunan Komunikasi, elektrik, gas dan air	-	-	-	778,009	-	-	-	2,011,411	-	-	-	-	-	2,789,420	-
Pengangkutan	-	-	-	524,985	-	-	-	-	-	-	-	-	-	524,985	-
Pengajian	-	-	-	468,582	-	-	-	-	-	-	-	-	-	468,582	-
Perguna Korporat	-	-	-	60,941	-	-	346,585	19,969	-	-	-	-	-	427,485	-
Pembinaan	-	-	-	2,147	-	-	-	-	3,585,481	4,387,006	55	-	1,459,359	9,434,048	-
Syarikat berkaitan Lain-lain	-	-	-	260,148	-	-	-	-	-	-	-	-	-	260,148	-
	-	-	-	116,842	-	-	-	-	-	-	-	-	-	116,842	-
	-	-	-	106,097	-	-	-	-	-	-	-	-	-	106,097	-
	-	-	-	76,255	-	-	-	-	-	-	-	17,019	-	93,274	-
Jumlah	263,763	782,233	2,147	4,783,844	2,286,680	207,669	19,987,790	21,426,861	3,585,481	4,387,006	55	17,052	1,459,359	59,189,930	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.1 Tumpuan risiko kredit (sambungan)

Analisis industri berasaskan pengagihan industrinya (sambungan).

Kumpulan	Dalam penyata kedudukan kewangan										Di luar penyata kedudukan kewangan		
	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan RM'000	Aset saaran bercagar RM'000	Aset kewangan pada FVOCI RM'000	Aset kewangan pada kos tertunas RM'000	Instrumen kewangan derivatif RM'000	Jumlah terhutang daripada rakan niaga RM'000	Aset pembiayaan Islam RM'000	Aset gadaai janiji-Konvensional RM'000	Aset gadaai janiji-Islam RM'000	Aset sewa beli-Islam RM'000	Aset lain RM'000	Jaminan kewangan RM'000
2022	-	-	-	1,763,326	-	-	-	-	-	-	353	-	1,763,679
Badan kerajan institusi kewangan:													
- Bank komersial	374,685	366,205	-	752,571	1,817,754	102,583	16,641,501	-	-	-	-	-	35,036,414
- Pembangunan Komunikasi, elektrik, gas dan air	-	-	-	594,321	-	-	-	501,169	-	-	-	-	1,095,490
Pengangkutan	-	-	-	541,582	-	-	-	-	-	-	-	-	541,582
Pemajaan	-	-	-	696,508	-	-	-	-	-	-	-	-	696,508
Pengguna Korporat	-	-	552	-	-	-	456,245	-	-	-	-	-	456,245
Pembinaan	-	-	-	804,702	-	-	-	4,167,687	4,884,336	50	-	1,132,012	10,184,697
Syarakat berkaitan	-	-	-	203,978	-	-	-	-	-	-	-	-	804,702
Lain-lain	-	-	-	60,758	-	-	-	-	-	-	-	-	203,978
	-	-	-	35,177	-	-	-	-	-	-	29,985	-	60,788
Lain-lain	374,685	366,205	552	5,452,903	1,817,754	102,583	17,097,746	4,167,687	4,884,336	50	30,338	1,132,012	50,909,195

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.2 Jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji dan aset sewa beli, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam

Semua aset gadai janji dan aset gadai janji Islam dikategorikan sebagai:

- tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu; atau
- lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu.

Tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu terdiri daripada aset gadai janji dan aset gadai janji Islam yang tidak lampau tempoh dan dikelaskan di bawah kategori aset kewangan Peringkat 1 dan Peringkat 2.

Lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu terdiri daripada aset gadai janji dan aset gadai janji Islam yang dikelaskan di bawah kategori aset kewangan Peringkat 3. Peruntukan rosotnilai dinilai pada kumpulan aset kewangan yang tidak terjejas secara individu.

Pinjaman risiko kredit terdiri daripada jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji dan aset sewa beli, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam yang tertunggak melebihi 90 hari. Nisbah liputan dikira dengan merujuk pada jumlah peruntukan rosotnilai dan jumlah nilai bawaan (sebelum rosotnilai) pinjaman berisiko kredit.

Kumpulan 2023	Tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu	Lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu*	Jumlah RM'000	Peruntukan rosotnilai RM'000	Jumlah nilai bawaan RM'000	Pinjaman berisiko kredit RM'000	Nisbah liputan %
	RM'000	RM'000					
Jumlah terhutang daripada							
rakan niaga	19,987,815	-	19,987,815	25	19,987,790	-	-
Aset pembiayaan Islam	21,426,957	-	21,426,957	96	21,426,861	-	-
Aset gadai janji:							
– Konvensional	3,586,093	13,361	3,599,454	13,973	3,585,481	13,361	105
– Islam	4,385,089	16,210	4,401,299	14,293	4,387,006	16,210	88
Aset sewa beli:							
– Islam	36	25	61	6	55	25	24
	49,385,990	29,596	49,415,586	28,393	49,387,193	29,596	

* Aset-aset ini telah diperuntukkan di bawah penilaian kolektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.2 Jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji dan aset sewa beli, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam (sambungan)

Kumpulan 2022	Tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu	Lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu*	Jumlah RM'000	Peruntukan rosotnilai RM'000	Jumlah nilai bawaan RM'000	Pinjaman berisiko kredit RM'000	Nisbah liputan %
	RM'000	RM'000					
Jumlah terhutang daripada							
rakan niaga	17,097,762	–	17,097,762	16	17,097,746	–	–
Aset pembiayaan Islam	15,482,377	–	15,482,377	93	15,482,284	–	–
Aset gadai janji:							
– Konvensional	4,162,263	23,578	4,185,841	18,154	4,167,687	23,578	77
– Islam	4,882,004	22,090	4,904,094	19,698	4,884,396	22,090	89
Aset sewa beli:							
– Islam	26	36	62	12	50	36	33
	41,624,432	45,704	41,670,136	37,973	41,632,163	45,704	

* Aset-aset ini telah diperuntukkan di bawah penilaian kolektif.

Jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji dan aset sewa beli, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam sama ada tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu adalah seperti di bawah:

	Kumpulan	
	2023 Kukuh/ Jumlah RM'000	2022 Kukuh/ Jumlah RM'000
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	19,987,815	17,097,762
Aset pembiayaan Islam	21,426,957	15,482,377
Aset gadai janji:		
– Konvensional	3,586,093	4,162,263
– Islam	4,385,089	4,882,004
Aset sewa beli:		
– Islam	36	26
	49,385,990	41,624,432

Jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam Kumpulan telah dikenal pasti dengan kualiti risiko kredit yang kukuh yang mempunyai kemungkinan yang sangat tinggi untuk pemulihan penuh.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.2 Jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji dan aset sewa beli, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam (sambungan)

Analisis usia aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam yang lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu dikemukakan di bawah:

	Kumpulan				Jumlah RM'000
	91 hingga 120 hari RM'000	121 hingga 150 hari RM'000	151 hingga 180 hari RM'000	Lebih 180 hari RM'000	
2023					
Aset gadai janji:					
– Konvensional	1,372	595	780	10,614	13,361
– Islam	1,989	1,356	1,049	11,816	16,210
Aset sewa beli:					
– Islam	–	–	–	25	25
	3,361	1,951	1,829	22,455	29,596
2022					
Aset gadai janji:					
– Konvensional	1,124	1,462	1,557	19,435	23,578
– Islam	1,465	1,123	869	18,633	22,090
Aset sewa beli:					
– Islam	–	–	–	36	36
	2,589	2,585	2,426	38,104	45,704

Bagi tujuan analisis ini, sesebuah aset dianggap telah lampau tempoh dan diambil kira di atas apabila bayaran yang perlu dijelaskan di bawah syarat kontrak yang ketat lewat diterima atau terlepas. Jumlah yang diambil kira adalah sama ada seluruh aset kewangan, bukan sekadar bayaran, bagi nilai prinsipal dan faedah yang lampau tempoh bagi aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam. Hal ini mungkin disebabkan oleh kelewatan pentadbiran di pihak peminjam yang menyebabkan aset menjadi lampau tempoh tetapi tidak terjejas. Justeru, pinjaman dan pendahuluan yang tempoh lampaunya kurang dari 90 hari biasanya tidak dianggap terjejas, melainkan terdapat maklumat lain yang menunjukkan sebaliknya.

Peruntukan rosot nilai ke atas pinjaman ini dikira secara kolektif dan bukannya secara individu kerana ini mencerminkan sifat aset yang seragam, yang membolehkan teknik statistik digunakan, dan bukannya penilaian individu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.2 Jumlah terhutang daripada rakan niaga, aset pembiayaan Islam, aset gadai janji dan aset sewa beli, aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam (sambungan)

Pergerakan dalam peruntukan rosotnilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	Pada 1 Januari RM'000	Penghitungan semula yang dibuat RM'000	Dihapus kira kepada baki prinsipal tertunggak RM'000	Pada 31 Disember RM'000
2023				
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	16	9	-	25
Aset pembiayaan Islam	93	3	-	96
Aset gadai janji:				
– Konvensional	18,154	(5,594)	1,413	13,973
– Islam	19,698	(6,599)	1,194	14,293
Aset sewa beli:				
– Islam	12	(3)	(3)	6
	37,973	(12,184)	2,604	28,393
2022				
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	19	(3)	-	16
Aset pembiayaan Islam	61	32	-	93
Aset gadai janji:				
– Konvensional	26,820	(8,206)	(460)	18,154
– Islam	26,548	(4,901)	(1,949)	19,698
Aset sewa beli:				
– Islam	12	-	-	12
	53,460	(13,078)	(2,409)	37,973

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*sambungan*)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.3 Kualiti kredit

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan kredit secara berperingkat serta nilai peruntukan terjejas:

	Kumpulan					Peruntukan rosotnilai RM'000
	GOM RM'000	AAA RM'000	AA1 hingga AA2/ AA+ hingga AA RM'000	Tiada penarafan RM'000	Jumlah RM'000	
2023						
Aset kewangan pada FVOCI						
– Peringkat 1	2,100,819	1,720,716	962,309	–	4,783,844	455
Jumlah terhutang daripada rakan niaga						
– Peringkat 1	–	6,914,909	13,072,881	–	19,987,790	25
Aset pembiayaan Islam						
– Peringkat 1	–	6,463,673	14,943,219	19,969	21,426,861	96
Aset gadai janji						
– Peringkat 1	–	–	–	3,584,385	3,584,385	10,268
– Peringkat 2	–	–	–	1,708	1,708	231
– Peringkat 3	–	–	–	13,361	13,361	3,474
	–	–	–	3,599,454	3,599,454	13,973
Aset gadai janji Islam						
– Peringkat 1	–	–	–	4,382,464	4,382,464	9,808
– Peringkat 2	–	–	–	2,625	2,625	270
– Peringkat 3	–	–	–	16,210	16,210	4,215
	–	–	–	4,401,299	4,401,299	14,293

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.3 Kualiti kredit (sambungan)

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan kredit secara berperingkat serta nilai peruntukan terjejas (sambungan):

	Kumpulan					Peruntukan rosot nilai RM'000
	GOM RM'000	AAA RM'000	AA1 hingga AA2/ AA+ hingga AA RM'000	Tiada penarafan RM'000	Jumlah RM'000	
2023						
Aset sewa beli Islam						
– Peringkat 1	-	-	-	36	36	-
– Peringkat 3	-	-	-	25	25	6
	-	-	-	61	61	6
Pendedahan jaminan						
– Peringkat 1	-	-	-	214,918	214,918	1,453
– Peringkat 2	-	-	-	13,754	13,754	8,539
– Peringkat 3	-	-	-	7,761	7,761	7,761
	-	-	-	236,433	236,433	17,753
Pendedahan Wakalah						
– Peringkat 1	-	-	-	1,176,318	1,176,318	6,046
– Peringkat 2	-	-	-	34,767	34,767	20,618
– Peringkat 3	-	-	-	11,841	11,841	11,841
	-	-	-	1,222,926	1,222,926	38,505

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.3 Kualiti kredit (sambungan)

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan kredit secara berperingkat serta nilai peruntukan terjejas:

	Kumpulan					Peruntukan rosotnilai RM'000
	GOM RM'000	AAA RM'000	AA1 hingga AA2/ AA+ hingga AA RM'000	Tiada penarafan RM'000	Jumlah RM'000	
2022						
Aset kewangan pada FVOCI						
– Peringkat 1	2,540,508	1,970,051	942,344	–	5,452,903	415
Jumlah terhutang daripada rakan niaga						
– Peringkat 1	–	5,179,833	11,917,913	–	17,097,746	16
Aset pembiayaan Islam						
– Peringkat 1	–	2,561,055	12,921,229	–	15,482,284	93
Aset gadai janji						
– Peringkat 1	–	–	–	4,159,796	4,159,796	10,176
– Peringkat 2	–	–	–	2,467	2,467	414
– Peringkat 3	–	–	–	23,578	23,578	7,564
	–	–	–	4,185,841	4,185,841	18,154
Aset gadai janji Islam						
– Peringkat 1	–	–	–	4,880,385	4,880,385	12,383
– Peringkat 2	–	–	–	1,619	1,619	229
– Peringkat 3	–	–	–	22,090	22,090	7,086
	–	–	–	4,904,094	4,904,094	19,698

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.3 Kualiti kredit (sambungan)

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan kredit secara berperingkat serta nilai peruntukan terjejas (sambungan):

	Kumpulan					Peruntukan rosotnilai RM'000
	GOM RM'000	AAA RM'000	AA1 hingga AA2/ AA+ hingga AA RM'000	Tiada penarafan RM'000	Jumlah RM'000	
2022						
Aset kewangan pada FVOCI						
– Peringkat 1	–	–	–	26	26	–
– Peringkat 3	–	–	–	36	36	12
	–	–	–	62	62	12
Pendedahan jaminan						
– Peringkat 1	–	–	–	173,234	173,234	887
– Peringkat 2	–	–	–	7,541	7,541	4,603
– Peringkat 3	–	–	–	3,070	3,070	3,070
	–	–	–	183,845	183,845	8,560
Pendedahan Wakalah						
– Peringkat 1	–	–	–	926,313	926,313	3,822
– Peringkat 2	–	–	–	16,953	16,953	9,928
– Peringkat 3	–	–	–	4,901	4,901	4,901
	–	–	–	948,167	948,167	18,651

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

45 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

45.4 Mitigasi risiko kredit

Kumpulan memegang hartanah yang dibiaya oleh aset gadai janji sebagai cagaran. Cagaran bagi aset kewangan yang dianggap mengalami rosotnilai kredit dipantau secara teliti kerana kemungkinan besar Kumpulan akan mengambil alih cagaran tersebut untuk memitigasi kemungkinan kerugian kredit.

Aset kewangan dan cagaran berkaitan yang dipegang untuk memitigasi kemungkinan kerugian adalah seperti di bawah:

	Nilai bawaan kasar RM'000	Peruntukan rosotnilai RM'000	Nilai bawaan bersih RM'000	Nilai saksama cagaran dipegang RM'000
2023				
Aset gadai janji				
– Konvensional	3,599,454	(13,973)	3,585,481	23,886,855
– Islam	4,401,299	(14,293)	4,387,006	19,055,213
	8,000,753	(28,266)	7,972,487	42,942,068
2022				
Aset gadai janji				
– Konvensional	4,185,841	(18,154)	4,167,687	24,482,103
– Islam	4,904,094	(19,698)	4,884,396	18,358,036
	9,089,935	(37,852)	9,052,083	42,840,139

45.5 Pengimbangan instrumen kewangan

Liabiliti kewangan berikut tertakluk pada pengimbangan, pengaturan jaringan utama dan perjanjian yang sama:

	Kumpulan		
	Jumlah kasar RM'000	Jumlah berkaitan yang tidak diimbangi RM'000	Jumlah bersih RM'000
2023			
Aset kewangan derivatif	207,659	–	207,659
Liabiliti kewangan derivatif	15,161	–	15,161
2022			
Aset kewangan derivatif	102,583	–	102,583
Liabiliti kewangan derivatif	6,619	–	6,619

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

46 RISIKO KECAIRAN

46.1 Pendekatan pembiayaan

Sumber kecairan dikaji dari semasa ke semasa bagi mengekalkan kepelbagaian yang meluas dalam portfolio hutang. Hal ini melibatkan pengurusan akses pasaran bagi memperluas sumber pembiayaan untuk mengelakkan kebergantungan berlebihan pada sumber pembiayaan tunggal serta meminimumkan kos pembiayaan.

46.2 Kelompok kecairan

Kelompok kecairan Kumpulan terdiri daripada tunai dan aset tak dihalang berikut:

Kumpulan	Tunai dan	Deposit dan	Aset	Aset	Instrumen	Aset	Aset	Jumlah	Aset	Kecairan	Aset	Jumlah
	dana jangka pendek	penempatan dengan institusi kewangan	kewangan pada FVOCI	kewangan pada kos terlunas	kewangan derivatif	gadai janji	gadai janji Islam	terhutang daripada rakan niaga	pembiayaan Islam	sedia ada lain	saraan bercagar	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
2023	263,763	782,233	4,783,844	2,286,680	207,659	3,585,481	4,387,006	19,987,790	21,426,861	17,107	2,147	57,730,571
2022	374,685	366,205	5,452,903	1,817,754	102,583	4,167,687	4,884,396	17,097,746	15,482,284	30,388	552	49,777,183

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

46 RISIKO KECAIRAN (SAMBUNGAN)

46.3 Kematangan berkontrak liabiliti kewangan

Jadual di bawah menunjukkan aliran tunai yang perlu dibayar oleh Kumpulan di bawah liabiliti kewangan dan aset dipegang untuk pengurusan risiko kecairan mengikut baki tempoh matang kontrak pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jumlah yang dinyatakan dalam jadual ialah aliran tunai kontrak yang tidak didiskaunkan, manakala Kumpulan menguruskan risiko kecairan berdasarkan asas yang berbeza.

	Kumpulan					Jumlah RM'000
	Atas permintaan sehingga sebulan RM'000	Satu hingga tiga bulan RM'000	Tiga hingga dua belas bulan RM'000	Satu hingga lima tahun RM'000	Lebih lima tahun RM'000	
2023						
<u>Liabiliti kewangan</u>						
Pinjaman jangka pendek	-	194,236	-	433,618	-	627,854
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	100,605	3,600,221	6,878,311	15,504,741	1,027,660	27,111,538
Sukuk	49,261	432,377	6,940,787	16,909,352	1,299,941	25,631,718
RMBS	-	5,256	15,824	400,316	-	421,396
IRMBS	-	3,172	9,448	321,379	-	333,999
Kontrak jaminan kewangan belum tamat tempoh	1,459,359	-	-	-	-	1,459,359
Liabiliti kewangan lain	205,978	2,534	-	-	-	208,512
	1,815,203	4,237,796	13,844,370	33,569,406	2,327,601	55,794,376
<u>Aset dipegang untuk pengurusan risiko kecairan</u>						
	455,614	1,636,336	14,386,261	33,053,692	6,144,988	55,676,891
2022						
<u>Liabiliti kewangan</u>						
Pinjaman jangka pendek	-	817,730	-	-	-	817,730
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	33,979	91,755	8,078,904	13,003,328	1,432,402	22,640,368
Sukuk	20,461	172,916	6,893,835	12,957,341	2,214,080	22,258,633
RMBS	-	5,256	15,766	421,396	-	442,418
IRMBS	-	3,138	9,448	333,999	-	346,585
Kontrak jaminan kewangan belum tamat tempoh	1,132,012	-	-	-	-	1,132,012
Liabiliti kewangan lain	193,063	2,828	-	-	-	195,891
	1,379,515	1,093,623	14,997,953	26,716,064	3,646,482	47,833,637
<u>Aset dipegang untuk pengurusan risiko kecairan</u>						
	658,649	1,597,277	14,734,988	32,305,300	6,216,979	55,513,193

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

46 RISIKO KECAIRAN (SAMBUNGAN)

46.4 Liabiliti derivatif

Derivatif Kumpulan terdiri daripada IRS, IPRS, CCS dan ICCS yang dipegang oleh sebuah anak syarikat, Cagamas, yang mana aliran tunai bersih ditukar untuk tujuan lindung nilai.

Jadual berikut menganalisis liabiliti kewangan derivatif anak syarikat kepada kelompok kematangan yang berkaitan berdasarkan baki tempoh kematangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan berbanding tarikh kematangan berkontrak. Kematangan berkontrak dianggap penting bagi memahami semua derivatif. Jumlah yang dinyatakan dalam jadual di bawah merupakan aliran tunai berkontrak yang tidak didiskaunkan.

	Kumpulan					Jumlah RM'000
	Atas permintaan sehingga sebulan RM'000	Satu hingga tiga bulan RM'000	Tiga hingga dua belas bulan RM'000	Satu hingga lima tahun RM'000	Lebih lima tahun RM'000	
2023						
<u>Derivatif diselesaikan pada asas bersih</u>						
Derivatif yang ditetapkan untuk lindung nilai:						
IRS/IPRS	28	(4,258)	3,636	5,732	9,865	14,947
<u>Derivatif diselesaikan pada asas kasar</u>						
Derivatif yang ditetapkan untuk lindung nilai:						
CCS/ICCS						
– Aliran keluar	–	(1,546,315)	(2,741,675)	(1,155,848)	–	(5,443,838)
– Aliran masuk	–	1,673,404	2,773,377	1,191,808	–	5,638,589
2022						
<u>Derivatif diselesaikan pada asas bersih</u>						
Derivatif yang ditetapkan untuk lindung nilai:						
IRS/IPRS	2,337	(6,432)	15,405	3,669	14,863	29,842
<u>Derivatif diselesaikan pada asas kasar</u>						
Derivatif yang ditetapkan untuk lindung nilai:						
CCS/ICCS						
– Aliran keluar	–	(28,186)	(2,768,540)	(312,592)	–	(3,109,318)
– Aliran masuk	–	33,394	2,845,680	331,552	–	3,210,626

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

47 RISIKO PERTUKARAN MATA WANG ASING

Kumpulan terdedah kepada kadar pertukaran mata wang asing bagi bon dan nota pembawa tidak bercagar dan Sukuk dalam mata wang selain mata wang fungsian Kumpulan.

Kumpulan melindungi nilai semua bon dan nota pembawa tidak bercagar serta Sukuk yang dipegang dalam mata wang asing. Kumpulan mengambil pendedahan minimum kepada kesan perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing yang digunakan pada kedudukan kewangan dan aliran tunai. Kumpulan menguruskan pendedahannya melalui kontrak-kontrak derivatif.

47.1 Pendedahan kepada risiko mata wang asing

	Kumpulan		
	HKD RM'000	USD RM'000	SGD RM'000
2023			
Instrumen kewangan derivatif	489,854	–	4,987,578
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	489,906	–	4,983,658
2022			
Instrumen kewangan derivatif	–	429,517	2,680,156
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	–	440,873	2,694,205

47.2 Analisis kepekaan risiko mata wang

Kejatuhan 1% pada Ringgit Malaysia berbanding mata wang berikut pada tarikh penyata kedudukan kewangan akan meningkatkan ekuiti dan keuntungan bagi tahun kewangan seperti yang diringkaskan dalam jadual di bawah:

	Kumpulan			
	2023		2022	
	Ekuiti RM'000	Keuntungan RM'000	Ekuiti RM'000	Keuntungan RM'000
USD	–	–	–	–
HKD	–	–	–	–
SGD	29	1	29	1
	29	1	29	1

Analisis kepekaan berikut adalah berdasarkan perbezaan kadar pertukaran mata wang asing yang dianggap munasabah oleh Kumpulan pada akhir tempoh laporan ini. Analisis kepekaan mengandaikan bahawa kesemua pemboleh ubah lain, khususnya kadar faedah/keuntungan, kekal malar dan mengabaikan apa-apa kesan CCS/ICCS.

Pergerakan kadar semerta mata wang asing yang didenominasikan untuk bon dan nota pembawa tidak bercagar, Sukuk dan CCS/ICCS tidak ditunjukkan kerana ia mengimbangi satu sama lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(sambungan)*

48 NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN

48.1 Nilai saksama instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama

Instrumen kewangan terdiri daripada aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen kewangan di luar penyata kedudukan kewangan. Nilai saksama ialah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusan niaga yang teratur dalam kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Maklumat yang dikemukakan ini merupakan anggaran nilai saksama pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Nilai muka aset kewangan (tolak apa-apa anggaran pelarasan kredit) dan liabiliti kewangan dengan tempoh matang kurang daripada satu tahun diandaikan menghampiri nilai saksamanya.

Jika ada, harga pasaran yang disebut harga dan boleh diperhatikan digunakan sebagai pengukur nilai saksama. Jika nilai pasaran yang disebut harga dan boleh diperhatikan tiada, nilai saksama dianggar berdasarkan beberapa kaedah dan andaian berkaitan ciri-ciri risiko bagi pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai masa depan dan faktor lain. Perubahan dalam andaian boleh memberi kesan ketara kepada anggaran tersebut serta nilai saksama yang berkaitan.

Instrumen kewangan derivatif menjadi memuaskan (aset) atau tidak memuaskan (liabiliti) disebabkan oleh perubahan kadar faedah/keuntungan pasaran yang relatif dengan syarat instrumen tersebut. Tahap apabila instrumen adalah memuaskan atau tidak memuaskan dan agregat nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan derivatif boleh berubah dengan ketara dari semasa ke semasa.

Nilai saksama bagi aset kewangan pada FVTPL dan FVOCI diperoleh daripada sebut harga indikatif pasaran atau harga pasaran boleh diperhatikan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Nilai saksama anggaran bagi IRS, IPRS, CCS dan ICCS adalah berasaskan anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun menggunakan kadar faedah/keuntungan pasaran, dengan mengambil kira kesan pendedahan bersih entiti tersebut terhadap risiko kredit rakan niaga pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Jadual di bawah menganalisis instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama, menggunakan kaedah penilaian. Tahap yang berbeza telah ditakrifkan seperti berikut:

- Tahap 1: Harga sebutan (tidak dilaras) dalam pasaran aktif untuk aset dan liabiliti yang serupa.
- Tahap 2: Input selain harga sebutan yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan untuk aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga).
- Tahap 3: Input untuk aset atau liabiliti yang tidak berasaskan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

48 NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

48.1 Nilai saksama instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama (sambungan)

	Kumpulan			
	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2023				
<u>Aset</u>				
Aset kewangan pada FVOCI	-	4,783,844	-	4,783,844
Instrumen kewangan derivatif	-	207,659	-	207,659
<u>Liabiliti</u>				
Instrumen kewangan derivatif	-	15,161	-	15,161
2022				
<u>Aset</u>				
Aset kewangan pada FVOCI	-	5,452,903	-	5,452,903
Instrumen kewangan derivatif	-	102,583	-	102,583
<u>Liabiliti</u>				
Instrumen kewangan derivatif	-	6,619	-	6,619

48.2 Nilai saksama instrumen kewangan yang dibawa pada nilai selain nilai saksama

Kaedah dan andaian berikut telah digunakan untuk menganggar nilai saksama instrumen kewangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan:

(a) *Tunai dan dana jangka pendek serta deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen*

Jumlah bawaan bagi tunai dan dana jangka pendek serta deposit dan penempatan dengan institusi kewangan digunakan sebagai anggaran munasabah untuk nilai saksama memandangkan tempoh matang adalah kurang atau bersamaan dengan sebulan.

(b) *Aset kewangan lain*

Aset kewangan lain merangkumi penghutang lain dan deposit. Nilai saksama aset kewangan yang lain dianggarkan pada nilai bawaan disebabkan tempoh pegangan yang pendek iaitu kurang daripada setahun.

(c) *Liabiliti kewangan lain*

Liabiliti kewangan lain merangkumi pemiutang dan akruan. Nilai saksama liabiliti kewangan lain dianggarkan pada nilai bawaan disebabkan tempoh pegangan yang pendek iaitu kurang daripada setahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

48 NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

48.2 Nilai saksama instrumen kewangan yang dibawa pada nilai selain nilai saksama (sambungan)

Anggaran nilai saksama bagi instrumen kewangan Kumpulan hampir menyamai nilai bawaannya dalam penyata kedudukan kewangan melainkan bagi perkara berikut:

	Kumpulan			
	2023		2022	
	Nilai bawaan RM'000	Nilai saksama RM'000	Nilai bawaan RM'000	Nilai saksama RM'000
<u>Aset kewangan</u>				
Aset kewangan pada kos terlunas	2,286,680	2,312,107	1,817,754	1,767,949
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	19,987,790	20,210,096	17,097,746	17,150,880
Aset pembiayaan Islam	21,426,861	21,635,189	15,482,284	15,450,301
Aset gadai janji:				
– Konvensional	3,585,481	3,946,159	4,167,687	4,368,064
– Islam	4,387,006	4,852,980	4,884,396	5,263,356
Aset sewa beli:				
– Islam	55	62	50	62
	51,673,873	52,956,593	43,449,917	44,000,612
<u>Liabiliti kewangan</u>				
Pinjaman jangka pendek	648,790	648,790	812,339	812,339
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	24,954,908	25,134,180	20,414,672	19,033,752
Sukuk	23,278,139	23,431,049	20,135,060	18,841,467
RMBS	371,444	385,495	371,444	385,495
IRMBS	291,138	289,611	291,138	289,611
	49,544,419	49,889,125	42,024,653	39,362,664

Nilai saksama aset kewangan pada kos terlunas adalah berdasarkan harga pasaran yang boleh diperhatikan, dan oleh itu berada pada Tahap 2 dalam hierarki nilai saksama.

Nilai saksama portfolio aset kadar tetap bagi jumlah terhutang daripada rakan niaga adalah berdasarkan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pasaran semasa bagi pinjaman dengan risiko kredit dan kematangan yang sama pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dan oleh itu berada pada Tahap 3 dalam hierarki nilai saksama. Nilai saksama bagi portfolio aset kadar terapung bagi jumlah terhutang kepada rakan niaga adalah berdasarkan nilai bawaannya memandangkan tarikh penetapan semula harga portfolio aset kadar terapung tidak melebihi 6 bulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*sambungan*)

48 NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

48.2 Nilai saksama instrumen kewangan yang dibawa pada nilai selain nilai saksama (*sambungan*)

Nilai saksama aset pembiayaan Islam adalah berdasarkan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pasaran semasa pembiayaan dengan risiko kredit dan tempoh kematangan yang sama pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dan oleh itu berada pada Tahap 3 dalam hierarki nilai saksama.

Nilai saksama aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam diperoleh dengan menggunakan nilai kini aliran tunai masa depan yang didiskaunkan berdasarkan hasil matang aset gadai janji dan aset sewa beli/aset gadai janji Islam dan aset sewa beli Islam pada tarikh penyata kedudukan kewangan, dan oleh itu berada pada Tahap 3 dalam hierarki nilai saksama.

Nilai saksama pinjaman jangka pendek dianggarkan pada nilai bawaannya disebabkan tempoh pendek yang kurang daripada satu tahun.

Nilai saksama bon dan nota pembawa tidak bercagar dan Sukuk adalah berdasarkan harga pasaran yang boleh diperhatikan, dan oleh itu berada pada Tahap 2 dalam hierarki nilai saksama.

49 LAPORAN SEGMENT

Ketua Pegawai Eksekutif (ketua pembuat keputusan operasi) Cagamas membuat keputusan strategik dan peruntukan sumber secara berpusat bagi pihak Kumpulan. Kumpulan telah menentukan segmen operasi berikut berdasarkan laporan yang disemak oleh ketua pembuat keputusan operasi dalam membuat keputusan strategik beliau:

(a) *PWR*

Di bawah skim PWR, Kumpulan membeli aset gadai janji, pinjaman peribadi, aset sewa beli dan pemajakan serta kemudahan pembiayaan Islam seperti pembiayaan rumah, pembiayaan sewa beli dan pembiayaan peribadi daripada pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Kumpulan. Pinjaman dan pembiayaan diperoleh dengan rekursa kepada pemberi pinjaman utama sekiranya pinjaman dan pembiayaan gagal mematuhi kriteria kelayakan berhemat yang telah dipersetujui.

(b) *PWOR*

Di bawah skim PWOR, Kumpulan membeli aset gadai janji dan aset sewa beli daripada rakan niaga berdasarkan baki tempoh tidak bersyarat bagi setiap aset yang dibeli. Pembelian dibuat tanpa rekursa kepada rakan niaga, selain jaminan tertentu yang diberi oleh penjual berhubung kualiti aset tersebut.

(c) *Perbendaharaan*

Di bawah Perbendaharaan, Kumpulan dan Syarikat mengurus dan melabur lebihan aliran tunai dalam aktiviti berkaitan perbendaharaan yang diluluskan. Pendapatan terdiri daripada faedah/keuntungan dan keuntungan atas penghargaannya dalam nilai pelaburan.

(d) *Jaminan gadai janji*

Di bawah skim jaminan gadai janji, Kumpulan memperolehi pendapatannya melalui pemberian perlindungan jaminan kewangan dengan mengenakan yuran. Yuran jaminan dan Wakalah pendahuluan yang diterima daripada kontrak jaminan kewangan ditunda dan dilunaskan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh kontrak jaminan.

Dalam setiap segmen laporan, pendapatan diperoleh dengan mendapatkan pelaburan yang memaksimumkan pulangan. Pulangan ini terdiri daripada faedah/keuntungan atas kenaikan nilai pelaburan.

Tiada apa-apa perubahan dalam segmen laporan sepanjang tahun kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

49 LAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

	Kumpulan					
	PWR RM'000	PWOR RM'000	Perbendaharaan RM'000	Jaminan gadai janji RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
2023						
Pendapatan luar	1,461,903	521,608	233,305	28,131	91,032	2,335,979
Perbelanjaan faedah/keuntungan luar	(1,402,319)	(335,240)	(255)	6,144	(81,060)	(1,812,730)
Hasil segmen (Pendapatan bersih operasi)	59,584	186,368	233,050	34,275	9,972	523,249
Keuntungan sebelum cukai dan zakat						447,814
Cukai						(114,600)
Zakat						(3,104)
Keuntungan selepas cukai dan zakat						330,110
Aset segmen	41,424,507	8,719,821	4,439,466	714,868	2,543,477	57,842,139
Liabiliti segmen	41,425,961	5,870,569	648,790	292,733	2,455,397	50,693,450
Maklumat lain:						
Perbelanjaan modal	2,764	461	197	-	170	3,592
Susut nilai dan pelunasan	5,443	907	389	-	334	7,073

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

49 LAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

	Kumpulan					Jumlah RM'000
	PWR RM'000	PWOR RM'000	Perbendaharaan RM'000	Jaminan gadai janji RM'000	Lain-lain RM'000	
2022						
Pendapatan luar	951,283	592,182	206,269	26,783	53,750	1,830,267
Perbelanjaan faedah/keuntungan luar	(908,248)	(365,678)	(14)	(173)	(48,108)	(1,322,221)
Hasil segmen (Pendapatan bersih operasi)	43,035	226,504	206,255	26,610	5,642	508,046
Hasil segmen (Pendapatan bersih operasi)						446,251
Cukai						(107,598)
Zakat						(3,275)
Keuntungan selepas cukai dan zakat						335,378
Aset segmen	32,604,535	9,438,938	5,745,239	126,587	2,035,460	49,950,759
Liabiliti segmen	29,772,297	9,847,511	812,339	226,728	2,504,378	43,163,253
Maklumat lain:						
Perbelanjaan modal	3,409	806	396	–	213	4,824
Susut nilai dan pelunasan	5,379	1,272	625	–	336	7,612

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

50 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI KUMPULAN

ASET DAN LIABILITI

	Syarikat, Cagamas, CMGP dan CSME* RM'000	CMBS RM'000	CSRP RM'000	Pelarasan penyatuan RM'000	Jumlah RM'000
2023					
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	181,379	54,502	27,882	-	263,763
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	88,361	687,854	6,018	-	782,233
Aset kewangan pada FVOCI	2,690,061	1,482,100	611,683	-	4,783,844
Aset kewangan pada kos terlunas	2,286,680	-	-	-	2,286,680
Instrumen kewangan derivatif	207,659	-	-	-	207,659
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	19,987,790	-	-	-	19,987,790
Aset pembiayaan Islam	21,426,861	-	-	-	21,426,861
Aset gadai janji:					
– Konvensional	3,021,850	563,631	-	-	3,585,481
– Islam	3,881,528	505,478	-	-	4,387,006
Aset sewa beli:					
– Islam	55	-	-	-	55
Aset saraan bercagar	2,147	-	-	-	2,147
Aset lain	20,476	-	-	(575)	19,901
Cukai boleh diperolehi semula	6	-	-	-	6
Cukai tertunda	-	-	69,285	13,501	82,786
Pelaburan dalam anak syarikat	4,281,628	-	-	(4,281,628)	-
Harta dan kelengkapan	1,947	-	-	-	1,947
Aset tak ketara	16,804	-	-	-	16,804
Aset dengan hak penggunaan	7,176	-	-	-	7,176
Jumlah terhutang daripada pihak berkaitan	586	-	-	(586)	-
JUMLAH ASET	58,102,994	3,293,565	714,868	(4,269,288)	57,842,139
LIABILITI					
Pinjaman jangka pendek	648,790	-	-	-	648,790
Instrumen kewangan derivatif	15,161	-	-	-	15,161
Liabiliti lain	150,420	644	57,490	(1,196)	207,358
Liabiliti pajakan	9,308	-	-	-	9,308
Peruntukan cukai	10,205	5,238	3,213	-	18,656
Cukai tertunda	198,373	454,644	242	13,501	666,760
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	24,954,908	-	-	-	24,954,908
Sukuk	23,278,139	-	-	-	23,278,139
RMBS	-	371,444	-	-	371,444
IRMBS	-	291,138	-	-	291,138
Pendapatan yuran jaminan tertunda	-	-	35,785	-	35,785
Pendapatan yuran Wakalah tertunda	-	-	196,003	-	196,003
JUMLAH LIABILITI	49,265,304	1,123,108	292,733	12,305	50,693,450

* Jumlah aset CMGP dan CSME ialah sifar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

50 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI KUMPULAN (SAMBUNGAN)

ASET DAN LIABILITI (SAMBUNGAN)

	Syarikat, Cagamas, CMGP dan CSME* RM'000	CMBS RM'000	CSRP RM'000	Pelarasan penyatuan RM'000	Jumlah RM'000
2022					
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	162,167	146,121	66,397	–	374,685
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	132,570	226,623	7,012	–	366,205
Aset kewangan pada FVOCI	3,493,471	1,461,435	497,997	–	5,452,903
Aset kewangan pada kos terlunas	1,817,754	–	–	–	1,817,754
Instrumen kewangan derivatif	102,583	–	–	–	102,583
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	17,097,746	–	–	–	17,097,746
Aset pembiayaan Islam	15,482,284	–	–	–	15,482,284
Aset gadai janji:					
– Konvensional	3,426,761	740,926	–	–	4,167,687
– Islam	4,275,424	608,972	–	–	4,884,396
Aset sewa beli:					
– Islam	50	–	–	–	50
Aset saraan bercagar	552	–	–	–	552
Aset lain	33,261	–	–	(584)	32,677
Cukai boleh diperolehi semula	51,508	–	–	–	51,508
Cukai tertunda	–	3,542	53,178	33,580	90,300
Pelaburan dalam anak syarikat	4,281,628	–	–	(4,281,628)	–
Harta dan kelengkapan	1,459	–	–	–	1,459
Aset tak ketara	18,586	–	–	–	18,586
Aset dengan hak penggunaan	9,384	–	–	–	9,384
Jumlah terhutang daripada pihak berkaitan	378	–	–	(378)	–
JUMLAH ASET	50,387,566	3,187,619	624,584	(4,249,010)	49,950,759
LIABILITI					
Pinjaman jangka pendek	812,339	–	–	–	812,339
Instrumen kewangan derivatif	6,619	–	–	–	6,619
Liabiliti lain	201,384	433	28,356	(997)	229,176
Liabiliti pajakan	11,384	–	–	–	11,384
Peruntukan cukai	–	4,051	8,605	–	12,656
Cukai tertunda	213,063	442,355	27	33,580	689,025
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	20,414,672	–	–	–	20,414,672
Sukuk	20,135,060	–	–	–	20,135,060
RMBS	–	371,444	–	–	371,444
IRMBS	–	291,138	–	–	291,138
Pendapatan yuran jaminan tertunda	–	–	30,033	–	30,033
Tahap kesanggupan menerima risiko adalah tahap toleransi risiko yang boleh diterima bagi setiap kategori risiko penting dan parameter lain yang berkaitan dalam mencapai objektif perniagaan Cagamas. Ia tidak bertujuan untuk mencegah pengambilan risiko. Sebaliknya, ia memastikan risiko yang diambil oleh Cagamas adalah bersesuaian dengan strategi perniagaan yang dipilih.

Penilaian dan Kuantifikasi Risiko Ketara

Komponen ini melibatkan analisis semua risiko yang dialami dalam aktiviti perniagaan dan mengiktiraf risiko yang Cagamas terdedah pada masa depan. Ini termasuk risiko yang boleh diukur dan tidak boleh diukur. Risiko dikumpulkan untuk menentukan risiko keseluruhan Cagamas di bawah ICAAP, termasuk penilaian kesan tekanan pada sasaran Nisbah Jumlah Modal dalaman.

Ujian Tekanan

Ujian tekanan yang rapi dan berpandangan ke hadapan merupakan sebahagian yang penting di dalam ICAAP, membolehkan Cagamas menilai kesan kepada kecukupan modal yang timbul daripada peristiwa buruk atau perubahan dalam keadaan pasaran. Ujian tekanan lanjut akan membolehkan Cagamas menilai kelemahan penyata kedudukan kewangan dan daya tahan rancangan kewangannya terhadap peristiwa tekanan melampau tetapi munasabah.

Bagi memastikan keberkesanan keputusan ujian tekanan, pelbagai senario diambil kira termasuk sekurang-kurangnya satu senario kelemahan ekonomi yang teruk tetapi munasabah, seperti kemelesetan ekonomi yang teruk dan/atau satu kejutan kecairan bagi keseluruhan sistem. Tekanan ini akan merangkumi seluruh syarikat yang meliputi semua bidang risiko yang berkaitan dan entiti penting. Keputusan ujian tekanan dibincangkan oleh MEC dan dilaporkan kepada BRC dan Lembaga Pengarah.

Pengurusan Modal

Pengukuran modal sedia ada dan instrumen modal Cagamas diperincikan dalam Rangka Kerja Pengurusan Modal. Komponen yang dipertimbangkan dalam modal sedia ada dikaji semula atau dipertingkatkan apabila perlu bagi memastikan kesesuaian.

Kajian Bebas

Satu kajian ICAAP secara bebas akan dilakukan untuk mengkaji semula proses dan sistem untuk menilai pelbagai risiko yang terdedah oleh Cagamas dan untuk mengaitkan risiko-risiko dengan tahap modal. Skopnya termasuk kajian semula kesesuaian proses penilaian kecukupan modal dalaman, mengenal pasti risiko utama, kewajaran senario ujian tekanan, kewibawaan, kebolehpayaan mengesah dan kelengkapan input data dan andaian yang digunakan.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT

Risiko kredit boleh didefinisikan sebagai potensi kerugian kewangan berpunca daripada kegagalan pihak peminjam atau rakan niaga mematuhi komitmen kewangan atau kontrak. Risiko kredit dalam Cagamas timbul daripada perniagaan PWR dan PWOR, Penyelesaian Pengurusan Modal (*Capital Management Solution, CMS*), pelaburan dan aktiviti lindung nilai perbendaharaan. Cagamas mengambil risiko kredit yang menepati piawaian penaja jaminan dan memastikan risiko yang diambil setimpal dengan pulangan perniagaan.

Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Kredit

MEC adalah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan pendedahan risiko kredit Cagamas, dengan mengambil pandangan secara proaktif mengenai risiko-risiko bagi penempatan portfolio kredit. MEC yang dipengerusikan oleh Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) juga menyemak rangka kerja pengurusan risiko kredit, profil kredit bagi portfolio yang dianggap penting dan menyesuaikan pengurusan risiko kredit dengan strategi perniagaan.

Unit-unit Perniagaan menjalankan penilaian kredit secara teliti sebelum dikemukakan kepada Jabatan Kredit di bawah RMD. Jabatan Kredit secara bebasnya akan membuat penilaian ke atas pihak rakan niaga dengan mengambil kira keteguhan kewangan dan profil perniagaan sebelum membuat cadangan kepada MEC. Jabatan Kredit bertanggungjawab untuk merangka dasar dan prosedur risiko kredit untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan melaporkan risiko kredit. Had kredit akan diluluskan oleh MEC dalam lingkungan risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Laporan risiko berkala meliputi kualiti portfolio, perubahan penarafan dan tumpuan pendedahan risiko dikemukakan kepada BRC dan Lembaga Pengarah bagi melaksanakan fungsi pengawasan.

Pendekatan Pengurusan Risiko Kredit

Pengurusan risiko kredit meliputi merangka dasar risiko kredit dan manual tatacara di mana proses kredit, kawalan, kuasa memberi kelulusan, penarafan/permarkahan risiko dan proses semakan semula didokumenkan. Piawaian ini meliputi originasi, mengukur dan mendokumentasi kredit serta mengenal pasti masalah, klasifikasi dan langkah-langkah pemulihan.

Risiko kredit diurus melalui penilaian yang menyeluruh ke atas pihak rakan niaga dan peringkat portfolio, mengenakan kriteria kelayakan secara berhemat dan melaksanakan usaha wajar ke atas pinjaman dan pembiayaan yang akan dibeli. Had kredit akan disemak semula secara berkala dan akan ditentukan berdasarkan gabungan daripada penarafan luaran, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Cagamas mempunyai metodologi penarafan kredit dalaman dan Had Kelulusan Kredit Pengurusan, yang menetapkan had kelulusan kredit maksimum oleh MEC.

Semua pendedahan kredit dipantau secara berkala dan sebarang ketidakpatuhan dilaporkan secara bebas kepada pihak pengurusan dan BRC/Lembaga Pengarah untuk tindakan pemulihan. Aktiviti pinjaman dan pembiayaan juga ditentukan oleh dasar kredit dalaman, manual tatacara dan Rangka Tahap Kesanggupan Menerima Risiko yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

Bidang Utama Pendedahan Kredit:

(a) Pembelian Dengan Rekursa (PWR)

Di bawah skim PWR, Cagamas mengambil risiko terhadap rakan niaga seperti risiko kredit di mana institusi yang membeli diberikan akur janji bagi pembelian semula atau menggantikan pinjaman yang tidak layak. Had kredit rakan niaga diberi berdasarkan penarafan dan penilaian kredit dalaman yang komprehensif. Semakan rakan niaga dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan maklumat terkini tentang kedudukan kewangan rakan niaga, kedudukan pasaran, industri dan keadaan ekonomi, serta keperluan perniagaan. Di samping itu, PWR juga diurus dan dipantau melalui had tumpuan yang diwujudkan berasaskan kepada jenis rakan niaga, jenis asset dan penarafan rakan niaga.

(b) Pembelian Tanpa Rekursa (PWOR)

Bagi PWOR, Cagamas menanggung semua risiko kredit pinjaman dan pembiayaan yang dibeli dimana pembelian terhad kepada penjual dan jenis aset yang diluluskan. Pembelian pinjaman ini diuruskan melalui pematuhan kepada kriteria kelayakan yang ketat dan pelaksanaan usaha wajar ke atas portfolio sebelum pembelian. Sebagai langkah untuk mengurangkan risiko kredit, pembelian PWOR mungkin meliputi ciri potongan gaji secara automatik. Portfolio ini akan dipantau melalui had tumpuan berasaskan kepada jenis hartanah dan lokasi.

(c) Penyelesai Pengurusan Modal (CMS), Pelaburan dan Aktiviti Derivatif

Pengurusan risiko kredit yang berlaku daripada pelaburan lebih dana dan aktiviti lindung nilai adalah dilaksanakan melalui penetapan had kredit rakan niaga. Had kredit ini diwujudkan berdasarkan penilaian ke atas kemantapan kredit niaga dan juga tertakluk pada polisi kredit pelaburan yang antaranya menetapkan gred minima pelaburan untuk hutang sekuriti, tempoh maksima dan had penumpuan kredit. Polisi pelaburan ini tertakluk kepada semakan berkala. Pendedahan kredit juga dikawal melalui pemantauan secara bebas dan sebarang ketidakpatuhan had kelulusan akan dilaporkan kepada pengurusan dan BRC/Lembaga Pengarah untuk tindakan pembaikan.

Pendedahan Cagamas ke atas Swap Kadar Faedah (*Interest Rate Swaps*, IRS), Swap Kadar Keuntungan Islam (*Islamic Profit Rate Swaps*, IPRS), Swap Mata Wang Bersilang (*Cross Currency Swaps*, CCS) dan Swap Mata Wang Bersilang Islam (*Islamic Cross Currency Swaps*, ICCS) adalah untuk tujuan perlindungan nilai perbendaharaan sahaja.

5.1 Kawalan Risiko Kredit

Semua had kredit adalah ditetapkan berdasarkan kedudukan kredit rakan niaga, sumber bayaran balik, keupayaan untuk membayar hutang dan keperluan perniagaan.

Di bawah skim PWR, Cagamas menerima jaminan daripada syarikat induk korporat dan institusi rakan niaga bagi mengawal risiko kredit yang tertakluk kepada garis panduan dan dasar dalaman. Pendedahan kredit yang dilindungi oleh penjamin yang layak, adalah berasaskan kepada wajaran risiko yang sesuai kepada penjamin berkenaan. Menurut garis panduan RWCAF BNM, jaminan ini tidak akan dipertimbangkan sekali lagi untuk tujuan kawalan risiko kredit kerana penarafannya sudah mengambil kira jaminan yang diberi oleh syarikat induk rakan niaga tersebut.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.1 Kawalan Risiko Kredit (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan keperluan modal kawal selia minimum untuk risiko kredit:

	Jumlah Pendedahan Sebelum Kawalan Risiko Kredit RM'000	Jumlah Pendedahan Selepas Kawalan Risiko Kredit RM'000	RWA RM'000	Keperluan Modal Minimum Pada 10.5% RM'000
2023				
Kelas Pendedahan Risiko Kredit				
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:				
Kerajaan & bank pusat	1,587,347	1,587,347	15,075	1,583
Bank, institusi kewangan pembangunan & bank pembangunan pelbagai hala	44,407,466	44,407,466	11,057,561	1,161,044
Syarikat korporat & pemajikan	871,584	871,584	209,704	22,019
Aset gadai janji	6,878,986	6,878,986	766,489	80,481
Aset sewaan beli	30	30	4	-
Aset saraan bercagar	2,147	2,147	751	79
Aset-aset lain	46,949	46,949	46,949	4,930
Pendedahan ingkar	24,417	24,417	79,355	8,332
Jumlah	53,818,926	53,818,926	12,175,888	1,278,468
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:				
Instrumen kewangan derivatif	414,540	414,540	41,376	4,344
Jumlah Pendedahan Kredit	54,233,466	54,233,466	12,217,264	1,282,812
2022				
Kelas Pendedahan Risiko Kredit				
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:				
Kerajaan & bank pusat	1,953,553	1,953,553	-	-
Bank, institusi kewangan pembangunan & bank pembangunan pelbagai hala	35,147,296	35,147,296	8,943,333	939,050
Syarikat korporat & pemajikan	1,238,148	1,238,148	270,150	28,366
Aset gadai janji	7,664,760	7,664,760	1,250,613	131,314
Aset sewaan beli	15	15	4	-
Aset saraan bercagar	552	552	193	20
Aset-aset lain	61,747	61,747	61,746	6,484
Pendedahan ingkar	37,458	37,458	150,208	15,772
Jumlah	46,103,529	46,103,529	10,676,247	1,121,006
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:				
Instrument kewangan derivatif	239,405	239,405	27,364	2,873
	239,405	239,405	27,364	2,873
Jumlah Pendedahan Kredit	46,342,934	46,342,934	10,703,611	1,123,879

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit

Pihak rakan niaga utama Cagamas adalah Kerajaan Malaysia (GOM), institusi kewangan, institusi kewangan pembangunan dan syarikat korporat di Malaysia. Jadual berikut menunjukkan analisis pendedahan kredit industri kewangan sebelum kesan kawalan risiko kredit mengikut:

(a) Analisis industri berasaskan pengagihan industri:

	Deposit dan perempatan												
	Tunai dan dana jangka pendek	Institusi kewangan	Instrumen kewangan dematif	Aset kewangan FVOCI*	Aset kewangan pada kos tertunas	Jumlah tertutang dampada rakan niaga	Aset pembiayaan Islam Konvensional	Aset gadaai janji-Islam	Aset gadaai janji-Islam	Aset sewa beli-Islam	Aset saaraan bercagar	Aset-aset lain	Jumlah
2023	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Badan kerajaan	-	-	-	1,420,577	-	-	-	-	-	-	-	33	1,420,610
Institusi kewangan:													
- Bank komersial	180,359	86,947	207,659	345,859	2,286,680	19,641,205	19,395,481	-	-	-	-	-	42,144,190
- Bank pembangunan	-	-	-	288,971	-	-	2,011,411	-	-	-	-	-	2,300,382
Komunikasi elektrik, gas dan air	-	-	-	213,271	-	-	-	-	-	-	-	-	213,271
Pengangkutan	-	-	-	160,538	-	-	-	-	-	-	-	-	160,538
Pemagakan	-	-	-	60,941	-	346,585	19,969	-	-	-	-	-	427,485
Pengguna Korporat	-	-	-	-	-	-	-	3,021,850	3,881,628	2,147	-	-	6,905,580
Pembiayaan Lain-lain	-	-	-	128,513	-	-	-	-	-	-	-	-	128,513
	-	-	-	20,420	-	-	-	-	-	-	-	-	20,420
	-	-	-	50,971	-	-	-	-	-	-	-	18,180	69,151
Jumlah	180,359	86,947	207,659	2,680,061	2,286,680	19,987,790	21,426,861	3,021,850	3,881,628	2,147	18,213	53,790,150	

* Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif (Fair Value through Other Comprehensive Income, FVOCI)

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(a) Analisis industri berasaskan pengagihan industri (sambungan):

2022	Tunai dan dana jangka pendek RM'000	Deposit dan penempatan dengan Institusi kewangan RM'000	Instrumen kewangan derivatif RM'000	Aset kewangan FVOCI* RM'000	Aset kewangan pada kos terahunas RM'000	Aset Jumlah tertutang daripada rakan niaga RM'000	Aset pembiayaan Islam RM'000	Aset gadaai jani-jan Konvensional RM'000	Aset gadaai jani-jan Islam RM'000	Aset sewa beli- Islam RM'000	Aset sarana bercagar RM'000	Aset-aset lain RM'000	Jumlah RM'000
Badan keajaian	-	-	-	1,542,101	-	-	-	-	-	-	-	333	1,524,454
Institusi kewangan:													
- Bank komersial	139,765	132,570	102,583	616,961	1,817,754	16,641,501	14,981,115	-	-	-	-	-	34,454,249
- Bank pembangunan Komunikasi, elektrik, gas dan air	-	-	-	202,129	-	-	501,169	-	-	-	-	-	706,298
Pengangkutan	-	-	-	300,140	-	-	-	-	-	-	-	-	300,140
Pemajaan	-	-	-	381,397	-	-	-	-	-	-	-	-	381,397
Perguruan	-	-	-	-	-	456,245	-	-	-	-	-	-	456,245
Korporat	-	-	-	-	-	-	-	3,426,761	4,275,424	50	552	-	7,702,787
Pembinaan	-	-	-	375,365	-	-	-	-	-	-	-	-	375,365
Lain-lain	-	-	-	56,201	-	-	-	-	-	-	-	-	56,201
	-	-	-	35,177	-	-	-	-	-	-	-	30,947	66,124
Jumlah	139,765	132,570	102,583	3,463,471	1,817,754	17,097,746	15,482,284	3,426,761	4,275,424	50	552	31,300	46,020,260

* Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif (Fair Value through Other Comprehensive Income, FVOCI)

** Nilai Saksama Melalui Utung atau Rugi (Fair Value through Profit or Loss, FVTPL)

(b) Analisis berdasarkan lokasi geografi tidak diperlukan kerana kesemua pendedahan kredit melibatkan pendedahan domestik.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak

2023	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa faedah/ Tanpa keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pendedahan Dalam Penyata Kewangan:						
Tunai dan dana jangka pendek	179,800	-	-	-	559	180,359
Deposit dan penempatan di Institusi Kewangan	86,947	-	-	-	-	86,947
Aset kewangan FVOCI	148,606	498,549	611,018	1,431,888	-	2,690,061
Aset kewangan pada kos terunas	-	-	-	2,290,448	(3,768)	2,286,680
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	6,475,796	8,861,989	4,288,658	361,372	(25)	19,987,790
Aset pembiayaan Islam	7,301,922	9,385,918	4,739,117	-	(96)	21,426,861
Aset gadai janji:						
- Konvensional	642,965	741,844	634,252	1,014,207	(11,418)	3,021,850
- Islam	601,511	782,955	689,809	1,818,964	(11,711)	3,881,528
Aset sewa beli:						
- Islam	61	-	-	-	(6)	55
Aset saraan bercagar	-	-	-	-	2,147	2,147
Aset-aset lain	152,273	42,464	-	12,922	46,989	254,648
Jumlah pendedahan dalam penyata kewangan	15,589,881	20,313,719	10,962,854	6,929,801	22,671	53,818,926
Pendedahan Luar Penyata Kewangan:						
IRS/IPRS	1,720	17,296	3,600	30,522	-	53,138
CCS	243,677	117,725	-	-	-	361,402
Jumlah Pendedahan Kredit	15,835,278	20,448,740	10,966,454	6,960,323	22,671	54,233,466

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.2 Pengagihan Pendedahan Kredit (sambungan)

(c) Analisis kematangan berdasarkan baki kematangan kontrak (sambungan)

2022	Dalam satu tahun RM'000	Satu hingga tiga tahun RM'000	Tiga hingga lima tahun RM'000	Lebih dari lima tahun RM'000	Tanpa faedah/ Tanpa keuntungan RM'000	Jumlah RM'000
Pendedahan Dalam Penyata						
Kewangan:						
Tunai dan dana jangka pendek	158,354	-	-	-	1,411	159,765
Deposit dan penempatan di Institusi Kewangan	132,570	-	-	-	-	132,570
Aset kewangan FVOCI	1,172,957	493,730	475,704	1,351,080	-	3,493,471
Aset kewangan pada kos terlunas	-	-	-	1,820,889	(3,135)	1,817,754
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	-	11,119,106	1,529,429	4,449,227	(16)	17,097,746
Aset pembiayaan Islam	-	9,509,737	4,027,529	1,945,111	(93)	15,482,284
Aset gadai janji:						
- Konvensional	570,966	710,627	654,002	1,506,063	(14,897)	3,426,761
- Islam	617,661	791,051	721,141	2,162,762	(17,191)	4,275,424
Aset sewa beli:						
- Islam	62	-	-	-	(12)	50
Aset saraan bercagar	-	-	-	-	552	552
Aset-aset lain	5,577	6,767	-	9,428	195,380	217,152
Jumlah pendedahan dalam penyata kewangan	2,658,147	22,631,018	7,407,805	13,244,560	161,999	46,103,529
Pendedahan Luar Penyata						
Kewangan:						
IRS/IPRS	6,801	16,767	-	28,629	-	52,197
CCS	154,971	32,237	-	-	-	187,208
Jumlah Pendedahan Kredit	2,819,919	22,680,022	7,407,805	13,273,189	161,999	46,342,934

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.3 Pendedahan Luar Penyata Kewangan dan Risiko Kredit Rakan Niaga (Counterparty Credit Risk, CCR)

CCR ke atas instrumen kewangan derivatif adalah risiko rakan niaga Cagamas menghadapi keingkaran dalam pertukaran mata wang asing, kadar untung/faedah, komoditi, ekuiti, opsiyen atau kontrak derivatif kredit sebelum tarikh matang kontrak berkenaan dan Cagamas, pada masa berkaitan, mempunyai tuntutan ke atas pihak rakan niaga tersebut. Instrumen kewangan derivatif adalah terhad kepada kontrak berkaitan kadar untung/faedah dan pertukaran mata wang asing yang dibuat hanya untuk tujuan lindung nilai.

Pendedahan Luar Penyata Kewangan

	Jumlah Pokok RM'000	Nilai Saksama Positif bagi Kontrak Derivatif RM'000	Jumlah Persamaan Kredit RM'000	RWA RM'000
2023				
Instrumen Kewangan Derivatif	7,837,266	207,659	414,540	41,376
IRS/IPRS				
– Kurang dari 1 tahun	1,000,000	720	1,720	200
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	1,425,000	446	20,896	4,090
– 5 tahun dan ke atas	160,000	12,923	30,522	3,520
CCS				
– Kurang dari 1 tahun	4,139,796	151,552	243,677	18,425
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	1,112,470	42,018	117,725	15,141
2022				
Instrumen Kewangan Derivatif	4,663,125	102,583	239,405	27,364
IRS/IPRS				
– Kurang dari 1 tahun	490,000	5,576	6,801	245
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	1,000,000	6,767	16,767	2,000
– 5 tahun dan ke atas	160,000	9,429	28,629	3,840
CCS				
– Kurang dari 1 tahun	2,705,125	67,054	154,971	17,583
– 1 tahun hingga kurang dari 5 tahun	308,000	13,757	32,237	3,696

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.4 Penarafan Kredit

5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian

Di bawah Pendekatan Piawaian, penarafan kredit yang ditetapkan oleh Agensi Penarafan Kredit digunakan untuk mengira aset berwajaran risiko kredit untuk PWR, Pelaburan, IRS/IPRS dan CCS/ICCS menurut RWCAF BNM. Agensi penarafan atau Institusi Penaksiran Kredit Luar (ECAI) yang diiktiraf oleh BNM adalah seperti berikut:

- (i) Standard & Poor's Rating Services (S&P)
- (ii) Moody's Investors Service (Moody's);
- (iii) Fitch Ratings (Fitch);
- (iv) RAM Rating Services Berhad (RAM);
- (v) Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC); dan
- (vi) Rating & Investment Information, Inc (R&I).

Berdasarkan kepada RWCAF BNM, apabila penarafan pendedahan dilakukan oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan luar, wajaran risiko akan ditentukan berasaskan kepada penarafan kedua tertinggi. Bagi Cagamas, jika pendedahan didenominasikan dalam mata wang tempatan dan apabila penarafan pendedahan dilakukan oleh lebih daripada sebuah agensi penarafan tempatan, wajaran risiko ditentukan berdasarkan penarafan tempatan kedua tertinggi. Rakan niaga dianggap tidak ditaraf apabila sesebuah pendedahan itu tidak ditaraf oleh agensi penarafan ECAI, manakala pendedahan yang dilindungi oleh jaminan nyata yang dikeluarkan oleh penjamin yang layak atau sudah ditaraf, penarafan serupa yang diberikan kepada penjamin itu akan digunakan.

Jadual berikut menunjukkan pendedahan kredit Cagamas selepas kesan mitigasi risiko mengikut wajaran risiko:

Wajaran Risiko	Kerajaan & Bank Pusat	FI & DFI*	Syarikat Korporat & Pemajakan	Aset-aset Lain	RWA
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
2023					
0%	1,511,974	-	-	-	-
10%	-	-	-	-	-
20%	75,373	37,568,445	786,908	-	7,644,613
50%	-	7,253,561	64,707	-	3,659,134
100%	-	-	19,969	46,949	66,918
Jumlah	1,587,347	44,822,006	871,584	46,949	11,370,665
Purata Wajaran Risiko	0.9%	24.8%	24.1%	100.00%	24.0%
2022					
0%	1,953,553	-	-	1	-
10%	-	-	-	-	-
20%	-	29,007,122	1,163,080	-	6,013,524
50%	-	6,379,579	75,068	-	3,227,323
100%	-	-	-	61,746	61,746
Jumlah	1,953,553	35,386,701	1,238,148	61,747	9,302,593
Purata Wajaran Risiko	0.0%	25.4%	21.8%	100.00%	24.1%

* FI – Institusi Kewangan

DFI – Institusi Kewangan Pembangunan

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

5.4.1 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Piawaian (sambungan)

Jadual berikut adalah ringkasan petaan matrik berwajaran risiko dan pengagihan berwajaran risiko berdasarkan Pendekatan Piawaian:

Ditaraf Peringkat Pendedahan:	Penarafan Rakan Niaga diluluskan oleh ECAI				
	Aaa hingga Aa3	A1 hingga A3	Baa1 hingga Ba3	B1 hingga C	Tidak ditaraf
Moody's	Aaa hingga Aa3	A1 hingga A3	Baa1 hingga Ba3	B1 hingga C	Tidak ditaraf
S&P	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak ditaraf
Fitch	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak ditaraf
RAM	AAA hingga AA3	A hingga A3	BBB1 hingga BB3	B1 hingga C	Tidak ditaraf
MARC	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak ditaraf
R&I Inc	AAA hingga AA-	A+ hingga A-	BBB+ hingga BB-	B+ hingga D	Tidak ditaraf
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pendedahan di dalam dan di luar penyata kedudukan kewangan					
2023					
Kerajaan/Bank Pusat [#]	1,587,347	-	-	-	-
FI dan DFI	37,568,445	7,253,561	-	-	-
Syarikat Korporat dan Pemajikan	786,908	64,707	-	-	19,969
Aset-aset lain	-	-	-	-	46,949
Jumlah	39,942,700	7,318,268	-	-	66,918
2022					
Kerajaan/Bank Pusat [#]	1,953,553	-	-	-	-
FI dan DFI	29,007,122	6,379,579	-	-	-
Syarikat Korporat dan Pemajikan	1,163,080	75,068	-	-	-
Aset-aset lain	-	-	-	-	61,747
Jumlah	32,123,755	6,454,647	-	-	61,747

[#] Di bawah RWCAF BNM, pendedahan kepada dan/atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia diberikan wajaran risiko keutamaan yang berdaulat sebanyak 0%.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.4 Penarafan Kredit (sambungan)

5.4.2 Penentuan Berwajaran Risiko di bawah Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalam Lanjutan (AIRB)

Cagamas mengambil pendekatan AIRB bagi pendedahan PWOR yang terdiri daripada pinjaman gadai janji dan pinjaman sewa beli dengan menggunakan 3 parameter utama iaitu Kemungkinan Berlaku Ingkar (*Probability of Default*, PD), Kerugian Akibat Ingkar (*Loss Given Default*, LGD) dan Pendedahan Sewaktu Ingkar (*Exposure at Default*, EAD) bagi mengira risiko kredit.

Anggaran risiko dirangka berasaskan kepada sejarah data dalaman di mana kajian ke atas sejarah perilaku portfolio telah membentuk dasar pengiraan PD dan LGD. EAD adalah pendedahan yang berlaku apabila berlakunya kelewatan pembayaran.

Laporan pendedahan mengikut julat PD:

	EAD RM'000	LGD %	Kadar Berwajaran RW %	RWA RM'000
2023				
Aset Gadai Janji				
Julat PD:				
sehingga 3%	7,415,205	26.00%	10.22%	757,915
>3% hingga <100%	3,848	26.00%	125.16%	4,816
100%	24,392	26.00%	325.00%	79,274
Aset Sewa Beli				
Julat PD:				
sehingga 3%	36,804	26.00%	10.22%	3,762
>3% hingga <100%	-	-	-	-
100%	25	26.00%	325.00%	81
Jumlah	7,480,274			845,848
2022				
Aset Gadai Janji				
Julat PD:				
sehingga 3%	8,332,112	32.08%	14.89%	1,240,862
>3% hingga <100%	3,154	32.08%	169.15%	5,335
100%	37,423	32.08%	401.00%	150,068
Aset Sewa Beli				
Julat PD:				
sehingga 3%	29,681	32.08%	14.89%	4,420
>3% hingga <100%	-	-	-	-
100%	35	32.08%	401.00%	14
Jumlah	8,402,405			1,400,825

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas

Sila rujuk kepada Nota 2 kepada penyata kewangan bagi dasar-dasar perakaunan dan andaian terhadap penilaian penjejasan bagi pinjaman dan pembiayaan. Dasar perakaunan bagi penjejasan diterimapakai oleh Kumpulan.

(a) Jadual berikut adalah ringkasan bagi peruntukan penjejasan mengikut tujuan ekonomi:

	Tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu RM'000	Lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu RM'000	Jumlah RM'000	Peruntukan bagi kerugian penjejasan RM'000	Jumlah nilai bawaan RM'000
2023					
Pembelian aset gadai janji	45,240,254	24,392	45,264,646	23,219	45,241,427
Pembelian kenderaan bermotor/ peralatan	346,621	25	346,646	6	346,640
Penggunaan persendirian	2,730,048	-	2,730,048	31	2,730,017
	48,316,923	24,417	48,341,340	23,256	48,318,084
2022					
Pembelian aset gadai janji	37,438,559	37,422	37,475,981	32,159	37,443,822
Pembelian kenderaan bermotor/ peralatan	456,271	36	456,307	13	456,29
Penggunaan persendirian	2,382,186	-	2,382,186	37	2,382,149
	40,277,016	37,458	40,314,474	32,209	40,282,265

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

5.0 RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

5.5 Lampau Tempoh dan Pinjaman Terjejas (sambungan)

(b) Jadual berikut adalah rumusan peruntukkan penjejasan mengikut jenis produk:

	Tidak lampau tempoh melebihi 90 hari mahupun terjejas secara individu RM'000	Lampau tempoh melebihi 90 hari tetapi tidak terjejas secara individu RM'000	Jumlah RM'000	Peruntukan bagi kerugian penjejasan RM'000	Jumlah nilai bawaan RM'000
2023					
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	19,987,815	–	19,987,815	25	19,987,790
Aset pembiayaan Islam	21,426,957	–	21,426,957	96	21,426,861
Aset Gadai Janji:					
– Konvensional	3,022,779	10,489	3,033,268	11,418	3,021,850
– Islam	3,879,336	13,903	3,893,239	11,711	3,881,528
Aset Sewa Beli:					
– Islam	36	25	61	6	55
	48,316,923	24,417	48,341,340	23,256	48,318,084
2022					
Jumlah terhutang daripada rakan niaga	17,097,762	–	17,097,762	16	17,097,746
Aset pembiayaan Islam	15,482,377	–	15,482,377	93	15,482,284
Aset Gadai Janji:					
– Konvensional	3,423,344	18,314	3,441,658	14,897	3,426,761
– Islam	4,273,507	19,108	4,292,615	17,191	4,275,424
Aset Sewa Beli:					
– Islam	26	36	62	12	50
	40,277,016	37,458	40,314,474	32,209	40,282,265

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

6.0 RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN

Risiko pasaran adalah potensi kerugian yang berlaku daripada pergerakan harga pasaran dan kadar faedah. Pendedahan terhadap risiko pasaran adalah terhad kepada kadar faedah/keuntungan dan pertukaran mata wang asing memandangkan Cagamas tidak terlibat di dalam aktiviti ekuiti atau perdagangan komoditi. Cagamas tidak terdedah kepada risiko kadar faedah/keuntungan dan pertukaran mata wang asing daripada aktiviti perdagangan proprietari kerana ianya tidak selari dengan selera risiko sedia ada.

Risiko kecairan berlaku apabila Cagamas tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan tanggungjawab kewangannya apabila ianya perlu dijelaskan.

Pengawasan dan Penyusunan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

ALCO adalah jawatankuasa pengurusan kanan yang bertanggungjawab dalam pengurusan aktiviti risiko pasaran dan kecairan termasuk menentukan had risiko. ALCO yang dipengerusikan oleh Presiden/CEO menyemak dasar risiko pasaran dan kecairan Cagamas, strategi pembiayaan, menyelaraskan pengurusan risiko pasaran dan risiko kecairan dengan strategi perniagaan dan mengkaji semula prestasi portfolio pelaburan, kedudukan perlindungan nilai perbendaharaan dan juga had/pematuhan risiko dan keputusan ujian tekanan.

RMD menyokong ALCO di peringkat awal kerja dan merupakan unit kawalan risiko secara bebas yang bertanggungjawab dalam membangunkan dasar risiko pasaran dan kecairan bagi memastikan pengawasan kawalan risiko yang mencukupi.

Pendekatan Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

Cagamas menguruskan risiko pasaran dan risiko kecairan dengan menetapkan ambang had yang diluluskan oleh pengurusan dalam parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan hubungan pulangan risiko.

Disamping itu, Cagamas juga berpegang kepada dasar padanan pembiayaan yang ketat di mana semua pembelian aset dibiayai oleh bon yang dipadankan dengan saiz hampir sepadan serta tempoh dan mencukupi dari segi aliran tunai. Mekanisma kecairan masa depan telah tersedia untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan dan pada masa yang sama mengelakkan tumpuan pembiayaan yang berlebihan.

Cagamas merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urusan niaga perniagaan bagi memastikan dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan yang meliputi sekuriti hutang boleh niaga juga disediakan untuk menghadapi kekurangan aliran tunai di luar jangkaan atau keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan di pasaran kewangan.

Instrumen derivatif seperti swap kadar untung/faedah dan swap mata wang bersilang digunakan untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasaran daripada perubahan kadar faedah. Proses pengurusan kecairan melibatkan pemantauan berkala terhadap had risiko kecairan, dan mewujudkan pelan pembiayaan luar jangka. Proses-proses ini tertakluk kepada semakan berkala. Kecairan juga dipantau berasaskan kepada nisbah liputan kecairan dan nisbah pembiayaan stabil bersih Basel III.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

6.0 RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN (SAMBUNGAN)

6.1 Pengurusan Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan

Risiko kadar faedah dalam buku perbankan dipantau secara bulanan dan pendedahannya adalah minimal kerana pendekatan pembiayaan padanan yang diterimapakai oleh Cagamas bagi aset dan liabilitinya. Kesan ke atas pendapatan faedah bersih telah disimulasikan dan jadual berikut meringkaskan kesan yang timbul dari peralihan selari 100 mata asas.

Kesan pada Kedudukan Sekata 31 Disember	(-100 mata asas) Anjakan Selari	(+100 mata asas) Anjakan Selari
	Penurunan Pendapatan Faedah Bersih RM'000	Peningkatan Pendapatan Faedah Bersih RM'000
2023	(9,590)	9,590
2022	(2,281)	2,284

6.2 Pengurusan Bukan Dagangan Risiko Pertukaran Asing

Cagamas terdedah kepada risiko pertukaran asing daripada aktiviti pembiayaan perbendaharaan di mana nilai mata wang fungsian bukan dalam Ringgit Malaysia. Risiko mata wang asing diuruskan/dilindungi nilai dengan membuat CCS/ICCS dengan pihak yang dipilih pada peringkat awal dan serentak dengan penerbitan bon dan pembelian aset untuk memastikan bahawa tidak ada ketidakpadanan masa di antara aliran tunai daripada aset, liabiliti ke atas bon mata wang asing serta instrumen lindung nilai.

7.0 RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah kerugian berpotensi akibat kelemahan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau akibat daripada peristiwa luaran. Ia termasuk risiko reputasi yang berkaitan dengan amalan perniagaan Cagamas atau pengendalian pasaran. Ia juga termasuk risiko gagal untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang digunakan.

Pengawasan dan Organisasi Pengurusan Risiko Operasi

MEC mentadbir risiko operasi dalam Cagamas. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap bulan dan membincangkan isu-isu berkaitan risiko operasi.

RMD telah menggariskan Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Operasi Syarikat (Operational Risk Management, ORM) yang menjelaskan pendekatan Cagamas terhadap pengurusan risiko operasi yang merangkumi Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan Syarikat, Penunjuk Risiko Utama dan Laporan Kerugian Risiko. Jabatan Risiko Operasi dan Teknologi RMD menyediakan pengawasan bebas daripada pemantauan dan analisis risiko operasi. Risiko perundangan diuruskan oleh Jabatan Undang-undang dan jika perlu, khidmat nasihat perundangan dari luar akan diambil.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

7.0 RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

Pendekatan Pengurusan Risiko Operasi

Dasar Pengurusan Risiko Operasi menetapkan prinsip teras pentadbiran bagi pengurusan risiko operasi dan menyediakan rangka kerja tambah nilai yang konsisten untuk menilai, menyampaikan secara komunikasi risiko operasi dan keberkesanan keseluruhan persekitaran kawalan dalaman.

Unit Perniagaan/Sokongan merupakan satu bahagian penting dalam rangka kerja pengurusan risiko operasi dan mempunyai tanggungjawab utama terhadap pengurusan risiko operasi harian. Unit-unit ini bertanggungjawab untuk mewujudkan dan mengekalkan manual operasi masing-masing dan memastikan aktiviti yang dilakukan mematuhi rangka kerja pengurusan risiko operasi Kumpulan. Setiap unit perniagaan/sokongan menjalankan penilaian sendiri persekitaran risiko dan kawalan persekitaran untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko operasinya. Kerugian dan kejadian risiko operasi dilaporkan kepada pengurusan kanan dan BRC melalui RMD yang melaksanakan penilaian secara bebas.

Pengurusan meletakkan nilai yang sangat tinggi untuk mengekalkan persekitaran kawalan yang berkesan untuk mengurangkan risiko operasi. Oleh itu, beberapa alat telah disediakan untuk mengurangkan risiko ini. Alat ini terdiri daripada:

- Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan (*Risk Control Self-Assessment, RCSA*) merupakan satu proses penilaian berterusan bagi risiko dan kawalan operasi yang wujud untuk mengenal pasti jurang kawalan dan untuk membangunkan pelan tindakan bagi menutup jurang tersebut. Ia adalah alat memprofil risiko yang membantu pengurusan risiko operasi yang berkesan dalam organisasi. RCSA terletak di bawah tanggungjawab ketua jabatan masing-masing;
- Petunjuk risiko utama sebagai isyarat amaran awal peningkatan risiko dan/atau kegagalan kawalan dengan memaparkan kekerapan kejadian sebagai mekanisme untuk penilaian/pemantauan risiko secara berterusan; dan
- Laporan kerugian operasi melibatkan proses mengumpul, menilai, memantau dan melaporkan kerugian risiko operasi, termasuk hampir berlaku, data yang menyediakan metrik penting dalam pengukuran risiko operasi utama.

Bagi memastikan perkhidmatan tanpa gangguan dan perlindungan aset dan wargakerja Cagamas semasa bencana, Cagamas telah menyediakan Rangka Kerja dan Polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity Management, BCM*) yang rapi bagi pelbagai fungsi kritikal. BCM merangkumi Pelan Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan, BCP*) dan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery, DR*), sekiranya berlaku gangguan perniagaan/bencana dan pelaksanaan BCP. Daya tahan rancangan-rancangan ini di bawah senario yang berbeza telah diuji secara berterusan melalui latihan DR secara kerap.

Dalam mengurus kemunculan global serangan siber dan risiko keselamatan siber, Cagamas telah melaksanakan rangka kerja dan dasar yang teguh, iaitu Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (*Technology Risk Management Framework, TRMF*), Rangka Kerja Ketahanan Siber (*Cyber Resilience Framework, CRF*) dan Polisi Pengurusan Risiko Teknologi Maklumat (*Information Technology Risk Management Policy, ITRMP*). Selain itu, Dasar Perlindungan Kehilangan Data (*Data Loss Protection, DLP*) dan alat DLP yang komprehensif turut dilaksanakan untuk melindungi data kritikal Cagamas.

Syarikat menggunakan Pendekatan Petunjuk Asas (BIA) untuk mengira Modal Risiko Operasi.

PENDEDAHAN TUNGGAK 3 (sambungan)

8.0 PENDEDAHAN TADBIR URUS SYARIAH

Syarikat berunding dan mendapatkan pengesahan/kelulusan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk, transaksi dan operasi Islam bagi memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah. Di samping itu, dimana berkenaan, Cagamas juga mendapat kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan/atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) melalui rakanniaga atau perantara yang berada di bawah bidang kuasa BNM, dan/atau melalui penasihat utama program sukuk untuk penyerahan produk kewangan Islamnya kepada SC.

Semakan/audit Syariah secara berkala dijalankan untuk mengesahkan bahawa produk dan operasi Islam Syarikat adalah selaras dengan pandangan atau keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah bebas dan Penasihat Syariah Bersama program sukuk, jika perlu. Sebarang insiden yang tidak mematuhi keperluan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan, BRC dan Lembaga Pengarah. Tindakan pemulihan akan disahkan oleh Penasihat Syariah bebas dan untuk pemberitahuan kepada BRC dan Lembaga Pengarah.

Sepanjang tempoh kewangan ini, tidak ada peristiwa tidak mematuhi keperluan Syariah yang dilaporkan.

BORANG PROKSI

Bilangan Syer

Saya/Kami _____ (NAMA PENUH DALAM HURUF BESAR)

dari _____ (ALAMAT PENUH)

sebagai ahli/ahli-ahli CAGAMAS HOLDINGS BERHAD, dengan ini melantik:

Nama	Jawatan	Nisbah Pemegangan Syer (%)

dan/atau (potong mengikut kesesuaian)

Nama	Jawatan	Nisbah Pemegangan Syer (%)

atau sekiranya beliau tidak dapat hadir, Pengerusi bagi mesyuarat, sebagai proksi/proksi-proksi saya/kami untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuhbelas (ke-17) Syarikat, yang akan diadakan di Majestic 1, Aras 3, The Majestic Hotel Kuala Lumpur, 5 Jalan Sultan Hishamuddin, 50000 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 30 April 2024 pada jam 11.30 pagi dan pada sebarang penangguhannya.

Proksi saya/kami akan mengundi sama ada dengan mengangkat tangan atau dengan membuang undi dengan menandakan "X" seperti di bawah:

No	Resolusi	Setuju	Bangkang
1.	Pembayaran Yuran Pengarah dari AGM ke-17 hingga AGM ke-18	(Resolusi Biasa No. 1)	
2.	Pembayaran Manfaat kepada Pengarah termasuk elaun mesyuarat dari AGM ke-17 hingga AGM ke-18	(Resolusi Biasa No. 2)	
3.	Pelantikan Semula Tan Sri Dato' Sri Dr. Tay Ah Lek di bawah Artikel-artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat	(Resolusi Biasa No. 3)	
4.	Pelantikan Semula Dato' Lee Kok Kwan di bawah Artikel-artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat	(Resolusi Biasa No. 4)	
5.	Pelantikan Semula Wan Hanisah Wan Ibrahim di bawah Artikel-artikel 23.5 dan 23.6 Perlembagaan Syarikat	(Resolusi Biasa No. 5)	
6.	Pelantikan Tetuan Ernst & Young PLT sebagai Juruaudit bagi Syarikat dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayarannya	(Resolusi Biasa No. 6)	

Bertarikh _____ haribulan _____ 2024

_____ Tandatangan Ahli

Nota

- Seorang ahli yang berhak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat adalah berhak melantik sehingga dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak beliau. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
- Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada satu (1) orang proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah kecuali beliau menyatakan nisbah pemegangan syer beliau yang akan diwakili oleh setiap proksi.
- Suratcara pelantikan proksi tersebut hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil beliau yang telah diberi kuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah badan korporat, sama ada di bawah meterai atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang telah diberi kuasa.
- Kesemua Borang Proksi mestilah sempurna diisi dan diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur atau diemelkan ke cosec@cagamas.com.my tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat berkenaan atau untuk mesyuarat yang ditangguhkan mengikut keadaan yang berkenaan.

NOTA PENJELASAN MENGENAI PERNIAGAAN BIASA

1. Resolusi Biasa 3, 4 dan 5 - Pelantikan Semula Pengarah

Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kelayakan dan kesesuaian serta sumbangan para Pengarah yang bersara dan menawarkan diri untuk pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan ini, berdasarkan Borang-borang Deklarasi Kelayakan dan Kesesuaian Pengarah masing-masing dan penilaian tahunan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan.

Profil-profil para Pengarah yang ingin dilantik semula dinyatakan di bahagian Profil Lembaga Pengarah di dalam Laporan Tahunan 2023 Syarikat.

2. Resolusi Biasa 6 - Pelantikan Semula Juruaudit

Setelah berpuas hati dengan prestasi, kecekapan, pendekatan audit dan kebebasan Tetuan Ernst & Young PLT, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (*Group Board Audit Committee*, GBAC) telah mencadangkan pelantikan Tetuan Ernst & Young PLT sebagai juruaudit luar bagi Syarikat dan anak-anak Syarikatnya untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Lembaga Pengarah menyokong cadangan GBAC untuk mendapatkan kelulusan pemegang syer untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young PLT sebagai juruaudit luar Syarikat sehingga tamatnya AGM Syarikat dan anak-anak Syarikatnya yang seterusnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka.

Dilipat

SETEM

Setiausaha Syarikat
CAGAMAS HOLDINGS BERHAD
Aras 32, The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Dilipat